



DR 3 TAHUN 2018
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS
PENGGAL KEENAM



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

PROGRAM BANTUAN DAN PERKHIDMATAN KEPADA WARGA EMAS

- JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM)
- KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM)

LAPORAN
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PROGRAM BANTUAN DAN PERKHIDMATAN KEPADA WARGA EMAS OLEH JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM) DI BAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM)	1-23
2	RUMUSAN & SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA	24-25
3	AGENDA MESYUARAT	
4	LAPORAN PROSIDING	
5	DOKUMEN PEMBENTANGAN	

**LAPORAN
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA
WANG NEGARA**

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN**
BERHUBUNG PROGRAM BANTUAN DAN PERKHIDMATAN KEPADA WARGA EMAS
OLEH JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
DIBAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN**
BERHUBUNG PROGRAM BANTUAN DAN PERKHIDMATAN
KEPADА WARGA EMAS
OLEH JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM)
DI BAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM)

1. PENDAHULUAN

Program Bantuan Dan Perkhidmatan Kepada Warga Emas oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) adalah sebahagian daripada penemuan audit dalam pembentangan Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2016 Siri 1 yang dibentangkan di Parlimen pada 31 Julai 2017.

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) Parlimen memutuskan untuk membincangkan mengenai isu ini pada 4 Oktober 2017 iaitu dalam Prosiding Bilangan 15/2017.

2. OBJEKTIF PERBINCANGAN.

Selaras dengan mandat yang diberikan di bawah Perkara 77 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat serta Perkara 304 (a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008), PAC Parlimen telah membincangkan penemuan audit berhubung Program Bantuan Dan Perkhidmatan Kepada Warga Emas oleh JKM bertujuan untuk mengkaji dan meneliti sama ada program bantuan yang dilaksanakan menepati serta mencapai objektif utama yang ditetapkan.

3. SKOP DAN METODOLOGI

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- i. Menjemput Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi) selaku wakil Ketua Audit Negara bagi memberi penjelasan berhubung isu yang dibangkitkan;
- ii. Memanggil pihak yang terlibat dengan Program Bantuan Dan Perkhidmatan Kepada Warga Emas iaitu YBhg. Datuk Dr. Rose Lena Binti Lazemi, Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) dan YBhg. Dato' Haji Zulkiply Bin Ramli, Ketua Pengarah (KP) JKM untuk memberi penjelasan mengenai maklum balas dan tindakan yang diambil; dan
- iii. Menjemput wakil dari agensi pusat seperti Kementerian Kewangan (MoF); Jabatan Akauntan Negara; Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk hadir bersama.

4. LATAR BELAKANG

4.1 Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) berperanan untuk melahirkan masyarakat yang sejahtera melalui penyampaian perkhidmatan pembangunan sosial di semua peringkat. Salah satu aktiviti di bawah JKM adalah mensasarkan golongan warga emas (iaitu mereka yang berumur 60 tahun ke atas berdasarkan tafsiran “*World Assembly On Ageing 1982*” di Vienna, tinggal berseorangan atau dengan keluarga yang kurang berkemampuan) bagi meningkatkan kesejahteraan melalui perkhidmatan jagaan perlindungan serta program pembangunan. Antara bantuan dan perkhidmatan yang diberi oleh JKM kepada golongan sasar ini adalah seperti berikut:

4.1.1 Bantuan Kewangan Secara Bulanan

Objektif bantuan kewangan adalah untuk meningkatkan taraf kehidupan kumpulan sasar agar dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan sempurna. Bantuan kewangan warga emas terdiri daripada 2 kategori iaitu Skim Bantuan Orang Tua (BOT) sejumlah RM300 sebulan seorang kepada golongan sasar yang layak dan pemberian wang saku sejumlah RM30 sebulan seorang kepada semua penghuni Rumah Seri Kenangan (RSK).

4.1.2 Perkhidmatan Aktiviti Kepada Warga Emas

- 4.1.2.1 Program Pusat Perkhidmatan Warga Emas (PAWE)** – pusat yang disediakan kepada warga emas bagi menjalankan aktiviti harian dalam komuniti. Ia merupakan satu perkhidmatan yang bercorak pendampingan sosial (bersama-sama komuniti) dan pembangunan kepada warga emas melibatkan kerjasama strategik antara KPWKM dengan agensi kerajaan yang lain serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Antara aktiviti yang dijalankan adalah aktiviti keagamaan, latihan/kursus, rekreasi, sukan, kesihatan, terapi/pemulihan dan khidmat sukarela.
- 4.1.2.2 Program Unit Penyayang Warga Emas (UPWE)** – menyediakan perkhidmatan dan kemudahan pengangkutan kepada warga emas yang tinggal berseorangan atau dengan keluarga yang kurang berkemampuan untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan kesihatan di hospital/klinik kesihatan sama ada yang disediakan oleh pihak kerajaan atau pihak swasta.
- 4.1.2.3 Rumah Seri Kenangan (RSK)** – perkhidmatan untuk menempatkan warga emas yang berkelayakan iaitu warga emas yang tiada tempat tinggal dan tiada pendapatan. RSK memberi jagaan dan perlindungan kepada warga emas yang memerlukan kesejahteraan serta kualiti hidup yang lebih baik. Terdapat sembilan buah RSK iaitu di Kangar, Perlis; Bedong, Kedah;

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN
BERHUBUNG PROGRAM BANTUAN DAN PERKHIDMATAN KEPADA WARGA EMAS
OLEH JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
DIBAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

Taiping, Perak; Ulu Kinta, Perak; Cheras, Selangor; Seremban, Negeri Sembilan; Cheng, Melaka; Johor Bahru, Johor dan Kemumin, Kelantan.

5. PERBINCANGAN DAN PENEMUAN DALAM PROSIDING PAC PARLIMEN

Sesi perbincangan dimulakan dengan penjelasan awal mengenai isu yang berkenaan oleh wakil Ketua Audit Negara kepada PAC Parlimen.

Selanjutnya, pihak yang terlibat dengan isu yang dibangkitkan iaitu KSU KPWKM dan KP JKM dipanggil untuk memberikan keterangan. Perkara yang dibincangkan secara umumnya diringkaskan seperti berikut:

5.1. Penjelasan Awal Oleh Wakil Ketua Audit Negara

Wakil Ketua Audit Negara telah memaklumkan PAWE adalah bertujuan bagi menjalankan aktiviti seperti rekreasi, kesihatan, keagamaan, khidmat sukarela dan sukan. PAWE menerima geran kerajaan sejumlah RM33,330 setahun. Sebanyak 51 buah PAWE telah ditubuhkan di bawah NGO dan diselia oleh JKM. Objektif PAWE adalah meluaskan kemudahan dan kesejahteraan pembangunan warga emas; meningkatkan kualiti hidup selari dengan konsep warga emas; ruang kepada warga emas rasa dihargai melalui perkongsian pengalaman dan kepakaran; serta menggalakkan penglibatan pelbagai pihak.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN**
BERHUBUNG PROGRAM BANTUAN DAN PERKHIDMATAN KEPADA WARGA EMAS
OLEH JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
DIBAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Beberapa kelemahan bagi Program Bantuan Dan Perkhidmatan Kepada Warga Emas yang dibangkitkan adalah seperti berikut:

- i. Lima (5) daripada 12 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) yang dilawati masih tidak mematuhi arahan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia yang menghendaki bayaran BOT dibuat melalui bank. Pembayaran secara tunai bagi BOT melibatkan wang tunai sejumlah RM547,200 bagi bulan November 2016.
- ii. Kelemahan dalam agihan tunai BOT seperti pengiraan wang secara beramai-ramai tanpa had; kelemahan terhadap proses pengesahan penerimaan dan pembayaran; kad bagi tuntutan kewangan tidak dilengkapi dengan ciri keselamatan; terdapat pembayaran BOT kepada penerima yang telah meninggal dunia.
- iii. Perbelanjaan sejumlah RM70,988 oleh PAWE tidak mengikut garis panduan yang ditetapkan dan tiada permohonan dibuat untuk perbelanjaan tersebut.
- iv. Terdapat salah guna bantuan geran peruntukan PAWE dengan memberi pinjaman sejumlah RM95,200 kepada penyelia dan NGO yang mengurus serta mengendalikan PAWE.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN**
BERHUBUNG PROGRAM BANTUAN DAN PERKHIDMATAN KEPADA WARGA EMAS
OLEH JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
DIBAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

- v. Tiada permohonan dibuat bagi lebihan belanja sejumlah RM46,733 semasa perolehan peralatan dan kelengkapan PAWE.
- vi. PAWE baru masih tidak beroperasi sejak penubuhannya pada November 2015.

5.2 Keterangan Oleh KSU KPWKM

KSU KPWKM memaklumkan JKM merupakan salah satu Jabatan di bawah KPWKM yang berperanan untuk melahirkan masyarakat sejahtera melalui penyampaian perkhidmatan pembangunan sosial di semua peringkat. Salah satu aktiviti JKM adalah melibatkan warga emas (iaitu mereka yang berumur 60 tahun ke atas berdasarkan tafsiran “*World Assembly On Ageing 1982*” di Vienna, tinggal berseorangan atau dengan keluarga yang kurang berkemampuan). Antara bantuan dan perkhidmatan yang diberi oleh JKM kepada golongan sasar ini adalah :-

- i. Bantuan Orang Tua (BOT) iaitu bantuan kewangan secara bulanan dengan kadar RM300.00 sebulan.
- ii. Perkhidmatan Aktiviti Kepada Warga Emas:
 - a. Program Pusat Perkhidmatan Warga Emas (PAWE)
PAWE adalah merupakan program berbentuk komuniti yang dijalankan secara kerjasama antara JKM dan pihak NGO ataupun komuniti setempat. Sehingga kini sebanyak 59 PAWE telah ditubuhkan. Bagi

LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN
BERHUBUNG PROGRAM BANTUAN DAN PERKHIDMATAN KEPADA WARGA EMAS
OLEH JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
DIBAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

penubuhan PAWE baharu jumlah peruntukan yang diterima adalah RM113,330. Pecahan bagi peruntukan tersebut adalah seperti berikut:

- i. RM50,000 (*one-off*) bagi pembelian peralatan dan kelengkapan;
- ii. RM30,000 (*one-off*) bagi penyelenggaraan dan pembaikan premis; dan
- iii. RM33,330 adalah geran pengoperasian.

Manakala bagi PAWE yang telah beroperasi hanya akan menerima geran pengoperasi secara tahunan berjumlah RM33,330.

b. Program Unit Penyayang Warga Emas (UPWE)

UPWE merupakan kemudahan pengangkutan untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan kesihatan di hospital ataupun klinik dan juga untuk urusan sosial yang lain.

c. Rumah Seri Kenangan (RSK)

d. Rumah Ehsan.

Prestasi kewangan bagi tempoh 2014 hingga 2016 di bawah Program BOT, peruntukan yang disalurkan bagi tempoh 3 tahun tersebut adalah berjumlah RM1.504 bilion dan telah dibelanjakan sepenuhnya. Manakala bagi perkhidmatan warga emas melibatkan PAWE, UPWE dan institusi kebajikan, peruntukan adalah RM89.06 juta dan telah dibelanjakan melebihi

peruntukan asal iaitu berjumlah RM92.59 juta (103.9%). Lebihan ini adalah atas faktor emolumen dan bonus yang dibayar kepada kakitangan awam di institusi kebajikan.

5.3 Keterangan Oleh KP JKM

KP JKM memaklumkan kelulusan bantuan BOT diberi untuk tempoh setahun. Tiga (3) bulan sebelum tempoh setahun tamat kajian semula akan dilaksanakan bagi tujuan perlanjutan bantuan. Kaedah kajian semula BOT adalah seperti berikut:

- i. Penerima bantuan hadir ke pejabat JKM tiga (3) bulan sebelum tempoh setahun tamat;
- ii. Surat akan dikeluarkan sekiranya penerima bantuan tidak hadir ke pejabat JKM bagi tempoh tersebut;
- iii. Sekiranya penerima bantuan masih tidak dapat hadir maka lawatan ke rumah penerima bantuan tersebut akan dibuat oleh pegawai JKM.

5.4 PENEMUAN PAC.

Hasil penemuan PAC Parlimen adalah seperti berikut:

5.4.1 Pengurusan Program Bantuan Kewangan Bulanan BOT

- Bayaran secara tunai

Lima (5) daripada 12 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) yang dilawati masih tidak mematuhi arahan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia yang menghendaki bayaran BOT dibuat melalui bank. Pembayaran secara tunai

bagi BOT melibatkan wang tunai sejumlah RM547,200 bagi bulan November 2016.

Maklum balas KPWKM

Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Bil. 1/2010 bertarikh 16 Mac 2010 bertujuan menambah baik Sistem Pengurusan Bantuan Secara Tunai namun ia tidak membatalkan proses kerja pembayaran secara tunai. Ia adalah satu arahan bagi menambah baik proses bayaran dengan menyarankan 4 langkah berikut:

- i. Arahan kepada pegawai kes untuk membuat lawatan ke rumah apabila klien tidak mengambil bayaran melebihi 2 bulan. Sekiranya didapati klien berpindah tanpa makluman atau meninggal dunia, kes perlu ditamatkan serta merta;
- ii. Arahan bagi pegawai kes mengambil semula dan merekod fail kad bayaran bantuan bagi kes yang meninggal dunia;
- iii. Bagi kes-kes yang tidak boleh hadir semasa bayaran dan menghantar wakil, surat wakil berserta kad pengenalan klien diperlukan selaras dengan AP 99 (g). Manakala bagi kes yang boleh hadir, hendaklah mengemukakan kad bayaran bantuan berserta kad pengenalan;

iv. Memperkenalkan sistem pembayaran bantuan melalui bank berdasarkan Arahan kerja No. 13, Sistem Pembayaran Melalui Bank; MS ISO 9001:2000. Bayaran bank sepenuhnya mulai tahun 2010. Integrasi e-Bantuan dan Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan (e-SPKB) dilaksanakan mulai Januari 2015 bagi melancarkan dan mempercepatkan proses pembayaran bantuan melalui bank.

Surat Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat bil. (20) dlm.JKM/PW600/04/01 JLD.29 bertarikh 5 Mei 2017 arahan bayaran bantuan melalui bank dilaksanakan bagi semua kes kelulusan baru dan kes sedia ada yang dibayar tunai ditukar kepada bank. Pemantauan secara berkala dibuat bagi memastikan bayaran melalui bank dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, bayaran secara tunai masih boleh dilaksanakan bagi kes-kes seperti terlantar, muflis, sakit mental dan sebagainya dengan syarat mendapat kelulusan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat.

Pelaksanaan bayaran 100% melalui bank menjadi *Key Performance Indicator (KPI)* Pengarah kebajikan Masyarakat Negeri dan Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan/Bahagian. Prestasi keseluruhan bayaran bank pada Julai 2017 sebanyak 97.37% meningkat kepada 98.9% sehingga September 2017.

5.4.2 Kelemahan Dalam Proses Pembayaran BOT

Lawatan Audit terhadap pengurusan bayaran BOT di PKMD Melaka Tengah pada 22 dan 23 November 2016 bermula daripada proses pengeluaran wang tunai di bank oleh Pegawai PKMD sehingga BOT dibayar kepada penerima di JAPERUN Bukit Baru, Melaka mendapati beberapa kelemahan seperti berikut:

- i. Pegawai PKMD terpaksa menunggu polis pengiring di bank dengan wang tunai sejumlah RM87,600 termasuk RM45,300 bagi BOT di khalayak ramai terdiri daripada pelanggan bank;
- ii. Wang tunai yang dibawa ke PKMD dikira secara beramai-ramai bagi pengasingan mengikut penerima;
- iii. Kebanyakan cap ibu jari di borang pembayaran secara tunai tidak jelas dan pegawai yang menandatangani sebagai pegawai pembayar bukanlah pegawai yang sebenarnya menyerahkan wang tunai BOT kepada penerima;
- iv. Pegawai yang menandatangani sebagai pegawai pembayar dan saksi hanya akan menandatangani borang pembayaran secara tunai selepas majlis selesai;

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN
BERHUBUNG PROGRAM BANTUAN DAN PERKHIDMATAN KEPADA WARGA EMAS
OLEH JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
DIBAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

- v. Proses pengagihan wang tunai kepada penerima dibuat dengan membekalkan kad yang dicatat 300 (RM300) tanpa ciri-ciri kawalan; dan
- vi. Tiada surat kuasa wakil dikemukakan semasa wakil penerima menerima BOT seperti kehendak surat pekeliling dan Arahan Perbendaharaan 99 (g).

Maklum balas KPWKM

PKMD Melaka Tengah telah mengambil tindakan penambahbaikan dengan melaksanakan pembayaran melalui bank secara berperingkat. Pemantauan terhadap prestasi pembayaran melalui bank dilaksanakan.

5.4.3 Bayaran BOT Tunai Di Sabak Bernam, Selangor

Di PKMD Sabak Bernam, penyerahan wang tunai dibuat terus kepada penerima BOT melibatkan 7 hingga 13 penerima. Hasil semakan mendapati perkara berikut:

- i. Berlaku kelewatan agihan kepada penerima sehingga 10 hari melibatkan 160 kes;
- ii. Catatan pengesahan penerimaan tidak lengkap; dan
- iii. Penerima telah meninggal dunia tetapi masih wujud sebagai penerima bantuan dan terdapat pengesahan cap jari penerima melibatkan 2 kes dengan nilai bantuan berjumlah RM900.

Maklum balas KPWKM

PKMD telah menjalankan siasatan dan mendapati adanya unsur ketirisan. Surat tunjuk sebab telah pun diberi kepada pegawai pada 3 April 2017 dan pegawai tidak dibenarkan untuk terlibat dalam kerja-kerja pengurusan bantuan kewangan. Bayaran balik telah diterima daripada pegawai pada 21 April 2017.

Jawatankuasa Siasatan Dalaman KPWKM ditubuhkan pada 21 Jun 2017 bagi mengenal pasti sebab bayaran dibuat terhadap penerima yang telah meninggal dunia untuk tindakan *punitive* atau *corrective* sepertimana arahan KSU KPWKM pada mesyuarat bertarikh 14 Jun 2017.

Jawatankuasa Siasatan menemukan unsur pelanggaran tata kelakuan dan mengesyorkan tindakan tatatertib dilaksanakan ke atas dua (2) orang pegawai yang terlibat.

5.4.4 Bantuan Geran Operasi PAWE

- Perbelanjaan Tidak Mengikut Garis Panduan

Perbelanjaan sejumlah RM70,988 oleh PAWE tidak mengikut garis panduan yang ditetapkan dan tiada permohonan dibuat untuk perbelanjaan tersebut.

Maklum balas KPWKM

KPWKM telah menambah baik semua proses pentadbiran, kewangan, pemantauan, pelaporan dan pengurusan PAWE seperti berikut:

- i. Surat arahan dikeluarkan kepada semua Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri (JKMN) untuk melaksanakan kursus dalaman berkaitan Tatacara Kewangan dan Aset Kerajaan serta Pengurusan PAWE bertarikh 25 Ogos 2016 bagi memastikan tatacara kewangan dan aset dilaksanakan mengikut tatacara kewangan yang betul.
- ii. Surat Pematuhan Kegunaan Peruntukan Geran Operasi PAWE tahun 2017 bertarikh 8 Februari 2017 telah dihantar kepada JKMN dan Jawatankuasa PAWE untuk ditandatangani bagi pematuhan syarat-syarat yang ditetapkan dalam garis panduan PAWE. JKM boleh menarik balik geran kewangan jika melanggar syarat-syarat di dalam garis panduan PAWE.
- iii. Penambahbaikan perbelanjaan di bawah geran pengoperasian PAWE telah dilaksanakan melalui surat makluman oleh KP JKM bagi Jadual Agihan Baharu Geran Pengoperasian PAWE berkaitan jenis-jenis perbelanjaan PAWE yang dibenarkan dan berkuat kuasa mulai 1 Mac 2017. Antara skop perbelanjaan yang ditambah baik adalah:

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN**
BERHUBUNG PROGRAM BANTUAN DAN PERKHIDMATAN KEPADA WARGA EMAS
OLEH JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
DIBAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

- a. Kenaikan elan penyelia dan pembantu penyelia.
 - b. Perluasan skop utiliti kepada jenis-jenis perbelanjaan yang diperincikan mengikut maksud peruntukan perbelanjaan Kerajaan.
 - c. Bekalan dan bahan-bahan lain.
 - d. Program dan aktiviti PAWE.
- iv. Surat Amaran dan Peringatan juga telah dikeluarkan kepada 7 PAWE yang diaudit bagi memastikan tidak berulang lagi salah guna geran pengoperasian dan ke tidak patuhan kepada garis panduan 8 Mei 2017.
- v. Garis panduan baru 2017 PAWE telah disahkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Dasar JKM Bil.3/2017 bertarikh 29 September 2017 dan telah dikuat kuasakan pada 2 Oktober 2017.
- vi. Sesi Libat urus bersama Pengerusi, Jawatankuasa PAWE dan Penyelaras JKMN telah diadakan pada 1 dan 3 Oktober 2017 bagi memberi taklimat berkaitan penemuan audit dan penerangan berkaitan Garis Panduan PAWE 2017.
- vii. Naziran secara berkala dan berterusan telah dilaksanakan mulai Februari 2017. Hasil naziran telah menunjukkan tiada lagi perbelanjaan yang tidak mematuhi garis panduan PAWE yang sedia ada. Garis Panduan PAWE 2017 memasukkan elemen pemantauan secara berkala oleh JKMN iaitu 3 bulan sekali.

5.4.5 Salah Guna Bantuan Geran

Terdapat salah guna bantuan geran peruntukan PAWE dengan memberi pinjaman sejumlah RM95,200 kepada penyelia dan NGO yang mengurus serta mengendalikan PAWE.

Maklum balas KPWKM

Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JKSD) KPWKM ditubuhkan pada 21 Jun 2017 dengan fokus ke atas aspek penyalahgunaan bantuan geran peruntukan PAWE khususnya bagi mengenalpasti tujuan pinjaman samada ia menjurus kepada tindakan *punitive* atau *corrective*.

JKSD tidak menemukan sebarang bukti berlaku penyelewengan dan pecah amanah di bawah Kanun Keseksaan (Akta 574) dan juga Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694).

JKSD juga melihat garis panduan PAWE sedia ada tidak komprehensif dan mencadangkan penambahbaikan dilaksanakan khususnya penambahbaikan ke atas garis panduan sedia ada, ikatan kontrak antara Kerajaan dan PAWE serta pemantauan.

5.4.6 Lebihan Belanja bagi Perolehan Peralatan dan Kelengkapan PAWE

Tiada permohonan dibuat bagi lebihan belanja sejumlah RM46,733 semasa perolehan peralatan dan kelengkapan PAWE.

Maklum Balas KPWKM

Peruntukan telah disalurkan sebanyak RM113,330 setiap PAWE baru iaitu melibatkan RM50,000 (one-off) untuk perolehan peralatan dan kelengkapan; RM30,000 (one-off) untuk pembaikan dan penyelenggaraan bangunan; dan RM33,330 adalah bagi tujuan pengoperasian tahunan PAWE. Bagi pembelian peralatan dan kelengkapan PAWE, kelulusan Pegawai Pengawal pada 13 Februari 2013 telah menetapkan senarai peralatan dan siling harga bagi setiap jenis item.

Perbelanjaan yang dilakukan oleh 3 PAWE (PAWE UTC Kota Kinabalu, PAWE Papar dan PAWE Bandar Baharu, Kedah) tidak melebihi siling RM150,000 (iaitu RM50,000 bagi setiap PAWE) yang telah ditetapkan bagi keseluruhan perbelanjaan peralatan dan kelengkapan. Walau bagaimanapun pembelian beberapa item barang telah melebihi harga siling yang telah ditetapkan oleh Pegawai Pengawal.

Bagi memastikan perkara ini tidak berulang tindakan penambahbaikan telah diambil seperti berikut:

- i. Beberapa siri kursus pemantapan pengurusan kewangan dan perolehan telah dilaksanakan.
- ii. Skop Pembelian Peralatan dan Kelengkapan serta Pembaikan Premis bagi PAWE sedia ada telah ditambah baik dengan menetapkan bilangan kuantiti tanpa menyatakan harga kerana harga yang ditetapkan tidak dapat digunakan di sesetengah tempat. Skop baru telah diluluskan oleh Pegawai Pengawal pada 26 Mei 2017 dan diguna pakai mulai 6 Jun 2017.

5.4.7 Kelengkapan Tidak Digunakan/Rosak dan Kerja Pembaikan Tidak Berkualiti

PAWE Bandar Baharu, Kedah merupakan PAWE baru tetapi premisnya adalah bangunan lama Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Bandar Baharu. PAWE ini telah dilengkapi dengan kelengkapan dan peralatan yang baru serta telah diubah suai dengan menggunakan peruntukan sedia ada. Antara penemuan audit adalah seperti berikut:

- i. Satu *Treadmill* telah rosak dan tidak boleh digunakan sejak tahun 2016 serta tiada peruntukan untuk membaikinya.
- ii. Dua basikal senaman tidak pernah digunakan.
- iii. Dinding di kebanyakan lokasi menggelembung akibat serapan air dan cat tertanggal menjadikan persekitaran yang kondusif.
- iv. Langsir telah rosak dan tercabut.

Maklum balas KPWKM

Pembelian peralatan PAWE telah dilaksanakan pada tahun 2013 dan jaminan bagi peralatan yang telah dibeli adalah hanya satu tahun dan kerosakan telah berlaku pada tahun 2016.

Langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi isu penyelenggaraan dan pembaikan kecil di PAWE telah dilaksanakan melalui arahan Jadual Agihan Baru Geran Pengoperasian PAWE berkaitan jenis-jenis perbelanjaan PAWE yang dibenarkan dan berkuat kuasa mulai 1 Mac 2017.

JKM telah mengadakan beberapa inisiatif untuk menarik minat warga emas terhadap aktiviti kesihatan antaranya seperti berikut:

- i. Menyediakan jadual harian senaman di PAWE bagi menggalakkan warga emas yang sihat di kalangan ahli PAWE
- ii. Modul Senaman Warga Emas telah diwujudkan oleh JKM pada April 2017 bersama Kementerian Kesihatan dan Kementerian Belia dan Sukan.
- iii. Memberi penerangan dan kesedaran secara berkala berkaitan penjagaan kesihatan.

PAWE telah melaksanakan pemberian semula dinding yang menggelembung akibat resapan air dan cat tertanggal serta langsir yang tercabut secara bergotong royong bersama pelatih perintah khidmat masyarakat JKM.

5.4.8 PAWE Baru Masih Tidak Beroperasi

Lawatan Audit pada 17 Oktober 2016 terhadap premis sementara bagi PAWE Beaufort, Sabah mendapati perkara berikut:

- a. PAWE tersebut masih belum beroperasi sejak penubuhannya pada bulan November 2015.
- b. Penyelia dan pembantu penyelia masih belum dilantik.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN
BERHUBUNG PROGRAM BANTUAN DAN PERKHIDMATAN KEPADA WARGA EMAS
OLEH JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
DIBAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

- c. Sejumlah RM15,000 telah digunakan untuk menampung perbelanjaan Jawatankuasa Pengurusan PAWE ke Persidangan PAWE, gotong royong dan lain-lain.
- d. Peralatan dan kelengkapan yang diterima sejak bulan Disember 2015 masih belum digunakan, tidak disimpan dengan teratur serta boleh mendedahkan kepada risiko kerosakan dan kehilangan.

Maklum balas KPWKM

PAWE Beaufort telah ditubuhkan pada tahun 2015 dengan keanggotaan seramai 7 orang ahli Jawatankuasa PAWE. Walau bagaimanapun ianya beroperasi menumpang di Pejabat Parlimen Beaufort sejak tahun 2015.

Disebabkan Pejabat Parlimen Beaufort tersebut turut berkongsi dengan aktiviti Parlimen Beaufort ianya menyebabkan peralatan dan kelengkapan tidak mempunyai ruang yang mencukupi untuk aktiviti PAWE.

Oleh yang demikian, beberapa cadangan premis PAWE telah dikenal pasti oleh JKMN Sabah. Antaranya ialah kuarters kerajaan Beaufort tetapi kos pembaikan dan penyelenggaraan premis terlalu besar iaitu RM200,000.

Susulan daripada itu, premis Bangunan Kebudayaan Beaufort juga dirancangkan untuk premis PAWE tetapi kurang bersesuaian kerana penempatan yang agak jauh daripada

kawasan penempatan komuniti. Ini akan menyukarkan warga emas untuk hadir ke PAWE.

Pada 24 Ogos 2017 Pegawai Daerah Beaufort telah bersetuju untuk memberi kebenaran kepada PAWE Beaufort beroperasi di bangunan Rumah Rehat (*Resthouse*), Beaufort. Surat pengesahan daripada Pegawai Daerah Beaufort bagi kebenaran pengoperasian PAWE di premis tersebut juga telah diberikan kepada JKM pada tarikh yang sama.

Pelantikan penyelia dan pembantu penyelia bagi premis baru akan dibuat setelah PAWE Beaufort beroperasi di premis baru pada Disember 2017.

5.4.9 Kerja-kerja Pembersihan Di RSK

Terdapat kelemahan dari aspek kerja-kerja pembersihan di RSK Bedong, Kedah dan RSK Cheras, Selangor di mana pembersihan di luar bangunan belum mencapai tahap yang memuaskan kerana beberapa lokasi rumput tidak dipotong, rumput menjalar di pagar, terdapat sampah di kawasan pembetungan dan bahan-bahan binaan bertaburan.

Maklum balas KPWKM

Tindakan serta merta telah diambil setelah perbincangan dengan syarikat kontrak yang berkuat kuasa dan bersetuju untuk membantu institusi dengan mengangkat sampah dari tong besar ke luar sebanyak 2 kali seminggu.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN
BERHUBUNG PROGRAM BANTUAN DAN PERKHIDMATAN KEPADA WARGA EMAS
OLEH JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
DIBAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

Syarat dan tanggungjawab syarikat pembersihan bagi mengangkut sampah dari tong sampah besar keluar sebanyak 4 kali seminggu telah disediakan di dalam kontrak baru pembersihan yang berkuat kuasa 1 Julai 2017.

**RUMUSAN & SYOR
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ Bilangan 15/2017 pada Rabu 4 Oktober 2017

6. RUMUSAN PAC PARLIMEN

PAC Parlimen bersetuju bahawa negara kita akan menuju ke arah negara *ageing society*. Seharusnya KPWK bertindak lebih proaktif dan mencari pelbagai alternatif dalam menuju ke arah sebuah negara yang berkebajikan.

7. SYOR PAC PARLIMEN

Bagi tujuan penambahbaikan akan datang PAC Parlimen mengesyorkan perkara-perkara berikut:

- 7.1 Kaedah kajian semula penerima bantuan BOT bagi tujuan perlanjutan tempoh bantuan perlu diteliti dan diperkemaskan bagi mengelakkan bantuan kepada penerima yang layak terputus atau tertangguh.
- 7.2 Kekerapan tinjauan dan pemantauan di lapangan oleh pihak Kementerian/Jabatan perlu dilaksanakan.
- 7.3 KPWK digalakkan untuk meningkatkan kadar bantuan bulanan BOT selaras dengan kenaikan kos sara hidup.
- 7.4 JKM perlu menyediakan latihan khusus kepada kakitangan PAWE dalam menjaga / menguruskan warga emas dengan lebih profesional.
- 7.5 KPWK dan JKM perlu memastikan setiap peralatan yang dibekalkan kepada PAWE perlu diselenggara dengan baik serta tidak hanya bergantung kepada geran Kerajaan semata-mata.

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
(PAC) PARLIMEN
BERHUBUNG PROGRAM BANTUAN DAN PERKHIDMATAN KEPADA WARGA EMAS
OLEH JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
DIBAWAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT*

7.6 PAC mahu agensi penguatkuasa berkaitan memberikan maklumat berhubung siasatan terhadap salah guna bantuan geran PAWE.

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN

**AGENDA MESYUARAT
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

❖ Bilangan 15/2017 pada Rabu 4 Oktober 2017

LAMPIRAN A

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BIL. 14/2017 PADA RABU 4 OKTOBER 2017
DI BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN**


TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
4 Oktober 2017 (Rabu) 10.00 pagi	Program Bantuan Dan Perkhidmatan Kepada Warga Emas	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Jabatan Kebajikan Masyarakat

LAPORAN PROSIDING

❖ **Bilangan 15/2017 pada Rabu 4 Oktober 2017**

Bil. 15

Rabu
4 Oktober 2017



MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Mengenai:

Program Bantuan dan Perkhidmatan Kepada
Warga Emas

- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
 - Jabatan Kebajikan Masyarakat

**PARLIMEN KETIGA BELAS
彭加拉国第十四届国会**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA
RABU, 4 OKTOBER 2017**

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]	- <i>Pengerusi</i>
YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]	- <i>Timbalan Pengerusi</i>
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]	
YB. Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]	
YB. Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]	
YB. Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]	
YB. Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]	
YB. Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]	
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah	- <i>Setiausaha</i>

Tidak Hadir /Dengan Maaf

YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]
YB. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]
YB. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]

URUS SETIA

Encik Ahmad Johan bin Mohd Afandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
 Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
 Encik Rosli bin Aw Ahmad [Juruaudit Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

YBhg. Datuk Juhari bin Haron [Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi)]
Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail [Pengarah Audit (Sektor Audit Prestasi)]
Puan Nor Hasimah binti Rahmat [Timbalan Pengarah Audit Prestasi (Cawangan PKJ II)]
Puan Juliana binti Shariman [Penolong Pengarah Audit]

samb/-

HADIR BERSAMA (samb/-)**Jabatan Audit Negara**

Puan Rozelin binti Johari [Penolong Audit]
Encik Zakaria bin Md Alip [Penolong Audit]
Puan Norashikin binti Jamaludin [Penolong Juruaudit]

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

Encik Rosli bin Yaakub [Timbalan Setiausaha Bahagian (Strategi Korporat)]
Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen Parlimen & Kabinet]
Encik Mohammad Adam Danial bin Hafiz Goh [Penolong Setiausaha (P&K)1]

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Puan Eizan Azura binti Zainudin [Timbalan Pengarah (Unit Laporan Ketua Audit Negara & Operasi Khas, Bahagian Perkhidmatan)]

Jabatan Akauntan Negara

Encik Azeman bin Miskah [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi)]

Unit Perancang Ekonomi (UPE)

Dato' Noor Ihsan bin Che Mat [Pengarah (Seksyen Perkhidmatan Sosial)]

SAKSI**Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

YBhg. Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi [Ketua Setiausaha]
YBrs. Dr. Waitchalla A/P R.R.V Suppiah [Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)]
Encik Mohd Zaini bin Zakaria [Setiausaha Bahagian (Kewangan)]
Encik Ismail bin Jawahil [Ketua Unit Audit Dalam]
Puan Intan Syahrina binti Zainal Abidin [Ketua Unit Integriti]

Jabatan Kebajikan Masyarakat

YBhg. Dato' Haji Zulkiply bin Ramli [Ketua Pengarah]
YBrs. Tuan Haji Mohd Fazari bin Mohd Salleh [Timbalan Ketua Pengarah (Strategik)]
Encik Zulkifli bin Ismail [Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)]
Encik Che Samsuzuki bin Che Noh [Pengarah (Bahagian Kebajikan Produktif)]
Puan Zalinah binti Mohd Yusof [Pengarah (Bahagian Pengurusan)]
Encik Azmir bin Kassim [Pengarah (Bahagian Warga Emas)]
Puan Halyjah binti Muhamad [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Warga Emas)]
Puan Siti Nor Hasma binti Mat Isa [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Kebajikan Produktif)]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA

Rabu, 4 Oktober 2017

Bilik Jawatankuasa 1, Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.17 pagi

[Yang Berhormat Dato' Sri Hasan bin Arifin mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Pengerusi: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Yang Berhormat Naib Pengerusi PAC, Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berbahagia Datuk Juhari bin Haron Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi), pegawai-pegawai Jabatan Audit Negara dan seterusnya pegawai-pegawai dari kementerian-kementerian, Kewangan, JPA, EPU dan sebagainya.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana dapat hadir kita ke Mesyuarat Prosiding pada pagi ini. Hari ini kita akan memulakan prosiding untuk isu Program Bantuan dan Perkhidmatan kepada Warga Emas di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Hadir memberi keterangan di hadapan PAC hari ini adalah Yang Berbahagia Datuk Rose Lena binti Lazemi.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Belum masuk.

Tuan Pengerusi: Belum lagi. Ketua Setiausaha KPWKM bersama-sama Yang Berusaha Dr. Waitchalla R.R.V Suppiah. R.R.V ini apa ya? *Stand for what?* R.R.V.? Betul nama dia ini? Betul, salah karang, *very sensitive* ini. TKSU Operasi KPWKM dan Dato' Haji Zulkiply dan pegawai-pegawai yang mencintai wanitalah. *[Disampuk] [Ketawa]*

Yang Berhormat Ahli-ahli sekalian, sedikit latar belakang mengenai program ini yang terbahagi kepada bantuan kewangan secara bulanan iaitu Skim Bantuan Orang Tua bernilai RM300 sebulan seorang dan pemberian wang saku kepada semua penghuni Rumah Seri Kenangan berjumlah RM30 sebulan seorang.

■1020

Program ini turut merangkumi perkhidmatan aktiviti kepada warga emas yang merangkumi pusat-pusat perkhidmatan warga emas, Program Unit Penyayang Warga Emas serta Rumah Seri Kenangan. Jabatan Audit Negara (JAN) menjalankan pengauditan untuk program ini bagi tahun 2014 hingga 2016 membabitkan peruntukan berjumlah RM1,590,087 bilion ya, sebanyak RM1.5 bilion lah lebih kurang dengan jumlah yang sudah dibelanjakan tiga tahun iaitu berjumlah habis RM1,596,038 bilion. Jadi sebelum kita memanggil, elok kita mendengar dahulu taklimat daripada JAN mengenai isu ini. Silakan Datuk Juhari.

Datuk Juhari bin Haron [Timbalan Ketua Audit Negara (Prestasi), Jabatan Audit Negara]: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Hasan bin Arifin, Pengerusi PAC. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi, salam sejahtera, salam 1Malaysia sehati sejiwa. Yang

Berhormat Naib Pengerusi PAC, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, datuk-datuk, tuan-tuan dan puانپuan yang saya hormati sekalian. Bagi Laporan Audit Negara Tahun 2016 Siri 1, salah satu daripada kajian yang kita buat dan dibentangkan dalam Parlimen dan juga PAC pada masa pembentangan Program Bantuan dan Perkhidmatan Kepada Warga Emas, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Sebagaimana ucapan Tuan Pengerusi PAC, kita ada buat pengauditan bantuan kewangan kepada warga emas dan juga kita ada membuat pengauditan pemberian geran kepada Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dan juga Program Unit Penyayang Warga Emas (UPWE). Bantuan kewangan secara bulanan, kita ada melihat beberapa tempat atau lokasi Kedah, Melaka, Selangor dan Sabah. Begitu juga kita ada buat lawatan dan pengauditan di 12 Pusat Aktiviti Warga Emas, tiga Program Unit Penyayang Warga Emas dan tiga RSK.

Next slide. Tujuannya di mana bagi PAWE itu ia menjalankan aktiviti seperti rekreasi, kesihatan, keagamaan, khidmat sukarela dan sukan, ia dapat bantuan geran. Geran ini ada garis panduan untuk dia guna bagi menjalankan aktiviti. Peruntukan yang diberi kepada PAWE adalah RM33,330 setahun iaitu sebanyak 51 buah PAWE setakat yang kita audit telah ditubuhkan dan di bawah NGO, di bawah seliaan JKM, KPWK. Objektif meluaskan kemudahan dan kesejahteraan pembangunan warga emas, meningkat kualiti hidup selari dengan konsep warga emas, ruang kepada warga emas rasa dihargai melalui perkongsian pengalaman, kepakaran dan menggalakkan penglibatan pelbagai pihak.

Jadi isunya bagi pengauditan yang kita buat, terus ke isu ya. Rumusan keseluruhan. Okey, cuma hendak tengok peta tempat-tempat yang dilawati sekejap, *previous slide*. Ini yang kita melawatlah, tempat PAWE di Sabah juga buat, Selangor, Melaka, Kedah *next*. Rumusannya, lima daripada 12 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) yang kita lawati didapati tidak mematuhi arahan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat berkaitan dengan bayaran Bantuan Orang Tua yang dibuat melalui bank, sepatutnya dibuat melalui tunai yang melibatkan wang tunai sejumlah RM547,200 bagi bulan November 2016. Nanti kita akan tengok contoh, *next*.

Tuan Pengerusi: Mesti melalui bank?

Datuk Juhari bin Haron: Ia sepatutnya bank tetapi ada juga keadaan-keadaan tertentu tetapi jumlah yang kecil. Kalau hendak buat tunai pun, ia mesti ada semua ciri-ciri keselamatan. Kalau tidak ada ciri keselamatan, kita tidak galakkan dia buat.

Next, ialah perbelanjaan. Kalau yang kedua itu, kalau kita kata bantuan wang tunai ia melibatkan orang ramai iaitu agihan tunai bagi penerima-penerima. So, antara yang perlu datang itu bawa IC. Ketiga, perbelanjaan sejumlah RM70,988 oleh Pusat Aktiviti Warga Emas tidak mengikuti garis panduan yang ditetapkan dan tiada permohonan dibuat bagi perbelanjaan selain yang diperuntukkan dalam garis panduan.

Yang keempatnya, ini bantuan yang diberi kepada – geran peruntukan untuk Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) ini sejumlah RM95,200 digunakan untuk pembelian lain ataupun diguna sebagai pinjaman peribadi ataupun pinjaman kepada NGO yang lain, diberi pinjaman.

So, yang kelima ini permohonan tidak dibuat bagi lebihan belanja semasa perolehan peralatan. Ini perolehan peralatan dan kelengkapan PAWE ini tidak dibenarkan dalam pusat aktiviti

tetapi dia guna duit lebihan yang sepatutnya digunakan untuk bagi elaun, elaun-elaun penyelia, untuk bayar utiliti.

PAWE yang keenam, PAWE baru masih tidak berusik. PAWE ini di Beaufort yang mana belum dibuka tetapi elaun telah berjalan, dibayar untuk menjalankan aktiviti. So, apabila kita dapati PAWE ini tidak beroperasi, kita pun – kekhuatiran itu timbul bagaimana duit itu boleh belanja sedangkan pusat aktiviti itu tidak ada. Penyelia itu tidak ada. Bagaimanapun pihak kementerian dan Jabatan Kebajikan Masyarakat akan memaklumkan tindakan-tindakan yang ditegur oleh audit setakat hari ini. Itu ringkasan saya ambil contoh, lepas itu kita tengok dia punya *detail* sikit. *Next.*

Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Datuk.

Datuk Juhari bin Haron: Ya.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Saya hendak tanya, bawah aktiviti ini, program ini siapa yang luluskan?

Datuk Juhari bin Haron: Program ini kementerian melalui Jabatan Kebajikan.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Datuk, siapa yang kenal pasti tempat itu untuk kelulusan itu?

Datuk Juhari bin Haron: Kelulusan peringkat Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Juhari bin Haron: Daerah.

Tuan Pengerusi: BOT, Bayaran Orang Tua ya?

Datuk Juhari bin Haron: Pemberian-pemberian semua peruntukan, pemberian peruntukan diberi melalui Ketua Pengarah, diagihkan kepada JKM negeri.

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Juhari bin Haron: *Next.* Ini yang tadi kita sebut kelemahan yang mana pemberian melalui wang tunai ini ia kena ada polis pengiring untuk agihkan bawa keluar duit daripada bank, lebih kurang dalam 100 lebih. Wang tunai ini kemudian dibawa ke pejabat daerah untuk dikira secara ramai-ramai mengikut penerima.

Tuan Pengerusi: Bayar secara cash lah?

Datuk Juhari bin Haron: Ini bayar cash bagi penerima yang tidak mampu.

Tuan Pengerusi: Dia, kalau... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Juhari bin Haron: Kadang mereka melalui wakil, hantar terus pun ada.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Ada *exceptional* tidak?

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Juhari bin Haron: Tidak boleh, yang itu memang macam di Sabah. Saya bekerja di Sabah yang saya uruskan, kalau kita melihat wang tunai itu jauh-jauh, Jabatan Kebajikan Masyarakat sendiri bawa jumpa dalam. Sebagai contohnya di Tawau, yang mana ada warga emas yang mendapat bantuan warga tua ini, dia kencing manis kena potong kaki, Jabatan Kebajikan Masyarakat pergi ke rumahnya setiap bulan. Akan tetapi kalau dia mampu pergi, anak dia akan bawa ke Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kalau tidak boleh, mereka datang ke rumah. Itu yang saya nampak.

■1030

Tuan Pengerusi: Di Rompin ada satu kes. Ada orang tua itu dah umur 80. Dia kata dia dah tiga bulan, empat bulan tidak dapat duit. Dia pergi cucuk duit tidak ada, dia kata. Akan tetapi dia tidak

sedar pegawai itu kata dia ini, dia ingat-ingat lupa. Anak dia ambil ATM. [Ketawa] Anak dia cucuk. Saya kata kenapa awak sekat bantuan dia? Tidak, tidak sekat, dia kata. Dia kadang-kadang – anak dia ambil duit ini dia kata. Ada kes macam itu. Anak dia pergi cucuk ambil duit dia, tidak beritahu ayah dia.

Datuk Juhari bin Haron: Wang tunai ini kalau tunai ini yang kita prihatin sekali adalah orang yang membayar tunai itu kebanyakannya pakai cap ibu jari yang itu, yang tidak jelas kah, tidak *clear*. Pegawai yang menandatangani bayaran atau baucar tersebut, pegawai pembayar itu bukanlah pegawai yang diberi kuasa. Jadi, dia orang yang tidak ada kuasa. Ini contoh cap yang tidak *clear* ya, tandatangan ya. Itu bayaran yang dibuat secara tunai. *Cash* kira ramai-ramai di situ. Bila ada masalah di sini, bila wang tunai itu tidak dapat diagihkan itu jadi isu dia bawa balik ke rumah dulu. Ada kehilangan, kalau tidak dapat itu yang dia buat, orang kata penggunaan duit itu beberapa hari, 10 hari tidak dapat agihkan lagi, dalam tempoh itu kita khuatir. Dia sepatutnya bawa balik ataupun pergi ke bank masuk balik duit itu. Dia tidak boleh simpan.

Akan tetapi kalau jumlah yang banyak, jumlah yang kecil mungkin di pejabat kalau ada peti besi. Kalau tidak ada peti besi, keselamatan tak cukup, dia kena masuk bank balik. Esok *withdraw* balik. Jumlah banyak. Itulah penyerahan wang tunai. *Next*, kita tengok pula pusat aktiviti.

Tuan Pengerusi: Dia ada tidak senarai nama... *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Juhari bin Haron: Ada, ada. Senarai nama ada, *detail*... pun ada terima duit orang yang mati itu. Cap jari juga tetapi orang yang wakil, dia waris. Kita *dok* ingatkan orang itu hidup, rupanya orang sudah mati tetapi cap jari ada. *[Ketawa]* Waris ini, takut dia tidak maklum balik kepada Jabatan Kebajikan, dia kata dia waris, dia bagi. Itu sahaja.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Pejabat kena minta ya.

Datuk Juhari bin Haron: Dia kena maklum kepada pejabat kata sudah meninggal, dia kena buat permohonan balik sebab bantuan itu kepada si warga emas. Kalau dah meninggal dia kena maklum *immediately* dia orang akan *stop*. Akan tetapi bagaimanapun perkara ini semasa kita buat pengauditan di negeri ini, kita juga maklumkan bahawasanya dia boleh berhubung dengan Jabatan Pendaftaran, buat *immediately* kecuali tempat-tempat *remote* macam di Sabah agak sukar sebab jauh perjalanan itu yang memakan masa. Akan tetapi *normally* sebulan dah dapat *handle*. Akan tetapi kadangkala dalam setahun baru dia orang dapat tahu bahawasanya orang tua itu sudah meninggal dunia.

Next, kita ke pusat aktiviti warga emas ini. Berdasarkan garis panduan, bantuan geran ini diberi kepada pusat aktiviti ini adalah untuk membayar elaun penyelia, elaun pembantu penyelia, dan geran penyelenggaraan untuk makanan warga emas. Jadi apa yang kita dapati tujuh pusat aktiviti warga emas membuat perbelanjaan yang tidak tersenarai dalam garis panduan. Maknanya duit itu dia guna untuk perbelanjaan lain. Dia selenggara aset, buat tuntutan perjalanan, pemberian bonus untuk hari-hari perayaan. *So*, yang ini semua. Itu yang nanti kalau boleh dalam jawatankuasa diadakan nanti Yang Berhormat Tuan Pengerusi, garis panduan itu, adakah elaun ataupun geran yang diberi itu hanya semata untuk elaun, tidak termasuk yang ini semua. Oleh sebab saya nampak kebanyakan PAWE dia menggunakan duit yang lebihan ini untuk beli, senggara aset T&T.

Kita tak pasti sama ada kementerian ini nak membenarkan atau tidak. Kalau tidak benar, maka yang ini semua salah. Kalau benar dia kena buat peraturan baru kepada PAWE. Antara satu contoh yang dibeli oleh satu pusat aktiviti ialah set karaoke. Akan tetapi kita pun hendak kata tidak boleh beli sebab orang-orang tua ini dia nak kena dihiburkan. Dia sunyi. Akan tetapi kita kata pembelian itu salah.

Seorang Ahli: Salah.

Datuk Juhari bin Haron: Dia mungkin pada peringkat itu tidak ada apa lagi dia boleh dengar kan. Akan tetapi ikut peraturan dia tidak boleh beli, tidak boleh dengar. *[Ketawa]* So, dalam hal ini kita hendak kena minta dia orang *study* atau macam mana, membenarkan *certain. Justify* lah. Akan tetapi peraturan itu...

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Dia ada garis panduan kan, jelas. Tak ada?

Datuk Juhari bin Haron: Ada, tidak pernah, hanya tiga perkara sahaja. Elaun, elaun pemandu, utiliti dan juga makanan.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Jadi pembelian itu siapa yang urus untuk mereka?

Datuk Juhari bin Haron: Tidak, dia orang beli sendiri. Dia orang tidak *refer* kepada kementerian atau jabatan.

Seorang Ahli: Dia lain mungkin.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Dia, *actually* kalau Jabatan Kebajikan Daerah, maksudnya mereka kena pantaulah. Bukan sembarang dia...

Datuk Juhari bin Haron: Itu antara isu yang...

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Siapa yang keluarkan wang itu, sejumlah besar wang itu, dia boleh beli?

Datuk Juhari bin Haron: Dia bagi kepada PAWE melalui Jabatan Kebajikan Negeri, kemudian dia bagi kepada PAWE, sepatutnya...

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Habis macam mana dia keluar wang itu beli kalau duit...

Datuk Juhari bin Haron: Duit dia keluar kepada NGO yang beli ini. Dia hantarkan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Melalui pengalaman saya di PAWE...

[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Juhari bin Haron: ...Nasihatkan kepada peraturan kuat kuasa, kalau dia kata begitu, begitulah.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Dia sudah tidak betullah.

Datuk Juhari bin Haron: Akan tetapi yang ini...

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Juhari bin Haron: *Next*, ini satu lagi yang kita gunakan, salah guna bantuan geran di mana dia tidak dapat kelulusan daripada kementerian lah. *[Disampuk]* So, pinjaman, dia bagi pinjaman tanpa persetujuan Jabatan Kebajikan. So, kita tengok data dia. Ini antara yang saya sebutkan tadi. Jumlah pinjaman itu diguna bila dia beri geran, dia pinjaman peribadi lah dan pinjaman kepada NGO-NGO untuk gerakkan aktiviti.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Seorang Ahli: Di mana ini?

Datuk Juhari bin Haron: Sabah ya. *[Disampuk]* Akan tetapi yang ini pun tidak boleh lah sebab duit itu sepatutnya digunakan untuk aktiviti.

Tuan Pengerusi: Urusan peribadi pun ada.

Datuk Juhari bin Haron: Yes, yes. Akan tetapi ini tidak pantau lah sebab bila orang diberi geran, jabatan mungkin anggap mereka belanja sepenuhnya tanpa memantau laporan perbelanjaan itu sendiri. Ini yang lebihan belanja...

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Juhari bin Haron: Tidak, inventori ini kalau dia beli guna sebab geran untuk elaun tetapi kalau beli peralatan, kita hendak kena pastikan peralatan ini atas nama kerajaan atau nama NGO. Bila atas nama NGO nanti, NGO tutup, agak susah hendak kena jual kah, hendak lupus kah senang sangat. Jadi kena buat peraturan lah. Nama PAWE lah.

Next, ini lebihan belanja bagi peralatan-peralatan kelengkapan PAWE. Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita telah pun meluluskan skop pembelian – yang ini dia benarkan beli sejumlah RM80,000 baru dan RM50,000 bagi PAWE sekiranya terdapat penjimatan aman tersebut boleh digunakan oleh PAWE lain yang memerlukan. So, kalau ada lebihan dia kena serah kepada pusat aktiviti lain atau unit UPWE itulah. Di sini kita dapat yang kita tengok di sini aktiviti lebihan perolehan yang dibeli itu. Kita tengok data, jadual. Ada jadual? Tidak ada? Jadual tidak ada.

■1040

Ini antara kelengkapan-kelengkapan yang dibelilah, yang tidak digunakan, rosak seperti pembaikan tidak berkualiti. Ini adalah isu di mana apabila duit lebihan atau duit yang diberi untuk bayar elaun itu atau peralatan itu, lebihan yang dia tidak beli, apabila dibeli, di premis tersebut, apabila rosak dia menjadi masalah. Penyelenggaraan dia tidak ada peruntukan. Itu bajet. Kalau dia beli peralatan itu, kalau kita dapat nasihat jabatan kementerian, kalau dia daftar atas *up way* maka agak susah dia hendak buat penyelenggaraan. Dia kena ada satu *portion* peruntukan pula. Akan tetapi kalau dia daftar atas jabatan, maka jabatan memanglah ada duit sedikit. Cukup untuk dia bagi peruntukan ataupun kemungkinan jabatan, dia mohon kepada jabatan sebab sayanglah. Baru beli, lebih kurang dalam setahun, dua tahun, rosak. Jadi dia kekal di situ, tidak dapat digunakan. So, itu antara perkara yang kita bangkitkan. Itu antara – Baru beli saja itu, masa itu. Next.

Ini yang terakhir. Terakhir, PAWE baharu masih tidak beroperasi. Di antara kriteria yang perlu, syarat perlu untuk beri geran kepada Pusat Aktiviti Warga Emas, perlu mengambil kira bilangan warga emas di sesuatu komuniti, lokasi, bangunan. Ini semua kena dapat maklumat daripada Jabatan Kebajikan sebelum geran disalurkan. Akan tetapi apa yang kita dapat semasa lawatan pegawai audit di lokasi pada 7 Oktober, mendapati premis sementara di Beaufort yang masih belum beroperasi sejak November 2015, penyelia, pembantu penyelia masih belum lantik tetapi duit geran sudah salur. Geran sudah salur, sudah pakai. Itu. Next.

Puan Nor Hasimah binti Rahmat [Timbalan Pengarah Audit Prestasi (Cawangan PKJ II)]: Bukan untuk aktiviti warga emas, ya.

Datuk Juhari bin Haron: Ya, bukan untuk aktiviti warga emas. So, dapati sejumlah RM15,000 telah digunakan untuk menampung perbelanjaan jawatankuasa pengurusan ke persidangan PAWE dan gotong-royong, lain-lain digunakan bukan untuk aktiviti lokasi atau pusat aktiviti. Pusat aktiviti tidak ada, macam mana dia hendak buat? So, juga semakan audit mendapati peralatan kelengkapan yang diterima sejak 2016 pun masih boleh diguna, tidak disimpan, terdedah kepada kerosakan dan kehilangan.

So, bagaimanapun, penyelia telah dilantik pada 11 November namun kemudian meletak jawatan pada 1 Januari 2017. Akan tetapi *latest*, terkini sekali belum ada maklumatlah. *Latest*, pada ketika ini, pada mesyuarat 24 Ogos 2017, kementerian telah memaklumkan bahawasanya...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Timbalan Menterinya wakil rakyat sana itu.

Datuk Juhari bin Haron: Mereka menggunakan bangunan *rest house* kuarters kerajaan sementara menunggu kelulusan berpindah. *Rest house* kerajaan. Cadang berpindah, ketika ini PAWE Beaufort telah dicadangkan untuk berpindah ke bangunan *rest house* kuarters kerajaan dan kini sedang menunggu kelulusan. Sekarang ini, PAWE ini, telah beroperasi tanpa penyelia dan pembantu penyelia. So, selepas cadangan pun belum lagi.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Datuk Azizah Iah. Azizah Mohd. Dun.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Azizah boleh dapat? *How can* dia tidak boleh atur?

Datuk Juhari bin Haron: So, itu status dia, kita belum tahu sehingga kini lah sebab...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Apa masalah di KK?

Datuk Juhari bin Haron: Bukan KK ya? Beaufort pindah ke tempat baharu kuarters kerajaan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: *Government* punya tu... [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]

Datuk Juhari bin Haron: Ya, di Beaufort.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Seksyen tiga punya kuarters itu.

Datuk Juhari bin Haron: Akan tetapi cadang, belum tahu dia punya kedudukan, sama ada pindah atau tidak pindah.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Kalau pindah, dari mana? Sedangkan yang baharu ini belum beroperasi.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Belum ada.

Datuk Juhari bin Haron: Ha! Itulah. Dia sebenarnya, yang asal ditempatkan di bangunan Parlimen, bukan?

Puan Nor Hasimah binti Rahmat: Sebelah bangunan parlimen.

Datuk Juhari bin Haron: Ahli Parlimen.

Puan Nor Hasimah binti Rahmat: Ahli Parlimen.

Datuk Juhari bin Haron: Bangunan Ahli Parlimen digunakan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Tumpang sana?

Datuk Juhari bin Haron: Ya, tumpang. Itu sahaja Yang Berhormat Tuan Pengurus, kajian bagi bantuan geran dan Bantuan Orang Tua daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat yang telah diaudit. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Datuk Juhari, *Chairman*. Datuk Juhari, *what is your observation* di Kota Kinabalu punya? Di UTC? Tiada masuk? Sebab itu, kita juga ada...

Puan Rozelin binti Johari [Penolong Audit]: Kalau untuk KK itu, dia ada isu berkenaan dengan pembelian tidak mengikut garis panduan. Pada tahun 2014, ada pembelian pembekalan dan pemasangan barang-barang hiasan pejabat PAWE sebanyak RM4,000. Kemudian pada tahun 2015, ada pembelian *floor stand hot and cool water dispenser*, RM700. Kemudian, itu sajalah. Dua isu.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Tuan Pengerusi, *I have no objection with that because what I want to see on the office PAWE itu, I want it to be beautified*, selesa sebab dia orang jauh, kadang-kadang panas, tiada aircon. Jadi dia belajar yang wanita-wanita fasal agama ini, malam dia orang belajar agama.

Datuk Juhari bin Haron: Di Papar, dia pasang aircon.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Ada aircon. Kami ada masalah aircon di UTC.

Datuk Juhari bin Haron: Papar dulu.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Ya. So, yang complain di jabatan ini adalah yang penerima-penerima yang dulu. Tiba-tiba kena putus dia punya bantuan. So, itu saya rasa ramai yang kononnya tidak layak lagi. Tidak layak lagi. Sebab apa? Akan tetapi saya dengar pemberian itu daripada peruntukan. Peruntukan yang disalurkan kepada tempat yang sama, sama jumlahnya. Di mana itu duit pergi? Itu yang saya mahu tanya ini. Sebab ramai yang penerima dulu tidak dapat menerima. Kononnya sudah tidak layak. Anak sudah ada yang kerja, pendapatan keluarga sudah cukup.

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: *[Ketawa] Off record.* So, saya rasa itu juga harus dilihatlah, penerima. Sebenarnya, siapa-siapa penerima yang dihentikan dan apa sebab-sebabnya, ya? Itu sebab ini rakyat marah.

Datuk Juhari bin Haron: Jumlah yang diberhentikan, yang saya jumpa, yang mana si suami dapat, warga emas ini dapat, apabila dia meninggal, maka dapat maklumat meninggal, mereka stop tetapi isteri itu diaf juga. Jadi dia sepatutnya kena buat permohonan baharu. Dia tidak boleh diwarisi, sambung.

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Juhari bin Haron: Ada dalam peraturan itu, dia kena buat siasatan sebelum dia berhentikan itu, dia kena buat siasatan. Bukan ambil maklumat. Dia tidak boleh ambil maklumat atas meja sahaja dan dia buat keputusan.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Datuk, tidak. Dia begini, setiap tahun dia minta isi borang balik, okey? Untuk penilaian tetapi dia tidak siasat. Akan tetapi itulah masalah. Kalau warga emas, dia tahu, tidak ada susah. Masalahnya warga emas manalah tahu prosedur begitu complicated untuk dia isi balik, untuk dia hantar. Jadi masalah itu.

Tuan Pengerusi: Tolong tanya pegawai.

Datuk Juhari bin Haron: Nanti tanyalah macam mana procedural bagi yang...

Tuan Pengerusi: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Nor Hasimah binti Rahmat: *Actually* Datuk, bantuan itu adalah – maksudnya bantuan sebab PAWE ini semuanya diuruskan oleh NGO. So, kerajaan setakat membantu dengan jumlah yang sama setiap tahun tetapi kita sudah bangkitkan juga sebab kalau kita lihat, bantuan itu terlalu sedikit. Contohnya untuk penyelia. Setakat RM600, kan? Jadi maksudnya, agak sedikitlah. Kalau PAWE itu memang ada kedudukan kewangan yang kukuh, okey. Akan tetapi sesetengah PAWE pun tidak ada kedudukan kewangan yang kukuh.

■1050

Jadi itu yang kita ada cadangkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat supaya mengkaji semula peruntukan yang diberi itu. Akan tetapi, peruntukan yang diberi itu memang *fixed* setiap tahun.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Ya lah, *that is why you see*, gaji untuk minimum pun RM1,200. Penyelia bagi RM600. Dia hendak hidup apa? Tidak bolehlah, *government* punya *policy* RM1,200 lah *at least* sebab gaji minimum.

Puan Nor Hasimah binti Rahmat: *Actually*, garis panduan itu pun *very...*

Datuk Juhari bin Haron: Draf pun kita tidak tahu.

Puan Nor Hasimah binti Rahmat: Sebab garis panduan itu kita tidak dapat sahkan. Memang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat tetapi maksudnya dari segi *endorsement* itu, kelulusan itu dan garis panduan itu memang terlalu umumlah kalau kita lihat dan perlu dikaji semula.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Berapa jumlah penemuan yang *specifically for Sabah* lah sebab kes ini telah berlaku dahulu. Siapa sebenarnya penerima kepada warga-warga emas ini. Adakah dia sendiri datang ataupun wakil dan adakah tandatangan atau cap jari yang dibuat?

Puan Nor Hasimah binti Rahmat: Untuk Bantuan Orang Tua, RM300?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Untuk orang tua, RM300 itu. Maksud saya itulah.

Puan Nor Hasimah binti Rahmat: Untuk di Sabah kita tidak ada masalah untuk bantuan orang tua ini sebab kebanyakannya di Sabah kita telah melalui bank. So, yang itu memang semakan kita berdasarkan sampel tidak ada masalah. Yang masih bermasalah pada masa semakan itu di Melaka dan di Selangor. Di mana macam yang kita bangkitkan, mereka masih memberi secara tunai. Kemudian mereka terpaksa pergi ke bank mengambil sejumlah wang tunai yang banyak dan di bawa ke pusat itu dikira di *open place*, di tempat yang terbuka, terpaksa di kira secara manual dan semasa pemberian itu pun biasanya ada wakil.

Akan tetapi, prosedur itu agak lemah. Banyak kelemahan di situ yang ada risiko untuk kehilangan. Dari segi penerimaan itu ada risiko bukan orang yang sepatutnya mengambil wang tersebut sebab terlalu *general*.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tuan Pengurus, saya hendak dapatkan *clearer picture* mengenai PAWE ini.

Kalau kita tengok dalam kertas ini, *[Merujuk kepada dokumen yang dipegang]* Pusat Perkhidmatan Warga Emas (PAWE) ialah pusat yang disediakan kepada warga emas bagi menjalankan aktiviti harian dalam komuniti dan ini merupakan kerjasama strategik antara kementerian kebajikan dengan agensi kerajaan yang lain serta NGO. Jadi PAWE ini satu pusat. So,

siapa yang *responsible* terhadap PAWE ini adakah agensi-agensi yang bagi perkhidmatan itu atau NGO atau satu entiti dari segi penyaluran wang kepada PAWE melalui siapa itu? Hendak faham di situ.

Puan Nor Hasimah binti Rahmat: Kebanyakannya PAWE ini memang Jabatan Kebajikan Masyarakat ini akan pilih NGO-NGO yang dirasakan boleh menguruskan aktiviti-aktiviti untuk warga emas ini. Jadi Jabatan Kebajikan Masyarakat akan menyalurkan wang kepada NGO tersebut dan sepatutnya pada masa yang sama, Jabatan Kebajikan Masyarakat perlu memantau aktiviti yang dijalankan, betul-betul kah ada aktiviti.

Kemudian sepatutnya NGO itu pula perlu memberi laporan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dari segi kewangan yang disalurkan itu. Akan tetapi, ini yang tidak berlaku sebenarnya.

Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak memantau, diakui sendiri tetapi dengan alasan memanglah kalau kita tengok Jabatan Kebajikan Masyarakat staf dia memang *limited* untuk memantau beberapa PAWE di satu-satu kawasan itu. Akan tetapi, *its happen*, memang pemantauan tidak berlaku.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: *I think not all, in KK I think they... [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Nor Hasimah binti Rahmat: Dia terima dua-dua dari kerajaan negeri dan persekutuan.
[*Ahli-ahli berbincang sesama sendiri*]

Puan Nor Hasimah binti Rahmat: Daripada Kerajaan Persekutuan. Kerajaan negeri kita tidak pasti berapa peruntukan yang diberi.

Datuk Juhari bin Haron: Kadang-kadang RM100, RM80 *depend*, kalau di Sabah RM80.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Sikit-sikit. RM80 atau RM60?

Datuk Juhari bin Haron: RM80 Sabah. Tengok....

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*
[*Ahli-ahli berbincang sesama sendiri*]

Encik Rosli bin Yaakub [Timbalan Setiausaha Bahagian (Strategi Korporat)]: Tuan Pengerusi... *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Sudah tidak memadai. Akan tetapi, saya ingat perkara ini kita perlu tanya apa *reason* dia mengeluarkan pekeliling yang begini sebab saya rasa akan menyusahkan sebahagian daripada penerima yang lain. Ini baru keluar Tuan Pengerusi, bulan Jun baru-baru ini, dia keluar ini.

Datuk Juhari bin Haron: Dia *revise* balik itu, *actually* dia *revise* balik sebab negeri sudah pakai bank tetapi kita hendak kena tengok balik pekeliling itu, ada pengecualian tertentu bagi yang kita bincangkan tadilah.

Yang kita tidak *allowed* adalah bayaran tunai secara lambak. Lambak *means* pergi satu tempat bawa ratus-ratus ribu agihkan dalam masa orang ramai banyak. Itu sebab *security* dia tidak dapat. Sama juga ini, *security* tidak dapat. Jadi apabila *security* tidak dapat, dia tidak akan dapat panggilan kepada orang-orang penerima itu di satu tempat, sudah panggil, surat sudah keluar. Bila bawa keluar duit banyak, tidak dapat *security*, itulah yang jadi punca masalah ke tempat itu tidak boleh. Itu yang kita kena minta dia cari jalan, pengecualian mungkin ya, tanya pengecualian-pengecualian tertentu.

Encik Rosli bin Yaakub: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

■1100

[*Saksi-saksi dari Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mengambil tempat di depan Jawatankuasa*]

Datuk Koh Nai Kwong: Tuan Pengerusi satu pandangan. Saya ingat dari segi sudut politik, saya lebih suka bayar cash kerana ada peluang berjumpa terus dengan penerima-penerima iaitu pengundi-pengundi kita.

Tuan Pengerusi: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berbahagia Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi iaitu Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Yang Berusaha Dr. Waitchalla R.R.V Suppiah selaku Timbalan Ketua Setiausaha, Yang Berbahagia Dato' Haji Zulkiply bin Ramli, Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, pegawai-pegawai dan kakitangan daripada kementerian.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih di atas kehadiran Ketua Setiausaha dan pegawai-pegawai, kakitangan daripada kementerian untuk hadir pada pagi ini melalui prosiding kementerian. Oleh sebab kementerian ini sangat dekat di hati rakyat yang melibatkan bantuan-bantuan yang diperlukan oleh di kalangan masyarakat yang tidak mampu, miskin dan daif, jadi sedikit sebanyak ia merupakan isu-isu serta perkara yang sentiasa dekat dan diperbincangkan di kalangan masyarakat.

Jadi tujuan kita memanggil kementerian ini adalah untuk mendengar penjelasan beberapa perkara yang dibangkitkan oleh pihak Audit supaya melicinkan lagi perjalanan kementerian dan bantuan-bantuan yang sepatutnya sampai kepada mereka-mereka yang memerlukan. Oleh sebab satu peruntukan yang sangat besar diberi kepada kementerian untuk tahun – berapa tadi? Tiga tahun ya? Tiga tahun melibatkan RM1.6 bilion ya, jadi ini merupakan satu peruntukan yang besarlah.

Jadi kalau ia tidak diurus dan ditadbir dengan cekap ia kurang memberi impak kepada mereka-mereka yang sepatutnya menerima bantuan itu. Jadi tanpa melengahkan lagi saya mempersilakanlah Datuk Dr. untuk memberi penjelasan di atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi [Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat]: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Sri Hasan bin Arifin iaitu Pengerusi PAC, Yang Berhormat Dr. Tan Seng Giaw, Naib Pengerusi PAC serta Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli Jawatankuasa yang lain.

Sepertimana yang kita sedia maklum, Jabatan Audit Negara telah pun menjalankan pengauditan ke atas pengurusan bantuan dan perkhidmatan kepada warga emas di Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Siri 1, di mana pengauditan ini telah pun memfokuskan kepada aspek-aspek seperti pengurusan program bantuan kewangan bulanan, Bantuan Orang Tua secara tunai dan perkhidmatan aktiviti kepada warga emas. Jadi susulan daripada Laporan Ketua Audit Negara ini kami di sini akan membentangkan langkah-langkah

serta tindakan-tindakan, penambahbaikan yang telah pun kementerian melalui JKM buat berhubung keputusan dan penemuan pihak audit.

Sebagai latar belakang, Jabatan Kebajikan Masyarakat ataupun JKM merupakan salah satu jabatan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Jadi peranannya adalah untuk melahirkan masyarakat yang sejahtera melalui penyampaian perkhidmatan pembangunan sosial di semua peringkat. Salah satu aktiviti kita adalah melibatkan warga emas di mana tafsiran warga emas berdasarkan *World Assembly on Ageing 1982* di Vienna telah menyatakan warga emas adalah mereka yang berumur di atas 60 tahun, 60 tahun ke atas.

Bagi pihak JKM, fokus bantuan juga meliputi mereka bukan sahaja yang berumur 60 tahun tetapi tinggal berseorangan atau dengan keluarga yang kurang berkemampuan. Seterusnya, jadi untuk perkhidmatan kita kepada warga emas ia meliputi bantuan kewangan kepada warga emas ataupun Bantuan Orang Tua, kita panggil BOT. Keduanya adalah program berbentuk aktiviti seperti Pusat Aktiviti Warga Emas atau PAWE, Program Unit Penyayang Warga Emas (UPWE) dan program yang berbentuk institusi di mana warga emas itu merupakan penghuni di institusi kita. Rumah Seri Kenangan dan juga Rumah Ehsan.

Rumah Seri Kenangan ini adalah untuk mereka yang mampu mengurus diri sendiri sementara Rumah Ehsan melibatkan penghuni yang terlantar. Ini adalah di antara pendekatan, perincian kepada program-program yang kita laksanakan itu. Bantuan Orang Tua, saran hidup kepada warga tua yang memerlukan bantuan supaya mereka terus tinggal dalam komuniti. Jadi ini adalah untuk *ageing in place*. Apa yang kita maksudkan dengan *ageing in place*, kita bagi bantuan supaya mereka boleh berada selesa di luar institusi kita dan masih lagi di rumah masing-masing.

Kadar ia adalah RM300 sebulan dan ini bermula sejak tahun 2008 sehingga sekarang masih lagi RM300 sebulan dan kelayakannya adalah seperti kita nyatakan di situ:

- (i) warga emas berumur 60 tahun ke atas;
- (ii) tiada mata pencarian tertentu;
- (iii) mempunyai keluarga, ada yang mempunyai keluarga tetapi keluarga tidak berkemampuan untuk menyara hidup; dan
- (iv) pendapatan keluarga tidak melebihi pendapatan garis kemiskinan.

PAWE pula merupakan program berbentuk komuniti. Dijalankan secara kerjasama di antara JKM dan juga pihak NGO ataupun komuniti setempat. Peruntukan sebanyak RM113,330 adalah untuk penubuhan PAWE baru yang boleh dibahagikan kepada RM50,000 *one-off*. Ini adalah untuk peruntukan pembelian peralatan dan kelengkapan. Sebanyak RM30,000 juga *one-off* bagi peruntukan penyelenggaraan dan pemberian premis sebelum sesuatu PAWE dapat beroperasi dan RM33,330 adalah geran pengoperasian tahunan. Ini setiap tahunlah apabila PAWE telah beroperasi.

Ini mula diwujudkan pada tahun 2002 sebagai Pusat Jagaan Harian Warga Emas. Walau bagaimanapun telah diubah menjadi Pusat Aktiviti Warga Emas pada tahun 2012 dan sehingga kini sebanyak 59 PAWE telah pun ditubuhkan.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Datuk boleh tanya tidak? Satu perkara, kerjasama bersama dengan NGO. Bagaimana untuk mengenal pasti kerjasama dengan NGO? Siapa yang bekerjasama?

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: NGO yang kita bekerjasama adalah NGO yang memang terlibat dengan aktiviti warga emas. Di antaranya adalah Majlis Pusat Kebajikan SeMalaysia (MPKSM), Usia Emas dan juga persatuan pesara. Kita memang ada NGO yang memang menjalankan aktiviti untuk warga emas. Okey? Seterusnya adalah UPWE. UPWE ini merupakan kemudahan pengangkutan untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan kesihatan di hospital ataupun klinik dan juga untuk urusan keperluan sosial yang lain.

■1110

Dia melibatkan yang tadi itu MPKSM dan melibatkan sembilan buah kenderaan, telah mula berjalan sejak 2008 dan mulai 2015 telah pun diserahkan kepada pihak MPKSM secara hadiah.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Majlis Pusat Kebajikan SeMalaysia.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Sembilan buah ini di mana... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Sekarang ini di rumah-rumah yang dikendalikan oleh pihak MPKSM ya, yang dipanggil Rumah Sejahtera dan sebagainya.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Saya faham tetapi di mana ini? Ia di negeri mana?

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Oh! Negeri. Rumah Sejahtera Machang, Kelantan. Kompleks Penyayang di antaranya, Kompleks Penyayang Dr. Siti Hasmah di Perlis, Rumah Sejahtera Bukit Baru Melaka, ada juga di PAWE Kulim Kedah, PAWE Sabak Bernam, PAWE Kluang, PAWE Pekan, PAWE Raub dan PAWE Besut. Oleh sebab di tempat lain tidak ada UPWE.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Tidak ada?

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Tidak, tidak ada.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Permohonan?

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Belum...

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli [Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat]: Kita ada banyak itu sahaja.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Sabah dan Sarawak tidak ada?

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Tidak ada. Buat masa ini memang tidak ada.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Buat masa ini...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Tidak diperlukan?

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Belum ada lagi.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Permohonan, permohonan.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Dari segi kadar RM300 sebulan ini, kebiasaananya berapa lama sekali boleh review kadar ia itu, boleh kaji semula kadar itu?

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Sebenarnya kita melalui dasar bajet, setiap tahun kita memang mengemukakan permohonan untuk meningkatkan kadar tersebut. Akan tetapi sehingga kini ia masih ditetapkan pada RM300 sebab permohonan daripada golongan sasar memang setiap tahun memang ia ada desakanlah untuk kita mohon kepada pihak MoF untuk review.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Akan tetapi ya lah, kementerian mungkin *come out* dengan *justification*.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Ya, betul.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: *Within 10 years, 10 years ago 2008.*

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Yes.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Sekarang ini *after 10 years, cost of living*, apa semua tinggi.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Setiap tahun kita mohon...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Mungkin justifikasi daripada kementerian itu belum dapat meyakinkan MoF *kot*, itu yang...

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Setiap tahun kita minta...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Datuk, tadi kita tanya fasal *review rate*, jumlah penerima. *Is it increasing or decreasing?*

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Jumlah memang *increase* setiap tahun. Untuk BOT sebab kita ada selain daripada Bantuan Orang Tua ini adalah bantuan yang memang kita beri setiap bulan. Kita juga ada bantuan-bantuan lain. Untuk BOT pada masa ini kita mempunyai 134,789 orang penerima.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: BOT ya?

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Ya. Sebenarnya bilangan ini adalah merupakan 28.3 peratus daripada keseluruhan penerima bantuan JKM. *The 28 percent* merupakan *portion* yang terbesarlah bantuan yang diberikan oleh JKM.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *This is the whole country* ya, 134?

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Yes, *this is the whole country*. Okey, seterusnya selain daripada perkhidmatan tadi, kita juga mempunyai...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *Before that* Datuk, *I just want to clarify* yang ini tidak termasuk BOT daripada sumber peruntukan negeri?

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Tidak.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Tidak.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Macam di Sarawak saya difahamkan dari negeri ada juga. Kita orang Sarawak Datuk.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Ya, bantuan dalam negeri sebab kebajikan *is concurrent list*. So, memang ada negeri dan juga Persekutuan. Ini adalah Persekutuan.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *So, this one is* Persekutuan sahaja?

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Yes.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Okay, okay.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Bagi perkhidmatan...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Sebelum meneruskan, ini minat betul saya ini. Ini saya ada melawat pusat gelandangan.

Beberapa Ahli: Gelandangan.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Pusat transit.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Pusat transit tetapi diusahakan oleh NGO dan tidak pernah menerima bantuan daripada kementerian. Itu yang saya mahu tanya. Akan tetapi apabila melihat penjelasan tadi itu, penerangan tadi itu bahawa ini termasuk juga ya. Termasuk juga orang-

orang yang penyakit terlantar ini. So, saya ada senarai nama itu tetapi tidak mendapat sebarang bantuan. Apa sebab sebenarnya? *Is it because you don't have the money or you don't have the ability because of kekangan kakitangan di Sabah?*

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Okey, untuk gelandangan sebenarnya ia dikendalikan oleh Yayasan Kebajikan Negara. Memang Yayasan Kebajikan Negara sekarang ini terdapat beberapa apa yang kita panggil Anjung Singgah di Sarawak, di Ipoh, di Penang dan juga di Johor. Baru ada beberapa Anjung Singgah yang telah pun ditubuhkan.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Datuk, satu perkara lagi. Biasa bagi penerima BOT itu setiap tahun, bila tamat ia akan dikemas kini.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Betul.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Jadi banyak masalah berlaku dibawa ke syor bahawa mereka ini warga emas. Kadangkala maklumat itu tidak sampai. Cuma mereka tahu mengapa terputus menerima bantuan. Jadi, *how to help them* because mereka warga emas, ditolak namun warga emas. Mereka tidak pasti juga perlu buat apa, *how to do*. Cuma tahu tidak terima sahaja. So, *how to handle this, overcome this problem?*

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kelulusan bantuan setahun dan sebelum tamat setahun dalam tempoh tiga bulan, kaji semula akan dijalankan. Ketika itulah penerima bantuan diberitahu lebih awal lagi bahawa proses kaji semula akan dijalankan dalam tempoh tersebut.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Saya faham tetapi masalah kadangkala mereka tidak terima apa-apa maklumat, itu satu. Kedua, mereka warga emas ini sudah tentukan memang layak terima BOT. Maknanya mungkin hendak kemas kini maklumat tetapi bukan untuk putuskan penerimaan sebab mereka...

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Yang Berhormat, kita tidak putus.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Putus, putus. Putus.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Ia tidak putus. Soalannya sekarang di sini, sekiranya kita memberi bantuan tanpa kelulusan maka saya terpaksa berhadapan dengan audit. Jadi setiap kelulusan bantuan itu mesti dengan kelulusan, itu tempoh kelulusan. Yang Berhormat, kalau dia tidak renew dalam tempoh itu memang ia akan terputus sekejap.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Maknanya...

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Akan tetapi kebiasaan – bukan kebiasaan, prosedur kita dia tidak akan terputus sekiranya dia datang awal tiga bulan untuk *renew*.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Kalau itulah warga emas itu mungkin tidak mampu pun untuk ke pejabat, bukan dia mampu. Kampung kah, luar bandar kah, bukan mudah macam itu. Itu *simple*, pergi sahaja ke pejabat tetapi mereka tidak mampu pun. Mereka hanya tunggu sahaja tetapi tunggu-tunggu tidak terima bantuan, itu sahaja. Jadi, *how to help* golongan ini? Kita kebajikan, jadi Jabatan Kebajikan Masyarakat patut fikir untuk memudahkan BOT ini, bukan untuk menyusahkan mereka.

Mereka dalam keadaan yang susah tetapi kita bagi banyak lagi prosedur untuk mereka selesaikan, memanglah masalah. Kalau *you* kata tidak putus, saya bukan tidak percaya tetapi memang berlaku di kawasan saya pun. Dia datang, *sometime* dia baru *complaint* mengapa saya

punya setiap bulanan tidak dapat? Pergilah *check* dan bantu mereka, baru ada masalah sedemikian. Jadi kita hendak tahu kalau BOT ini bagaimana untuk memudahkan mereka supaya mereka tidak disusahkan? Oleh sebab itu pandangan orang ramai, bantu selepas itu kata – kalau kata tidak putus, saya tidak percaya, memang putus.

Seorang Ahli: Putus.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Putus.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Terima kasih, saya hendak sokong Yang Berhormat Tanjong Piai tadi.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: *[Bercakap tanpa menggunakan pemberitaan suara]*

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Saya hendak sokong itu cumanya *to be fair* untuk ini, boleh kita tahu macam mana metodologi ataupun kaedah yang digunakan oleh kementerian ini untuk buat kajian semula ini? Kita hendak tahu yang menyebabkan berlakunya ini, bagaimana yang dilakukan oleh kementerian?

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Kajian semula yang pertamanya, apabila penerima bantuan itu tidak kira siapalah BOT kah atau lain-lain kes dia terima bantuan, kita akan bagi kelulusan bantuan dalam tempoh setahun. Selepas daripada setahun, dalam tempoh setahun, tiga bulan sebelum tamat tempoh tersebut dia kenalah buat kaji semula. Oleh sebab kaji semula penting kita buat sebab untuk proses perlanjutan bantuan.

■1120

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Itu yang saya nak tahu itu, proses kaji semula itu macam mana?

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Proses kajian semula. Pertamanya, penerima bantuan itu dalam sebelum tiga bulan dia datang ke pejabat. Kedua, pegawai kita kalau dia tak datang pegawai kita akan sama ada yang pertama kita tulis surat, yang kedua kalau dia tidak datang juga, kita akan buat lawatan ke rumah. Di sini kelewatannya apabila ini tidak berlaku, dia tidak datang proses dia hantar surat dan dia pergi melawat ke rumah.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Dato', saya minta kerajaan begini sebab BOT ini, orang warga emas ini, memang ada buat latar belakang semasa pegawai pergi ke rumah untuk terima semua laporan. Sudah tahu dia memang sudah begitulah keadaan, sudah tahu dia memang tidak mampu sudah, mengapa setahun sekali kena buat lagi? Kalau itu perlu buat pun...

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya terima kasih, saya bersyukur benar-benar sangat sekiranya hari ini bersetuju untuk kita *automatic review, insya-Allah* akan saya laksanakan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Boleh saya tambah...

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Dengan syarat, dengan syarat saya ada punca kuasa. Kalau saya tidak ada punca kuasa saya terpaksa berhadapan dengan audit lah. Saya cakap terang-terang. Kalau saya ada punca kuasa mengatakan boleh *review automatic, insya-Allah* saya akan laksanakan dengan syarat dia layak.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Tuan Pengurus, *I think we don't have to be overexcited about this issue because this issue masyarakat*. Saya sokong dengan sahabat saya. Sir,

kawasan saya tiada *review* pun kena berhenti. Tidak adapun pegawai datang pergi rumah dia pun kena berhenti. So, ini soal – bila dia pergi pejabat, dia minta kononnya selalu mendapat tetapi kononnya tidak ada layak lagi sebab pendapatan keluarga sudah naik. Bagaimana dia tahu pendapatan keluarga itu sudah naik? Jadi saya rasa di peringkat atasan ini tidak sedar apa yang berlaku di peringkat bawahan pegawai-pegawai.

Saya tidak mahu ada pertelingkahan kita di sini, saya minta lah pihak kementerian ini rujuk kepada pegawai-pegawai bawahan ini ya.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Cuma yang tadi kalau saya dapat Tuan Pengerusi, kalau saya dapat kelulusan itu secara automatik, ada punca kuasa, *insya-Allah* kita boleh laksanakan.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tuan Pengerusi, saya rasa bukan kita di sini boleh memberikan keputusan atau buat ini. Saya rasa pihak kementerian sendiri lah dalam – ya lah mungkin sampai ke peringkat Menteri lah, dalam Kabinet semua. SOP itu dibuat oleh jabatan, kan? Kami ini teguran-teguran, ya lah *at the grass root level* punya *problem*. Jadi yang nak buat SOP itu pihak kementerian.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: *Insya-Allah* kita akan...

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Terima kasih Yang Berhormat. Kita akan...

Tuan Pengerusi: Okey, teruskan.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Seterusnya adalah perkhidmatan yang tadi itu yang saya nyatakan berbentuk institusi, ini di Rumah Seri Kenangan di mana kemasukan sama ada secara suka rela, permohonan oleh bakal penghuni itu sendiri ataupun keluarga dan juga oleh perintah mahkamah.

Dari segi prestasi kewangan, bagi tempoh 2014 hingga 2016 di bawah Program Bantuan Orang Tua, peruntukan yang disalurkan bagi tiga tahun tersebut berjumlah RM1.504 bilion dan telah pun dibelanjakan sepenuhnya. Manakala bagi perkhidmatan kepada warga emas melibatkan PAWE, UPWE, institusi kebajikan, peruntukan adalah RM89.6 juta dan telah pun dibelanjakan melebihi peruntukan asal. Yang ini adalah melibatkan faktor emolumen dan bonus yang telah kita nyatakan kepada pegawai audit. Yang ini di institusi kebajikan ya, penjawat awam di institusi kebajikan.

Seterusnya objektif dan skop pengauditan. Sepertimana di dalam laporan adalah untuk menilai bantuan dan perkhidmatan JKM terhadap warga emas dilaksanakan dengan cekap, berhemah dan mencapai objektif yang ditetapkan. Jadi meliputi juga aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap bantuan BOT tadi, pemberian wang saku serta juga perkhidmatan-perkhidmatan lain seperti PAWE, UPWE dan RSK. Bagi tahun 2014 hingga 2016, lokasi pengauditan adalah di Melaka, Kedah, Selangor dan Sabah. Di peta ini menunjukkan lokasi tempat-tempat yang dilawati tadi.

Bagi Bantuan Orang Tua, seperti dinyatakan tadi, perbelanjaan 100 peratus untuk skim BOT bagi tiga tahun berturut-turut.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Datuk, boleh tanya sekali lagi tak? Saya nampak jadual ini dia kata belanja 100 peratus. Akan tetapi apa yang berlaku biasa semasa tiba hujung tahun atau lepas hujung tahun, mesti ada dua tiga bulan mereka tidak dapat terima bantuan. Lepas itu baru terima balik. Warga emas ini dia memang susah. Jadi kalau satu bulan tidak dapat, dua bulan tidak dapat,

memang dia hadapi masalah. Jadi apa sebenarnya boleh *adjust* selesaikan masalah ini? Memang berlaku. Satu, dua bulan mesti tidak dapat. Dia tidak dapat berterusan setiap bulan. Mesti berlaku, setiap tahun berlaku. Terputus, paling kurang sekurangnya dua bulan. Memang tidak dapat daripada pertukaran tahun itu.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Yang Berhormat, hujung tahun kah ataupun...

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Lepas hujung tahun, mulai awal tahun.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Akan tetapi kalau hujung tahun, dia tidak timbul masalah.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Dia memang setahun ada sekali saya rasa...

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Kalau hujung tahun, dia kelulusan bantuan kita bukan berdasarkan Januari – Disember.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Saya tidak pasti...

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Kelulusan kita berdasarkan semasa di permohonan. Kalau di permohonan dia pada bulan Februari, makna kata kes ini akan tamat pada Februari akan datang. Dia tidak akan berlaku pada bulan 12.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Dia tidak berlaku hujung tahun.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Berlaku, berlaku. Saya boleh ambil bukti untuk buktikan apa yang berlaku di *ground*. Setiap tahun mesti ada sebulan hingga dua bulan mereka tidak akan dapat lepas itu dia sambung balik.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Minta maaf lah Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh bagi dekat saya sendiri.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Kita cari bukti untuk...

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Ya, ya. Sebab kita dapat – sebenarnya bantuan ini Tuan Pengerusi, bantuan kebajikan ini kita bagi awal sebulan. Dia bukan lagu gaji. Kalau gaji, kita kata bulan Januari kita bagi 31 Januari baru kita bayar gaji. Akan tetapi kalau bantuan kebajikan ini, kita bagi awal sebulan. Dia bagi dulu. Bagi gaji dulu, bagi awal bulan. Bantuan awal bulan. Untuk bulan Disember juga tidak timbul masalah sebab kita dapat akaun amanah. Kita bayar di bawah akaun amanah. Walaupun ketika itu bulan Januari, waran belum turun tetapi MoF bagi kelulusan kepada kita pakai akaun amanah. Kita boleh bayar awal lagi.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Saya...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Bolehkah saya bercadang kepada pegawai atasan ini supaya dapat meninjau, memantau apa yang sebenarnya berlaku di peringkat bawahan ini. Kalau kita mahu jawab, kami faham soal-soal prosedur kami faham. Akan tetapi apa yang sebenarnya berlaku tidak betul. Boleh tidak?

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Boleh, boleh *insya-Allah*. Yang Berhormat, kawasan mana saya pergi.

Tuan Pengerusi: Saya pun mendengar banyak rungutan. Akhir tahun tidak dapat bantuan, dia kata.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, akhir tahun dia tidak boleh berlaku sebab peruntukan kita memang ada.

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]: Kaji lah dari segi keseluruhan, bukan sahaja...

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Kita kaji keseluruhan, itu betul. Sebab dia bukan tamat pada bulan Disember. Bantuan kita dia tidak tamat bulan Disember. Dia berdasarkan kepada tarikh permohonan dia diluluskan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Datuk KSU, ini cerita berhenti dua bulan lepas itu sambung balik. Yang fasal diberhentikan tadi itu, cukup dengan surat diberhentikan bantuan. Cakap betul, itu yang dia orang bawa dengan wakil rakyat. Saya di sini sudah tiga hari ini, semalam sudah telefon, esok kena jumpa lah dia bawa surat itu, seorang lagi.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Itu poket mesti ada dalam mahu bagi.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Yang itu, minta maaf Yang Berhormat. Yang itu dia tamat. Apabila dia buat kaji semula, apabila dia tidak layak memang kita kena tamatlah apabila keadaan ekonomi dia berubah. Dan bantuan kebajikan ini adalah bersifat sementara. Bantuan kebajikan ini bukan bersifat selama-lamanya. Dia bersifat sementara. Kalau keadaan ekonomi dia pulih, dia ini keluar daripada paras kemiskinan, memang kita tidak boleh bagi. Kalau saya bagi juga, minta maaf, saya akan berhadapan dengan audit.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Dato', kita setuju apa yang dikatakan tetapi ini tidak berlaku. Ini warga emas kalau borseorangan, individu. Macam mana dia – dia sudah warga emas, 60 ke atas, macam mana dia ada kerja pendapatan bertambah daripada mana? Tidak adupun.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Dato', saya pun ada rasa begitu. *Your statement is very dangerous, you know.* Bantuan kebajikan ini sementara sahaja. Orang yang umur 60 tahun ke atas, dia pencen ataupun tidak ada kerja, tidak ada, *that is very general statement* lah kata bantuan kebajikan ini sementara. Kena waspada sedikit lah, saya rasa. *Don't generalize it* lah. Kalau tidak nanti keluar ini susah sedikit lah.

■1130

Kita *subject to review* tetapi *review* itu pandangan kitalah. Kena amat berhati-hatilah sebab *the selection of them*, kita pilih mereka itu adalah mereka yang betul-betul layak sudah, memang tidak ada cara lain lah untuk ini. Terima kasih.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Terima kasih. Seterusnya kita pergi kepada penemuan audit mengikut perenggan. Ini perenggan 15.5.2.1.b. iaitu Pengurusan Program Bantuan Kewangan Bulanan, Bantuan Orang Tua (BOT) bayaran secara tunai. Jadi saya akan menyebutkan mengenai penambahbaikan yang telah kita buat. Surat pekeliling Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, yang ini pada tahun 2010 sebenarnya telah pun menambah baik sistem pengurusan bantuan secara tunai. Masih lagi berlangsung pembayaran secara tunai. Ini adalah untuk menambah baik proses bayaran dengan menyarankan empat langkah.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Boleh Yang Berhormat?

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Okey, yang pertamanya arahan kepada pegawai kes. Yang inilah tadi. Untuk membuat lawatan ke rumah apabila klien tidak mengambil bayaran melebihi dua bulan. Sekiranya didapati klien berpindah tanpa makluman atau meninggal dunia, jadi kes perlu ditamatkan serta-merta. Jadi ini adalah untuk memperkemas lagi proses pembayaran secara

tunai yang kita buat pada masa itu, tahun 2010. Arahan juga bagi pegawai kes mengambil semula dan merekodkan fail kad bayaran bantuan bagi kes yang meninggal dunia. Bagi kes-kes yang tidak boleh hadir semasa bayaran dan menghantar wakil, semua ini mengikuti tatacara pengurusan kewanganlah, mengikut Arahan Perbendaharaan.

Pada masa yang sama, surat ini juga telah memperkenalkan sistem pembayaran bantuan melalui bank berdasarkan Arahan Kerja Nombor 13, sistem pembayaran melalui bank MS ISO 9001:2000 sebab pada tahun 2007, kita telah pun melaksanakan *pilot project* di Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan untuk proses pembayaran secara bank. Jadi berdasarkan pemerhatian melalui *pilot project* itu, pada tahun 2010 telah juga kita perkenalkan sistem pembayaran bantuan melalui bank. Melalui proses seterusnya pada tahun 2015, integrasi eBantuan dan juga sistem e-SPKB Jabatan Akauntan Negara dilaksanakan. Jadi ini melancarkan lagi proses pembayaran bantuan melalui bank.

Tuan Pengerusi: Ini perkara yang dibangkitkan... [Berucap tanpa menggunakan pemberi suara]

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Ya, ya Tuan Pengerusi.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Betul Tuan Pengerusi. Yang dibangkitkan bayaran tunai tersebut. Jadi pada masa ini juga dan pada tahun ini, 5 Mei 2017, arahan bayaran bantuan melalui bank dilaksanakan bagi semua kes kelulusan baru dan kes sedia ada yang dibayar secara tunai ditukar kepada bank. Pemantauan secara berkala kita buat bagi memastikan bayaran melalui bank dilaksanakan. Walau bagaimanapun, terdapat juga kes-kes di mana bayaran secara tunai masih dibuat. Ini adalah bagi kes terlantar, muflis, mental dan sebagainya. Okey, next. Jadi...

Tuan Pengerusi: Oleh kerana ada arahan baru dari ketua pengarah, ini pun kena hati-hati kerana keadaan di luar bandar, selalunya bank ini jauh daripada rumah mereka, bukan? Dia terpaksa naik teksi. Kadang-kadang dapat RM300, belanja dia pergi ke bank itu pun – Macam mana cara, kaedah kita hendak menyelesaikan kes-kes sebegini?

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Minta maaf Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Kita buat kajian ini daripada...

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: 2007.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Sebelum tahun 2007. Kita sudah membuat kajian. Kita mengambil masa yang lama untuk kita memperkenalkan bayaran melalui bank. Sehingga penemuan-penemuan audit, mencadangkan kepada kita supaya kita melaksanakan 100 percent bayaran melalui bank sebab risiko-risikonya timbul banyak apabila kita buat bayaran melalui cash. Contohnya, kita terpaksa cash duit sampai RM1 juta lebih, pegawai-pegawai saya dan sebagainya dan kita tidak mempunyai escort yang cukup dan sebagainya.

Jadi dalam aspek ini, kita mendapat cadangan juga daripada audit supaya bayaran melalui bank dilaksanakan dan sebab itulah penemuan-penemuan ini yang kita tidak laksanakan secara 100 peratus maka kita terpaksa melaksanakan secara 100 peratus. Contohnya, Kedah 100 peratus. Sabah 100 peratus.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Sabah 100 peratus.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Ada beberapa negeri lagi yang sudah melalui bayaran bank 100 peratus.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Jadi kepada mereka yang tidak mampu buka akaun bank itu, *how to settle?*

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Yang ini, yang pengecualian yang kita nyatakan di sini, Yang Berhormat. Dengan kelulusan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat. *That means, justification* semua ada lah.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Ada.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Di antaranya, kesihatan fizikal klien. Dia tidak boleh keluar, bergerak dan sebagainya. Muflis, mental dan lain-lain kes itu, memang ada dinyatakan. Jadi sekarang ini, semua melalui Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat. Dia tidaklah diberi...

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Semudah itu.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Semudah itulah. Mengikut budi bicara *because of the findings of the audit* lah juga, ya. Okey.

Encik Rosli bin Yaakub: Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya kepada Kementerian Pembangunan Wanita. Kalau melalui bank ini, katakanlah dalam kes kematian tetapi tidak di *report* kepada kementerian atau pun kementerian lambat menerima makluman ke atas kematian tetapi bayaran melalui bank telah dibayar.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Okey.

Encik Rosli bin Yaakub: Prosesnya, ada atau tidak garis panduan untuk memastikan bahawa wang itu akan – sebab kekhuitirannya ialah katakanlah si mati mempunyai kad ATM tetapi si orang tua ini memang uzur, daripada dulu lagi yang mengambil wang ini adalah anaknya, contoh begitulah ya. Ada atau tidak mekanisme untuk memastikan bahawa apabila ada kematian, wang kerajaan ini akan dipulangkan balik dengan segera? Bagaimana mekanismenya?

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Yang pertamanya apabila kita melalui sistem, kita sekarang ini di bawah e-JKM, kita menjana baucar melalui sistem. So, apabila kes yang meninggal, melalui bank seperti mana soalannya tadi kita sentiasa menyemak, kita bekerjasama dengan...

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Jabatan Pendaftaran Negara. Kita telah *integrate* sistem...

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: *Integrate* sistem.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Sistem eBantuan dengan MyIdentity Jabatan Pendaftaran Negara. So, semakan memang dibuat setiap hari, boleh semakan dua kali. Itu adalah berdasarkan dengan data yang dimasukkan oleh pihak Jabatan Pendaftaran Negara bagi memastikan, yang mengesahkan memang telah meninggal dunia.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Kalau dia terlambat, JPN terlambat *key-in* data itu, makna kita lambat terima sebab kita selaras dengan dia. Sekiranya duit ada dalam bank, maka kutipan balik akan kita buat kepada bank. Ini adalah perjanjian kita dengan bank. Ada antara bank, contohnya Bank Pertanian. Bank Pertanian, apabila duitnya tidak di tunai dalam masa dua bulan, automatik dia akan hubungi kita bahawa kata duit tidak diambil dalam masa dua bulan. Kebanyakan penerima-penerima bantuan kita memang bank ini, dia Touch'nGo sahaja. Cukup bulan dia...

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Dia ambil.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Dia akan ambil habis.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Dia touch, go sahaja. Touch, go sahaja.

Seorang Ahli: Touch'nGo.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Touch and go sahaja. Betul Yang Berhormat.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Itu bukti dia memerlukannya itu.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Saya setuju. Saya setuju.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Okey, yang ini juga pelaksanaan bayaran 100 peratus ini, sekarang ini memang telah ditetapkan sebagai KPI Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri dan juga di peringkat daerah jajahan dan sebagainya. Jadi mengikut prestasi keseluruhan bayaran bank sehingga Julai, sebanyak 97.37 peratus dan kini telah meningkat 98.9 peratus. Jadi yang di bawah ini adalah pejabat kebajikan daerah yang telah diaudit dan di sini kami nyatakanlah peratus bayaran melalui bank yang telah dilaksanakan sekarang.

Okey, sama juga di sini, juga disentuh mengenai pembayaran secara tunai dan di sini pihak Melaka Tengah telah pun mengambil tindakan sebagaimana pihak Pejabat Kebajikan Masyarakat daerah yang lain untuk melakukan bayaran secara bank. Kita memang membuat pemantauan ke atas prestasi pembayaran melalui bank. Okey, next. Okey, yang ini seperti mana yang dinyatakan tadi, memang ada lagi permohonan bantuan kebajikan yang memerlukan bayaran tunai. Ini kita mesti dengan pertimbangan dan kelulusan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat. Okey, terima kasih.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Dan ada yang kita lulus pun.

■1140

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Ada lulus dan ada yang tidak lulus mengikut justifikasi kes. Okey, di sini sama juga, mengenai bayaran tunai dan telah pun dibuat melalui bank 100 peratus. Next, di sini ada juga berlaku di mana penemuan audit terhadap penerima yang telah meninggal dunia tetapi masih wujud sebagai penerima bantuan dan terdapat pengesahan cap jari penerima melibatkan dua kes dengan nilai bantuan RM900.

Jadi, di sini kita telah pun mengambil tindakan, memang pihak Kebajikan Masyarakat Daerah telah pun menjalankan siasatan dan mendapat terdapat unsur ketirisan dan surat tunjuk sebab telah pun diberi kepada pegawai pada 3 April dan pegawai tidak dibenarkan untuk terlibat dalam kerja-kerja pengurusan bantuan dan kewangan. Bayaran balik juga telah diperoleh daripada pegawai yang diterima pada 21 April 2017. Bagi kes yang sama...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Di mana ini?

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Di Sabak Bernam.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Datuk, dalam kes tadi inikan, pegawai yang ambil kah atau keluarga yang meninggal ini ambil?

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Pegawai.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Dia bayaran – ini punca bayaran manual. Ini manual ini. Kalau kita bayar bank tidak berlaku. Bila bayar manual dia meninggal jadi bila pegawai tidak boleh bayar jadi proses ini berlaku duit itu ada dengan pegawai...

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Bila manual, *detection of* orang yang meninggal dunia itu pun dia lambat.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Kita pun sudah ambil tindakan dan ada yang buang kerja.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Jadi kita telah pun ambil tindakan, telah pun dibuat Jawatankuasa Siasatan Dalaman. Kalau tadi dia telah bayar tetapi kita tidak berhenti setakat itu kita buat siasatan dalaman mengenal pasti untuk tindakan punitif dan juga korektif.

Jawatankuasa Penyiasatan memang menemukan unsur pelanggaran tatatertib dan telah mengesyorkan tindakan tatatertib ke atas dua pegawai ini. Bagi kes satu telah pun dicadangkan oleh Lembaga Tatatertib di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor untuk pegawai tersebut dibuang kerja atau turun pangkat mengikut peraturan pegawai awam. Begitu juga dengan kes kedua dan sekarang ini pertuduhan telah pun dikemukakan pada 25 September dan masih menunggu representasi 21 hari daripada pegawai. Jadi ini mengikut proses dialah.

Datuk Juhari bin Haron: Datuk Dr, bagi kes tatatertib ini bolehkah dipanjangkan kepada JPA dengan audit?

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Okey.

Datuk Juhari bin Haron: Sebab kita hendak masukkan maklumat dalam *report* dan kita akan – sebab data itu akan diminta oleh KSN dari semasa ke semasa bilangan yang telah dibuat, yang kena tatatertib. Kalau dapat, *Insyah-Allah*.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Okey, kita akan bagi. Ini MyIdentity tadi kita telah nyatakan. Seterusnya, Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). Ini adalah prestasi kewangan PAWE seperti mana ada di dalam Laporan Ketua Audit Negara.

Bagi perbelanjaan tidak mengikut garis panduan seperti mana di perenggan 15.5.3.1.(a)(i). Tindakan penambahbaikan kita di sini adalah kita telah menambah baik semua proses pentadbiran, kewangan, pemantauan, pelaporan dan pengurusan PAWE. Di mana di pihak dalam iaitu di JKM negeri kita memang melaksanakan kursus dalaman berkaitan tatacara kewangan dan aset kerajaan.

Surat Pematuhan Kegunaan Peruntukan Geran Operasi PAWE tahun 2017. Ini Februari 2017 telah pun dihantar kepada JKM negeri dan juga Jawatankuasa PAWE untuk ditandatangani bagi pematuhan syarat-syarat yang ditetapkan dalam garis Panduan PAWE. Di mana surat ini juga menyatakan JKM boleh menarik balik geran kewangan jika melanggar syarat-syarat di dalam garis panduan PAWE yang mana ini tidak ada sebelum inilah.

Penambahbaikan perbelanjaan di bawah geran pengoperasian PAWE juga telah dilaksanakan melalui surat makluman oleh Ketua Pengarah JKM. Jadi Jadual agihan baharu memperincikan lagi perkara-perkara skop perbelanjaan yang boleh dibuat oleh pihak PAWE. Kalau sebelum ini dia ada empat sahaja, yang ini kita tambah baik mengikut sebagaimana maksud peruntukan perbelanjaan kerajaan. Bagi tujuan... *[Disampuk]* Ya?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Boleh tanya sikit kah? Ini peruntukan kepada pusat PAWE ini. Adakah disamaratakan kah ataupun ada yang besar?

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Sama seperti saya nyatakan tadi itu.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Semua sama, 49?

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Kalau PAWE baharu kita bagi RM113 ribu tadi, RM50 ribu *is pembelian aset*, RM30 ribu *pembakaan* dan RM33 ribu *is annual operating cost*.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Okey, memang tidak cukup.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Jadi surat amaran dan peringatan juga telah dikeluarkan kepada tujuh PAWE yang telah diaudit bagi memastikan tidak berulang lagi salah guna geran, pengoperasian dan ketidakpatuhan kepada garis panduan.

Jadi untuk PAWE ini sebenarnya kita memang telah pun membangunkan satu garis panduan baharu yang lebih terperincilah berbanding dengan *how they operated before*. Jadi semua telah dinyatakan di dalam garis panduan baharu ini yang telah pun berkuat kuasa. Penerangan juga telah pun diberi kepada pihak PAWE. Kita baru sahaja melaksanakan Bulan Kebajikan Negara. So, we have a lot activities, komponennya termasuk melibatkan PAWE dan kita memang mengadakan sesi libat urus, engagement dengan semua PAWE mengenai garis panduan yang baharu ini.

Tuan Haji Mohd Zaki bin Ismail [Pengarah Audit (Sektor Audit Prestasi)]: Tuan Pengurus, kes-kes ini yang dibangkit adalah sampel daripada kajian audit. *What about others* yang lain-lain PAWE itu yang sama ada kementerian dan jabatan melihat – kalau ada boleh laporkan mungkin ada kes seperti ini ataupun tidak ada ataupun...

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Tidak ada. Kita telah pun sekarang ini membuat naziran secara berkala dan berterusan. Ini di nombor 10 itu, jadi hasil naziran menunjukkan tidak ada lagi lal yang tidak membelanjakan sebagaimana ditetapkan di dalam garis panduan.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Datuk, saya hendak pergi kepada elauan penyelia itu. Kalau tidak silap saya berdasarkan dokumen ini RM650 sebulan. Yang terbaru ya?

Seorang Ahli: Ya.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Dan dia ini kerja tetap kan?

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Tidak tetap.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Tidak tetap.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Bukan. *Actually* dia sukarela. Walau macam mana pun untuk makluman Ahli Mesyuarat juga memang kami mendapat juga desakan dan juga permohonan untuk dinaikkan. Walau bagaimanapun, itu adalah yang telah ditetapkan lah buat masa sekarang.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Kadar gaji minimum kerajaan RM900.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Gaji minimum, insurans dan sebagainya tetapi itu terpulang...

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Akan tetapi, kementerian boleh...

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Dia buat kerja lebih daripada apa yang kita bayar itu sebenarnya. Kasihan mereka.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Sebenarnya Tuan Pengurus, volunteers ini dia kerja sampai malam tahu.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Ya betul.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Dia kerja sampai malam, weekend pun dia kerja, sambil-sambil dia menyanyilah, karaoke tetapi kuat minta duit daripada wakil rakyat. Sikit-sikit jumpa wakil rakyat minta duit.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Seterusnya, kita juga telah menubuhkan Jawatankuasa Siasatan Dalaman. Ini memfokuskan ke atas aspek penyalahgunaan bantuan sekiranya ada bagi geran peruntukan PAWE tadi. Hasil siasatan tidak menemukan sebarang bukti berlaku jenayah penyelewengan dan pecah amanah di bawah Kanun Keseksaan dan juga Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah.

Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Siasatan Dalaman juga mencadangkan garis panduan PAWE yang pada masa itu dilihat tidak komprehensif dan ini kita telah mengambil tindakan seperti mana yang saya nyatakan tadi untuk kita membangunkan satu garis panduan yang lebih komprehensif yang menyatakan semuanya lah dari segi penubuhan PAWE dan sebagainya. Kita juga mencadangkan untuk mengadakan ikatan kontrak di antara kerajaan dan PAWE serta pemantauan. Jadi semua ini ada dinyatakan dalam garis panduan yang baharu. Seterusnya, semua adalah berkaitan dengan garis panduan baharu tersebut.

Next. Ini pula adalah melibatkan perolehan bagi tiga jenis keperluan iaitu peralatan senaman (aktiviti), peralatan (selain senaman) dan juga pelbagai bagi tahun 2014, tiga PAWE.

■1150

Sebenarnya seperti mana yang kita nyatakan tadi, peruntukan yang disediakan untuk PAWE baru adalah RM113,330 itu. RM50,000 *one-off* perolehan peralatan, RM30,000 *one-off* pembaikan dan RM33,000 *annual*. Jadi dari segi pembelian yang dinyatakan tersebut, sebenarnya dia tidaklah melebihi siling yang telah ditetapkan. Kalau tiga PAWE itu *means* RM150,000. Jadi RM88,000 itu tidak melebihi siling ditetapkan. Walau bagaimanapun garis panduan pada masa tersebut menyatakan item yang dibeli dengan siling harga.

Contohnya *aircon*, diseragamkan harga dia sama ada untuk Sabah, Sarawak, Terengganu, Kelantan dan sebagainya, jadi sama. Akan tetapi apa yang berlaku di tiga PAWE ini, dua adalah di Sabah, satu di Kedah, mereka memang tidak dapat membeli dengan harga yang telah ditetapkan di situ.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Di Sabah lebih mahal.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Sebab harga yang sebenarnya lebih mahal. Akan tetapi masih lagi tidak melebihi siling yang RM50,000, cuma kelulusanlah yang perlu diperoleh.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Ya, di Sabah itu patut RM200 lah, Sabah, Sarawak sebab mahal itu, tiga kali mahal daripada sini.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Okey. Jadi kita telah menambah baik, kali ini kita menyatakan kuantiti barang yang perlu dibeli tetapi tidak menetapkan harga. Walau bagaimanapun semua proses perolehan mestilah mengikut tatacara kewangan termasuk kajian pasaran untuk mendapatkan harga yang munasabah.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Okey, yang ini adalah PAWE di Kedah. Satu *treadmill* telah rosak, yang ini dibeli pada tahun 2013 dan jaminan memang hanya satu tahun. Kerosakan berlaku pada tahun 2016. Jadi kita telah mengambil langkah untuk mengatasi isu penyelenggaraan dan pembaikan kecil melalui jadual agihan baharu geran pengoperasian PAWE tadi yang membenarkan kerja pembaikan kecil dilakukan dan dikuatkuasakan mulai 1 Mac 2017.

Dari segi dua basikal senaman tidak pernah digunakan, sebenarnya pembelian peralatan di PAWE adalah atas permohonan pihak PAWE. Jadi walau bagaimanapun bila dibeli ia tidak digunakan. Jadi inisiatif kita adalah untuk menyediakan jadual harian senaman dan mengajar. Mungkin apabila telah dibeli, warga emas rasa tidak boleh hendak guna, takut hendak guna dan sebagainya jadi kita melaksanakan satu jadual dan juga latihanlah untuk mengajar mereka macam mana hendak menggunakan peralatan-peralatan senaman tersebut.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Bolehkah saya bercadang supaya pembelian peralatan ini minta 'keminatan' daripada...

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Memang berdasarkan permintaan minat...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: ...Bukan daripada pegawai sebab...

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Bukan, daripada...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Sebab basikal itu sebenarnya dicadang oleh pegawai untuk buat exercise kepada orang yang veteran-veteranlah tetapi tiada minat. Cari apa minat dia orang macam menyanyi karaoke, menari...

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Yang itu memang ada Yang Berhormat.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Yang macam kami buat di Kota Kinabalu.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Betul.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Menari pun ada.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Yang Berhormat kita bagi senarai jadi dia yang pilih Yang Berhormat.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Betul. Kita bagi senarai dia orang pilih.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Dia yang pilih.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Poco-poco.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Dia yang pilih. Ya, Poco-poco semua ada. Adalah atas minat...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Dia belajar agama, buku agama ini, dia meminta buku agama.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Betul, betul. Jadi even pembelian ini sebenarnya atas minat dan permintaan pihak PAWE itu sendiri. Kita senarai, mereka pilih.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Dia boleh buat pilihan apa yang dia hendak beli.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Okey, seterusnya dinding di kebanyakan lokasi menggelembung dan yang ini kita telah laksanakan pembaikan dengan secara gotong-royong bersama pelatih Perintah Khidmat Masyarakat JKM. Seterusnya adalah PAWE baru masih tidak beroperasi, ini di Beaufort.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Itu Timbalan Menteri punya kawasan.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Betul, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Ini telah pun ditubuhkan pada tahun 2015 dengan keanggotaan seramai tujuh Ahli Jawatankuasa PAWE. Pada masa itu cadangannya adalah untuk beroperasi di Pejabat Parlimen Beaufort pada tahun 2015 itu. Walau bagaimanapun didapati selepas itu Pejabat Parlimen Beaufort dari segi ruang, disebabkan ia berkongsi dengan Pejabat Parlimen Beaufort jadi

menyebabkan ruang dia tidak mencukupi untuk aktiviti PAWE. Beberapa usaha telah dilaksanakan untuk mendapatkan premis yang lebih sesuai oleh pihak JKM Negeri Sabah. Antaranya Kuarters Kerajaan Beaufort tetapi ini melibatkan kos pembaikan dan penyelenggaraan yang terlalu besar, RM200,000.

Susulan itu juga premis Bangunan Kebudayaan Beaufort juga dirancang untuk premis PAWE tetapi kurang bersesuaian kerana agak jauh daripada kawasan penempatan komuniti yang mana akan menyukarkan warga emas. Sehinggalah 24 Ogos 2017, Pegawai Daerah Beaufort telah bersetuju untuk memberi kebenaran kepada PAWE Beaufort beroperasi di bangunan *rest house* Beaufort dan ini ada surat pengesahan bertarikh 24 Ogos. Pelantikan penyelia dan pembantu penyelia bagi premis tersebut akan dibuat setelah PAWE Beaufort beroperasi di premis pada Disember 2017 iaitu setelah semua pembaikan dibuatlah ke atas premis.

Jadi itu sahaja berkenaan dengan PAWE. Seterusnya Rumah Seri Kenangan. Ini adalah berkaitan dengan pembersihanlah, tahap pembersihan. Tindakan serta-merta telah pun kita ambil setelah perbincangan dengan syarikat kontrak yang berkuat kuasa dan mereka bersetuju untuk mengangkat sampah dari tong besar keluar sebanyak dua kali seminggu dan juga syarat dan tanggungjawab syarikat pembersihan juga telah pun dimasukkan dalam kontrak baru. Ini berkuat kuasa pada 1 Julai 2017. Itu gambar sebelum dan selepas. Itu sahaja laporan kita Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Ada apa-apa Ahli Yang Berhormat? Jabatan Audit hendak bangkitkan? Sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, jadi berapa PAWE yang kita adakah di seluruh negara sekarang?

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Sekarang 59.

Dr. Tan Seng Giaw: Sebanyak 59 ya.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Parlimen minta tiap-tiap Parlimen, satu.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Sebenarnya permohonan daripada Parlimen adalah untuk mengadakan di semua Parlimen, 222 tetapi untuk tahun ini kami mendapat lapan.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Jadi bagaimana hendak mohon untuk dapatkan? Kurang sangat itu.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Nanti Yang Berhormat audit pergi cari nanti.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Apa yang risau, apa yang hendak dirisaukan?

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Kita memang mohon setiap tahun Yang Berhormat. Sebenarnya memang permohonan kita adalah untuk 222 Parlimen itu.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Jadi bila boleh laksanakan untuk keseluruhan?

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Permohonan ini Yang Berhormat boleh dikemukakan melalui Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah. Macam Yang Berhormat di Sabah di panggil – kita tidak panggil daerah, di panggil apa? Bahagian.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Tidak, saya Semenanjung.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Oh! Semenanjung, sorry.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Saya Johor.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Johor, Johor kawasan mana Yang Berhormat?

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Tanjong Piai.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Tanjung Piai daerah...

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Pontian.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Pontian, Yang Berhormat boleh buat permohonan kepada Pejabat Kebajikan Pontian dan dia akan salurkan kepada kita. Apa yang penting sekarang Yang Berhormat cari kawasan tubuhkan jawatankuasa.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Dia mesti ada jawatankuasa yang akan mengoperasi PAWE.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Bangunan, premis.

Datuk Dr. Rose Lena binti Ramli: Dan premis.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Kalau tidak ada premis nanti kita lulus tidak boleh operasi.

Dr. Tan Seng Giaw: Datuk Dr. bagi setiap pusatnya berapa NGO dilantik?

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Setakat ini tiga, mereka mengoperasi 36 PAWE. Tadi itu MPKSM, Usia Emas dan Persatuan Pesara. Lain-lain itu bakinya adalah melalui komuniti setempat, mereka membangunkan jawatankuasa.

■1200

Dr. Tan Seng Giaw: Apakah kriteria yang digunakan? Ini kerana kita tidak boleh pasti NGO atau komuniti itu mampu.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: NGO yang sedia ada itu adalah memang NGO yang melaksanakan program dan aktiviti memang untuk warga emas dan berdaftar dengan ROS. Memang banyak menjalankan aktiviti dengan kementerian dan juga Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Dr. Tan Seng Giaw: Siapa yang memastikan mereka itu memang mampu dan berintegriti?

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Kalau dalam garis panduan yang kita telah bangunkan yang baharu itu memang naziran akan dijalankan secara berkala, tiga bulan sekali. Jadi inilah nanti yang akan memastikan pelaksanaan segala aktiviti, geran dan sebagainya adalah berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Yang Berhormat Datuk Dr. tadi kata permohonan mesti ada premis.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Ya.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Kalau rumah orang tua, *is it okay?*

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Rumah Orang Tua maksudnya?

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Maksudnya warga emaslah. Kita...

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Maknanya bukan *our institution* lah, bukan...

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Bukan, bukan. *That one is...*

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Rumah orang tua.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Rumah orang tua yang sedia ada, swastalah.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Ya, boleh.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Boleh.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Bolehkan?

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Kita boleh bagi satu ruang dekat dia, boleh. Lagi bagus.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Okey.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Kalau ada ruang...

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Lagi berbaloi, kita boleh *utilize* semua.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Okey.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: KSU, tadi ada tiga NGO menguruskan, di Sarawak yang mana satu?

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: NGO komuniti.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: NGO ini tiga dan komuniti setempat pun boleh.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Boleh. Jadi di Sarawak *is* komuniti setempat melalui penubuhan jawatankuasa.

Tuan Pengerusi: JKKG pun boleh lah?

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Ya, boleh.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Boleh. Termasuk persatuan penduduk pun boleh.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Rukun Tetangga dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Ya, kalau hendak bagi kemas lagi dia boleh daftar dengan ROS, yang berdaftar dengan ROS lagi baik.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Oleh sebab itu Yang Berhormat, *just* untuk menjawab lagi soalan Yang Berhormat itu yang cadangan kita untuk dilaksanakan mulai Januari 2018 ikatan perjanjian lagi untuk memastikan supaya segala ketetapan di dalam garis panduan itu dipatuhi.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Untuk makluman Tuan Pengerusi, konsep PAWE... Dia ambil konsep PAWE tetapi dia tidak minta geran peruntukan daripada kerajaan tetapi dia mengambil konsep PAWE itu sendiri dilaksanakan, itu pun kita buat pemantauan. Dia mengambil konsep PAWE contohnya Rukun Tetangga dan sebagainya. Dia mengambil konsep PAWE yang kita ada itu, dia hendak laksanakan di tempat dia. So, dia tidak minta geran pun sebab dia sudah boleh beroperasi.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Datuk, kalau tidak ambil pun, kalau kerajaan pun dia minta dengan Ahli Parlimen juga. *[Ketawa]*

Datuk Koh Nai Kwong: Datuk, saya ambil kesempatanlah hendak ucapkan terima kasih kerana di Parlimen Alor Gajah memang kita ada wujud PAWE. So, sangatlah...

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Koh Nai Kwong: Alor Gajah, Alor gajah.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Antara yang terbaik itu Yang Berhormat.

Datuk Koh Nai Kwong: Terbaik sekali kan? Ini kerana dia setiap kali apa perayaan juga dia jemput Ahli Parlimen. *[Ketawa]*

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Kawasan Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Yang Berhormat Alor Gajah...

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Yang Berhormat, itu antara yang terbaik Yang Berhormat.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Datuk, Yang Berhormat Alor Gajah kata terima kasih. Limbang dijanjikan dua tahun lepas sampai ke hari ini belum. Kalau boleh KSU tengok-tengokkan.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Saya jawab yang Alor Gajah dulu. Alor Gajah tahun ini dia memenangi PAWE cemerlang seluruh Malaysia, baru terima daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Datuk Koh Nai Kwong: Terima kasih, terima kasih.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Inikah Yang Berhormatnya? Tahniah Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: ...Dua tahun lepas Datuk.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Okey, kita akan tengok. Saya baru jadi KSU tahun lepas, bukan dua tahun yang lepas.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Limbang.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Saya pun hendak minta tolong Yang Berhormat juga. Yang Berhormat boleh tolong minta bagi banyak sikit, bagi dekat kita. Kita boleh bagi banyak. Sekarang kita dapat lapan.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, dengan wang RM1.5 bilion ini memang banyak. Tiga tahun pun banyak juga dan sama ada diberi secara tunai ataupun bukan tunai memang menimbulkan masalah. Apakah masalah yang dikenal pasti yang paling rumit?

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Tuan Pengerusi, sebenarnya RM1.5 bilion itu bukan untuk PAWE dan UPWE sahaja. Sebenarnya sebahagian besar daripada RM1.5 bilion itu untuk bantuan sebenarnya besar. Sejumlah 28.6 peratus penerima bantuan adalah terdiri daripada warga emas yang paling besar daripada penerima bantuan kita. Kita ke arah menuju negara tua. Apabila kita menuju negara tua tiga keadaan masyarakat kita akan berlaku pada tahun 2030.

Satu, warga emas itu dia ada duit, dia sihat. Satu, warga emas itu dia ada duit tetapi dia sakit. Ketiganya, warga emas itu dia tidak ada duit, dia sakit. Ini akan balik kepada kebijakan. So, sebab itu proses bantuan yang kita jalankan ada dua cara. Tadi kita bayar melalui bank dan bagi warga emas-warga emas yang *bedridden* dan sebagainya, yang terlantar dan sebagainya memang kita ada ruang kita bagi perkhidmatan yang kita kata saya bayarkan melalui tunai yang kita pergi ke rumah tadi. Akan tetapi risikonya pegawai-pegawai saya inilah...

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Jadi inilah yang menjawab soalan Yang Berhormatlah.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: ...Ini beban-beban yang macam tadi, menjawab soalan tadi.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: *That is the most difficult* dari segi pembayaran tunai itu.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: So, kalau saya bagi dekat – kalau bayar melalui bank, cucu dia ambil duit, cucu dia dapat diskau. Dia pergi cash duit itu RM300, dia bawa balik dia bagi dekat tok dia RM200, RM100 lagi...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Cukai.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Cukai.

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Kalau tidak bagi, dia tidak bagi langsung RM300.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Datuk, dia perkhidmatan Datuk. Servis dia tadi.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: So, ini Tuan Pengerusi yang kita sedang fikir bagaimanakah mekanisme yang terbaik kita boleh guna? Kita sedang memikirkan bukan kita berhenti dekat situ, sama ada melalui bank bagus kah ataupun kita bayar tunai. Tunai pula, pegawai-pegawai saya terpaksa tertakluk kepada peraturan kewangan yang mana apabila duit ini di *cash*, kita tertakluk kepada 21 hari kita kena bayar duit kepada penerima itu. Kalau dalam masa tempoh 21 hari saya tidak bayar balik, saya kena *refund*, simpan balik duit itu masuk hasil. Apabila masuk hasil tiba-tiba dia datang minta duit balik. Ini antara masalah-masalah yang pegawai-pegawai saya di lapangan hadapi.

Keduanya Yang Berhormat, duit itu apabila *cash* dalam bentuk banyak macam mana kita hendak bawa? Zaman dulu masa saya bayar, masa dulu tidak ada penjenayah macam sekarang. Sekarang, orang bawa RM2,000 pun orang boleh samun. So, kita pun kalau kita hendak ambil *escort* polis sekarang, kita ambil *escort* polis kita kena bayar duit kepada polis supaya *escort*. Dulu kita ambil *police escort free*. Sekarang kita ambil *police escort* kena bayar duit kepada polis.

Tuan Pengerusi: Dia *mechanism* – saya setuju kita kena cari jalanlah.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Ya.

Tuan Pengerusi: Maknanya begini, kebajikan masyarakat tidak harus menggunakan instrumen kebajikan sahaja. Dia harus menjangkau agensi lain sebagai...

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Ya.

Tuan Pengerusi: Umpamanya institusi penghulu ataupun JKKK.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Ya.

Tuan Pengerusi: Umpamanya katalah satu kampung itu ada dikenal pasti 10 orang, katalah ya. Maknanya Jabatan Kebajikan Masyarakat boleh turut menyalurkan kepada JKKK duit itu. JKKK yang akan bagi.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Boleh Yang Berhormat, tetapi kita hendak kena – saya tidak ada masalah tetapi syaratnya kita dapat kelulusan peraturan kewangan daripada audit, daripada MoF, daripada AG.

Tuan Pengerusi: Tidak, ini...

Seorang Ahli: Jangan, jangan, jangan.

Tuan Pengerusi: Tidak, ini di antara perkara yang harus difikirkanlah. JKKK ini umpamanya dia bukan seorang tandatangan, dia dua ke tiga orang.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Tuan Pengerusi, sampai saya biasa terfikir macam ini Tuan Pengerusi, saya minta maaf. Saya biasa terfikir kata *why not* kita bagi macam kita bagi pencen? Kita bagi keluar terus kita lulus sebulan, kita terus bagi sebulan. Dia orang kata tidak setuju kalau bagi terus setahun dekat dia tidak sempat dua, tiga bulan dia sudah pergi cari Yang Berhormat sudah. [Ketawa] Saya hendak buat sistem macam kita bagi cek itu untuk setahun. Kita lulus terus bagi setahun, $3 \times 12 = 3,600$. Terus dia boleh pergi *cash* RM3,600. Akan tetapi kalau saya buat macam itu, tiga bulan duit itu habis dia akan pergi cari Yang Berhormat.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Tidak apa itu Datuk, tidak timbul cerita terputus-putus. Complete, awal advance. *Upfront* dapat.

Tuan Pengerusi: Atau macam ini ada satu NGO *institution* dia bagi kad. Dia boleh *spend on card* itu. Ada satu – dulu kawan saya Tan Sri, dia debit kad kah apa, e-Kasih kah apa? Debit kad atau apa? Maknanya dia tidak perlu pergi ke bank, kalau dia pergi ke kedai pakai debit kad dia lah. Ada kah?

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

■1210

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Hari itu kita dapat *proposal* untuk macam Tuan Pengerusi kata kita nak guna kad macam KPDNKK buat kad, dengan kad itu kita beli barang. Kalau Pulau Lundu dekat Sabah, Sarawak, dia tidak ada kemudahan macam itu. Jadi kalau dia ada dekat supermarket besar sahaja dan penerima bantuan ini kebanyakan dia tak akan pergi kepada supermarket besar, dia akan pergi kedai-kedai kecil.

Tuan Pengerusi: Ya, itu lah.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Ini yang kita dah buat kajian sebenarnya benda ini.

Tuan Pengerusi: Memang melibatkan masyarakat, satu *numbers* yang besar.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Tuan Pengerusi, saya minta maaf. Ada yang setengah-setengah kita dapat permohonan dia hendak bayar *cash*, macam setengah-setengah, minta maaf lah Ahli Parlimen kah, apa kah, dia lebih suka kita bayar *cash*. So, kalau saya bayar *cash*, macam kata tadi lah, risiko kepada pegawai-pegawai saya, hendak cap jari dan sebagainya. Hendak saksi dan sebagainya. Risiko *cash* duit, saya biasa – ini saya cerita, masa tsunami berlaku kita *cash* duit, berjuta duit, kita hendak bayar esok, kita hendak simpan mana? Dengan pegawai-pegawai saya kena tunggu dalam lokap. Duit itu dilokapkan, pegawai tunggu di lokap esok hendak *cash*. *[Ketawa] Not a joke*, Tuan Pengerusi. Ini masa tsunami berlaku. *[Disampuk] Special case*.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Itu prosedur lah.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Duit *cash*, hendak simpan mana? Hendak simpan di rumah? Tidak berani. Hendak simpan bank? Hendak simpan macam mana, duit Hendak *cash*, esok hendak bayar. Jadi pegawai itu kena dilokapkan, duduk dalam lokap. Esok bayar duit.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Tuan Pengerusi. Dato' Zul, ini permintaan lah. Oleh sebab saya rasa di Kota Kinabalu, saya *specific* kawasan lah. Di Kota Kinabalu itu, biasanya sudah terlalu meluas dia punya jagaan itu. Boleh tidak PAWE ini dipecah-pecahkan dengan daerah-daerah? Satu daerah, satu PAWE. Boleh tidak?

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Boleh Yang Berhormat. Akan tetapi kelulusan MoF. Kalau MoF lulus PAWE, kita boleh.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Oh! Ini tertakluk kepada kelulusan Rosli kah ini? *[Ketawa] Power Rosli ini.*

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Tidak apa, Rosli akan bawa ke atas nanti. Tidak apa.

Dato' Noor Ihsan bin Che Mat [Pengarah (Seksyen Perkhidmatan Sosial)]: Setakat sekarang ini lah, kita merancang satu Parlimen satu PAWE dahulu lah. Untuk fasa pertama. Itu pun kita tidak boleh henak sediakan serentak *one year*. So, *maybe in future* mungkin kita boleh *explore* lah. Cuma buat masa sekarang, kita punya polisi satu PAWE, satu Parlimen lah.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Itu tidak betul, tidak betul, tidak betul. Kota Kinabalu ini dia lima Parlimen.

Dato' Takiyuddin bin Hassan: Betul, betul. Kita buat *district* dulu lah, Kota Bharu pun empat Parlimen. *[Disampuk]* Satu *district*.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Sebab kenapa saya sentuh perkara yang sama, yang...

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Tuan Pengerusi...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Nanti dulu, sebab ramai yang belum dapat mendaftar, semua ditolak sebab kononnya peruntukan tidak cukup. Bantuan BOT ini, terutama sekali perkara BOT dan juga PAWE ini terlalu luas dia punya keahlian. Jadi kita punya pusat itu, beberapa pusat terpaksa lah saya sebagai wakil rakyat kerajaan terpaksa lah merangkumi semua pusat-pusat ini. So, boleh kah satu tempat supaya dapat memberi tumpuan yang begitu baik lah daripada keseluruhan. Ini cadangan saya, bagi kawasan Kota Kinabalu lah, terlalu meluas.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Yang Berhormat, yang pertamanya tentang mengatakan peruntukan BOT tidak mencukupi untuk bantuan. Sebenarnya tidak benar itu. Sebenarnya peruntukan kita mencukupi.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Tidak mencukupi.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Untuk apa-apa bantuan pun tidak ada masalah. Saya berterima kasih kepada MoF memang kita dapat tambahan tiap-tiap tahun untuk bantuan. Yang keduanya untuk PAWE, untuk PAWE sepertimana yang Yang Berhormat kata, sebenarnya memang kita di JKM kita mengalu-alukan bahawa apabila kita menuju negara tua esok, 2030. PAWE amat diperlukan. Semua masyarakat kita ketika itu jangka hayat kita panjang. Kita dalam keadaan kesunyian ketika itu. Anak-anak kita sudah keluar, sudah bekerja. Kita duduk berdua, ada yang duduk seorang. Di mana kita hendak pergi? Ketika itu PAWE diperlukan. Oleh sebab itu di JKM di bawah kementerian, kita membuat perancangan daripada sekarang untuk mewujudkan banyak PAWE.

Akan tetapi tertakluk kepada kelulusan oleh MoF. Kalau MoF tidak lulus ya Encik Rosli, MoF pun tertakluk kepada *wallahu 'alam*.

Tuan Pengerusi: Dia dari segi kajian, PAWE ini lebih diperlukan di kawasan bandar daripada desa kan? Betul tak?

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Dia dua-dua Tuan Pengerusi. Sekarang ini di bandar pun perlu, di luar bandar pun perlu. Malah di luar bandar kita kata, kita di masjid, di surau dan sebagainya. Sebenarnya ada di setengah-setengah kita dah galakkan buat dekat surau dan sebagainya. Dekat masjid bila ada ruang. Sebenarnya...

Tuan Pengerusi: Itulah, konsep itu kena kreatif sedikit lah.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Sebenarnya keperluan PAWE ini bukan saya hendak kata tetapi keperluan PAWE ini di bandar, luar bandar, tidak kira di mana, memang diperlukan. Apatah lagi apabila kita nak menuju negara tua.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi *density* dari segi sosialnya di bandar, emak bapak kerja. Anak-anak bekerja. *Density population* besar. *Priority* saya ingat di bandar sebenarnya.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Ya, *priority* di bandar. Sekarang pun keutamaan kita di bandar.

Tuan Pengerusi: Di bandar ya?

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Di bandar.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Dato', tadi sentuh kata peruntukan itu mencukupi tetapi pernah berlaku aduan daripada orang kampung, pernah berlaku begini. Tahun ini dia bagi keluarga A, dia kata peruntukan tidak cukup daripada kerajaan. Lepas itu dia pilih, alih kepada keluarga B. *You* tahu tak, berlaku ini. Maknanya dia dah terima, lepas itu dia kata peruntukan tidak mencukupi tetapi untuk memenuhi tidak mampu. Jadi biar yang dapat terima menikmati setahun cukuplah. Bagi keluarga lain menikmati bantuan mereka. Ini berlaku.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Terima kasih Yang Berhormat. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya keadaan duit kata tidak cukup tidak berlaku. Kalau ada pegawai-pegawai saya yang macam itu Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi tahu dekat saya. Tindakan saya akan ambil. *Case by case* dan saya janji saya akan ambil tindakan. Tanya Langkawi, saya ingat Langkawi ada, dia biasa kerja dengan saya, saya tidak bagi *chance*. Dekat Langkawi, *support 100 percent*. Ada orang Langkawi sini?

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Adakah perlu dinaikkan kah RM300 itu?

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Tuan Pengerusi, kalau tanya saya lah memang patut dinaikkan. Tahun ini pun minta maaf Encik Rosli, kita sudah minta naik kepada – kita *fight* naik RM500. RM10 dalam pekan Kuala Lumpur nak beli apa? Bukan kita takbur, rezeki Allah SWT bagi.

Tuan Pengerusi: Adakah perlu ada dua standard, kampung RM300 bandar RM500?

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Ada cadangan supaya kampung dengan bandar tetapi apabila kita kaji, esok saya akan berhadapan dengan Yang Berhormat. Siapa nak *identify* dia, mana kampung, mana bandar? *Sat* lagi dia duduk kampung, *sat* lagi dia pindah bandar. *[Ketawa]* Hari ini dia duduk rumah anak dia dalam pekan, esok dia balik duduk dengan cucu dia di kampung. Dia kata di kampung – ini sakit kepala kita nak menjawab esok. Kalau kita nak bagi standard Tuan Pengerusi, saya kata kita bagi lah standard. Kita rakyat Malaysia.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Standard, standard. Tidak setuju.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Bukan lebih banyak mana pun kalau kita bagi pun dalam beberapa ringgit, berapa banyak, tidak lebih banyak pun. Kita doa bagi minyak naik sahaja.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Ini Datuk KSU, tadi fasal *to review rate* itu. Satu, saya bertanya tadi tentang *the amount of recipient BOT* ini, *increasing or not?* Jadi dari segi peruntukan ini kan, itulah kita ini kalau boleh *coverage* bantuan itu, *you know*. Kadang-kadang banyak lagi. Kalau kita naikkan harga pun tetapi *at the same time*, apa yang berlaku di lapangan inilah, yang sekarang ini diberhentikan. *This is the fact on the ground* lah ya. Diberhentikan, diberhentikan, *you know*.

Jadi kita melihat, *we suggest that coverage* pembantuan ini. *Actually*, dia orang bila diberi bantuan itu bukan menyelesaikan masalah dia, meringankan beban sahaja yang sebenarnya. Cakap betul lah, RM300 satu bulan. Minta maaf lah ya. Akan tetapi *alhamdulillah* juga tetapi itulah kita melihat dari segi ini lah. Jadi kalau boleh kita minta melihat, satu *review* dengan *coverage* bantuan ini

tadi. Yang bab-bab *the restriction*, kadang-kadang betul. Tadi saya telefon Limbang, terus terang. Masa duduk tadi saya telefon kawasan saya sebagai contoh. Limbang semua terima pakai bank. So, *I asked the pegawai berapa orang yang diberhentikan, macam-macam alasan lah but I've made a good working relationship dengan your kebajikan, your officer there also was very good.*

Akan tetapi itulah kadang-kadang realitinya, kadang-kadang dia orang ini walaupun ada keluarga, anak jauh-jauh. Kadang-kadang kalau kita tanya pakcik-pakcik, tidak boleh anak wajib tolong mak, ini bapak. Orang tua ini pula cakap, dia hendak bagi anak dia makan pun tidak cukup dia kata. *You know alasan dia lah, orang tua-tua.*

■1220

Jadi, we look at all these conditions and criterion ini semula lah ya, on the certain, apa nama – Kadang-kadang kalau kita naik tinggi pun tetapi coverage bantuan kurang, itu kena lihat on this thing lah. Kita mintalah melihat perkara ini, ya. Because as you say, nampaknya orang makin tua ini makin banyak. We are an aging nation. You know what I mean? Ya, terima kasih.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Setuju, setuju Yang Berhormat, *insya-Allah*. Sebenarnya kita, kos dia duduk dekat luar dengan kos masuk ke institusi, lebih murah duduk dekat luar. Sebab itu kita galakkan benda-benda ini. *Insya-Allah* kita ambil maklum, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Dia, orang kahwin dua ini layak kah? *[Ketawa]*

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Orang kahwin dua?

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Orang kahwin dua, kalau dia miskin, dia layak. Kalau dia OKU, dia layak, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Kalau dia OKU, katakanlah dia OKU, dia kahwin dua, pendapatannya *below RM1,200*, dia layak. Kahwin dua, kahwin tiga bukan faktor yang menghalang dia menerima bantuan.

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]*

Seorang Ahli: OKU kahwin dua?

Tuan Pengerusi: Dari segi isteri nombor satu, okey tetapi isteri nombor dua tidak okey. Maknanya isteri nombor dua layak mendapat bantuan?

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Akan tetapi Dato' Sri, ini saya cerita. Ini kes saya pernah kendali Dato' Sri. Dia kahwin dua. Isterinya yang pertama, dia biarkan. Akhirnya, si suami buat permohonan kepada saya memasukkan isterinya yang pertama ke institusi dan saya buat kes itu.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: Ibu tunggal ini dia, golongan mana yang diberi bantuan?

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Tuan Pengerusi, ibu tunggal dia tidak ada dalam skim bantuan tetapi sekiranya ibu tunggal itu miskin, dia ada bantuan. Sekiranya ibu tunggal itu cacat, dia ada bantuan. Sekiranya ibu tunggal itu hilang mata pencarian untuk BKK, ada bantuan. Akan tetapi bantuan khusus kepada ibu tunggal itu tidak ada.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Akan tetapi satu perkara, ya? Tadi kata keluarga ibu tunggal. Anak dapat RM150. Macam mana dia hendak hidup?

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Bukan RM150, Yang Berhormat. RM100.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: RM100? Macam mana hendak hidup?

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: RM100 satu orang. Empat orang RM400. Kalau dia ada lima, RM450.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Paling banyak berapa?

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Itu tiap-tiap tahun kita minta *review*.

Dato' Sri Wee Jeck Seng: Tidak dapat?

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Kanak-kanak.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Kanak-kanak. Itu tiap-tiap tahun kita minta itu sebab kita memikirkan tentang persekolahan kanak-kanak. Dengan RM100 itulah dia hendak bersekolah, dengan RM100 itulah dia hendak makan.

Tuan Pengerusi: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Bantuan kanak-kanak untuk sekolah. Bantuan persekolahan kanak-kanak yang mana ketua keluarga hilang mata pencarian. Kita panggil BKK atau Bantuan Kanak-kanak.

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Bawah 18. Ya, betul.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Tuan Pengerusi: Kita berterima kasihlah kepada KSU dan kita akan buat *recommendations* lah.

Puan Eizan Azura binti Zainudin [Timbalan Pengarah (Unit Laporan Ketua Audit Negara & Operasi Khas, Bahagian Perkhidmatan]): Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Oh! Ya.

Puan Eizan Azura binti Zainudin: Merujuk kepada page 35 tadi, dimaklumkan Jawatankuasa Siasatan telah ditubuhkan di peringkat JKM untuk pembayaran isu salah guna bantuan geran itu. Mohon jugalah hasil siasatan dipanjangkan kepada pihak JPA.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Akan diberikan.

Puan Eizan Azura binti Zainudin: Ingin saya bertanyalah, adakah ia termasuk isu di bawah Beaufort juga? Dalam skop JKS ini?

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Ia selesai. Sebenarnya Beaufort, PAWE nya beroperasi tetapi dia beroperasi ketika itu dia tumpang pejabat Parlimen. Tiba-tiba, bukan tiba-tiba. Pejabat Parlimen itu terlalu sempit, *crowded* dan tidak sesuai memandangkan ahlinya ramai dan dia berusaha untuk mencari premis-premis yang lain seperti yang kita sebutkan tadilah.

Akhirnya, baru-baru ini, pada bulan empat yang lalu, dapat *offer rest house* daripada DO Beaufort dan dia beroperasi. Sebenarnya benda-benda itu *dok* ada. Dia bukan kata hilang dan sebagainya. *Dok* ada. Kita akan pindah ke bangunan baharu sahaja.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Tadi, ini sedikit, ya. Ini, KSU ya, tentang itu juga. Tentang PAWE ini, tadi fasal hendak *set up* guna rumah kuarters kerajaan dan sebagainya. Untuk *repair* kuarters kerajaan yang sudah lama, yang sudah di *abandon* ini, *do you have the* peruntukan for that?

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Yang one-off tadi.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: One-off tadi itu, ya?

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: RM30,000.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Ya. RM30,000.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: One-off tadi.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: *Actually I have been trying to explore this,* sebenarnya. *You know, because dah lama sangat. So...*

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Dia kalau hendak cepat, kalau Yang Berhormat tubuh jawatankuasa dulu, Yang Berhormat mula asas dulu, jadi itu kriteria yang cepatlah.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Ya.

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: RM30,000 ubah suai.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: One-off. Ubah suai. Sebanyak RM50,000 pembelian peralatan. Itu PAWE baharu. *Every year, RM33,300 itu kos operasi.*

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Pengoperasian.

Tuan Pengerusi: Okay, not bad.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: *I see if I want to establish one.*

Dato' Haji Zulkiply bin Ramli: Ya.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh: So, can I see Dato' Zul himself directly? Tanpa kelulusan daripada Rosli? [Ketawa]

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pemberitaan suara]*

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasih kepada KSU kementerian kerana sudi hadir untuk menjelaskan perkara-perkara yang dibangkitkan audit. Kita setuju bahawa negara kita menuju ke arah negara yang *aging society*. Jadi, kita mahu kementerian ini lebih proaktif dan mencari pelbagai alternatif demi untuk menyediakan diri kita kepada negara berkebajikan. Ini penting ini. Kita akan membuat beberapa syor dan *recommendation* kepada kerajaan dari segi jumlahnya, dari segi kaedahnya supaya membantu kerajaan, pihak eksekutif untuk membuat keputusan. Jadi terima kasih sekali lagi semuanya dan dijemput makan tengah hari di bilik jamuan. Semua sekali. Silakan.

Datuk Dr. Rose Lena binti Lazemi: Terima kasih Tuan Pengerusi.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.26 tengah hari]

**DOKUMEN
PEMBENTANGAN**






LATAR BELAKANG

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) berperanan untuk melahirkan masyarakat yang sejahtera melalui penyampaian perkhidmatan pembangunan sosial di semua peringkat.

Salah satu aktiviti di bawah JKM mensasarkan warga emas (iaitu mereka yang berumur 60 tahun ke atas berdasarkan tafsiran "World Assembly On Ageing 1982" di Vienna; tinggal berseorangan atau dengan keluarga yang kurang berkemampuan) bagi meningkatkan kesejahteraan melalui perkhidmatan jagaan perlindungan serta program pembangunan.

Antara bantuan dan perkhidmatan yang diberi adalah bantuan kewangan secara bulanan, perkhidmatan aktiviti untuk warga emas di bawah Program Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dan perkhidmatan kendaraan di bawah Program Unit Penyayang Warga Emas (UPWE). Selain itu JKM juga menyediakan institusi warga emas seperti Rumah Seri Kenangan (RSK) dan Rumah Ehsan.







PENGAUDITAN



OBJEKTIF PENGAUDITAN


Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada bantuan dan perkhidmatan JKM terhadap warga emas telah dirancang, dilaksana dan dipantau dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan

SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap 2 jenis bantuan warga emas iaitu BOT dan pemberian wang saku serta 3 kategori perkhidmatan kepada warga emas iaitu PAWE, UPWE dan RSK bagi tahun 2014 hingga 2016.

METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, dokumen dan fail berkaitan di Ibu Pejabat JKM, Putrajaya; 12 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) di negeri Melaka, Kedah, Selangor dan Sabah. Manakala lawatan Audit meliputi 12 PAWE, 3 UPWE, 3 RSK telah dilaksanakan. Selain itu, temu bual dengan pegawai berkaitan dan penggunaan borang soal selidik untuk mendapatkan maklum balas responden terhadap bantuan dan perkhidmatan pihak JKM juga telah dilaksanakan.



RUMUSAN KESELURUHAN

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2016 mendapati program UPWE dan RSK adalah memuaskan kerana telah diuruskan mengikut garis panduan yang ditetapkan. Namun begitu, bagi program BOT dan PAWE adalah kurang memuaskan kerana masih terdapat beberapa kelemahan seperti berikut:

- 5 daripada 12 PKMD yang dilawati masih tidak mematuhi arahan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia yang menghendaki bayaran BOT dibuat melalui bank. Pembayaran secara tunai bagi BOT melibatkan wang tunai sejumlah RM547,200 bagi bulan November 2016;

RUMUSAN KESELURUHAN (samb.)



- ii. kelemahan dalam agihan tunai BOT seperti pengiraan wang secara beramai-ramai tanpa had; kelemahan terhadap proses pengesahan penerimaan dan pembayaran; kad bagi tuntutan bantuan kewangan tidak dilengkapi dengan ciri keselamatan; terdapat pembayaran BOT kepada penerima yang telah meninggal dunia.
- iii. perbelanjaan sejumlah RM70,988 oleh PAWE tidak mengikut garis panduan yang ditetapkan dan tiada permohonan dibuat untuk perbelanjaan tersebut;
- iv. terdapat salah guna bantuan geran peruntukan PAWE dengan memberi pinjaman sejumlah RM95,200 kepada penyelia dan NGO yang mengurus serta mengendalikan PAWE; dan
- v. tiada permohonan dibuat bagi lebihan belanja sejumlah RM46,733 semasa perolehan peralatan dan kelengkapan PAWE.
- vi. PAWE baru masih tidak beroperasi sejak penubuhannya pada November 2015.

PENEMUAN AUDIT



BANTUAN ORANG TUA (BOT)



PENEMUAN AUDIT





1. Bayaran BOT Tidak Dibuat Melalui Bank

KRITERIA

Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia Bilangan 1 Tahun 2010 bertarikh 16 Mac 2010 menghendaki bayaran BOT dibuat melalui bank. Arahan bayaran melalui bank dibuat untuk membolehkan urusan pembayaran dipermudahkan bagi kedua-dua pihak iaitu JKMM dan penerima bantuan di samping meningkatkan tahap keselamatan pengurusan bayaran.

PENEMUAN AUDIT

Semakan Audit mendapati JKMM negeri Melaka dan Selangor masih belum sepenuhnya melaksanakan arahan tersebut. 5 daripada 12 PKMD (yang dilawati) masih melaksanakan bayaran secara tunai kepada 1,824 (16.7%) daripada jumlah bilangan penerima seramai 10,894 melibatkan wang tunai sejumlah RM547,200.

PENEMUAN AUDIT





2. Kelemahan Dalam Proses Pembayaran BOT

Pihak Audit telah melaksanakan lawatan Audit terhadap pengurusan bayaran BOT di PKMD Melaka Tengah pada 22 dan 23 November 2016 bermula dari proses pengeluaran wang tunai di bank oleh pegawai PKMD sehingga BOT dibayar kepada penerima di JAPERUN Bukit Baru, Melaka.

PENEMUAN AUDIT

- pegawai PKMD terpaksa menunggu polis pengiring di bank dengan wang tunai sejumlah RM87,600 termasuk RM45,300 bagi BOT di khalayak ramai terdiri daripada pelanggan bank;
- wang tunai yang dibawa ke pejabat PKMD dikira secara beramai-ramai bagi pengasingan mengikut penerima;

PENEMUAN AUDIT

2. Kelemahan Dalam Proses Pembayaran BOT

PENEMUAN AUDIT

- kebanyakannya cap ibu jari di borang pembayaran secara tunai tidak jelas dan pegawai yang menandatangani sebagai pegawai pembayar bukanlah pegawai yang sebenarnya menyerahkan wang tunai BOT kepada penerima);
- pegawai yang menandatangani sebagai pegawai pembayar dan saksi hanya akan menandatangani borang pembayaran secara tunai selepas majlis selesai;
- proses pengagihan wang tunai kepada penerima dibuat dengan membekalkan kad yang dicatat 300 (RM300) tanpa ciri-ciri kawalan;
- tiada surat kuasa wakil dikemukakan semasa wakil penerima menerima BOT seperti kehendak surat pekeliling tersebut dan Arahan Perbendaharaan 99 (g).

PENEMUAN AUDIT

Borang Pembayaran Secara Tunai, JAPERUN Bukit Baru, Melaka - Cap Ibu Jari Penerima Yang Tidak Jelas (23.11.2016)

Bilik Mesyurat PKMD Melaka Tengah, Melaka - Proses Pengasingan Wang Tunai Pelbagai Jenis Bantuan Termasuk BOT (22.11.2016)

Dewan JAPERUN Bukit Baru, Melaka - Peyerahan Wang Tunai Pelbagai Jenis Bantuan Termasuk BOT Kepada Mereka Yang Menyerahkan Kad Dengan Catatan Amaun Yang Diberi Semasa Pendaftaran (23.11.2016)

PENEMUAN AUDIT



3. Bayaran BOT Tunai Di Sabak Bernam, Selangor

KRITERIA

- Proses pengurusan bayaran tunai BOT di rumah penerima bermula daripada serahan wang tunai oleh pegawai di Unit Kewangan PKMD kepada pegawai pembayar (pegawai kes) untuk dibawa ke rumah penerima bagi serahan wang tunai terus kepada penerima BOT.
- Pihak Audit dimaklumkan mengenai Arahan Dalaman iaitu wang tunai yang diambil oleh pegawai pembayar hendaklah diserahkan pada hari yang sama kepada penerima BOT dan jika tidak dapat diserahkan pada hari yang sama wang tunai tersebut hendaklah dipulangkan kembali kepada Unit Kewangan PKMD.

PENEMUAN AUDIT

- i. berlaku kelewatan agihan kepada penerima sehingga sepuluh hari melibatkan 160 kes;
- ii. catatan pengesahan penerimaan tidak lengkap;

PENEMUAN AUDIT



3. Bayaran BOT Tunai Di Sabak Bernam, Selangor (samb.)

PENEMUAN AUDIT

- iii. penerima telah meninggal dunia tetapi masih wujud sebagai penerima bantuan dan terdapat pengesahan cap jari penerima melibatkan dua kes dengan nilai bantuan berjumlah RM900 seperti yang berikut:
 - penerima telah meninggal dunia pada 2 September 2016 tetapi masih menerima bantuan bagi bulan Ogos (dibayar pada 6 September 2016) dan September 2016 (dibayar pada 29 September 2016); dan
 - penerima telah meninggal dunia pada 19 April 2016 tetapi masih menerima bantuan bagi bulan Mei 2016 (dibayar pada 4 Mei 2016).

PENEMUAN AUDIT



PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS (PAWE)



PENEMUAN AUDIT



Bantuan Geran Operasi Pusat Aktiviti Warga Emas

KRITERIA

Berdasarkan Garis Panduan PAWE, bantuan geran penyenggaraan berjumlah RM33,330 setahun disalurkan kepada setiap PAWE bagi tujuan pembayaran adalah seperti jadual berikut.

BIL.	PERKARA	KOS (RM)
1.	Elaun Penyelia 1 orang x RM600 x 12 bulan	7,200
2.	Elaun Bagi 2 Pembantu 2 Orang x RM350 x 12 bulan	8,400
3.	Utiliti RM200 x 12 bulan	2,400
4.	Geran Penyenggaraan Untuk Makanan Warga Emas RM1.40 x 30 orang x 365 hari	15,330
JUMLAH		33,330

PENEMUAN AUDIT



4. Perbelanjaan Tidak Mengikut Garis Panduan

PENEMUAN AUDIT

Semakan Audit terhadap perbelanjaan bagi 11 PAWE yang dilawati mendapati

- terdapat tujuh PAWE membuat perbelanjaan yang tidak tersenarai dalam garis panduan PAWE seperti pembelian dan penyenggaraan aset, tuntutan perjalanan serta pemberian bonus berjumlah RM70,988.
- tiada sebarang permohonan dibuat dan tiada sebarang kelulusan diperoleh atas perbelanjaan tersebut.
- Pihak Audit dimaklumkan pembelian barang tersebut atas keperluan mendesak untuk keselamatan dan keperluan menjalankan program.

PENEMUAN AUDIT



5. Salah Guna Bantuan Geran

PENEMUAN AUDIT

Semakan Audit terhadap laporan Penyata Terimaan dan Bayaran serta penyata bank PAWE mendapati:

- 4 daripada 11 PAWE yang dilawati telah menyalahguna bantuan geran peruntukan PAWE dengan memberi pinjaman sejumlah RM95,200 kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang mengendalikan PAWE dan penyelia yang ditugaskan untuk menyelia PAWE.
- Semakan Audit selanjutnya mendapati setakat bulan April 2017, keseluruhan pinjaman tersebut yang berjumlah RM95,200 telah dibayar balik.
- Pihak Audit dimaklumkan bahawa pinjaman tersebut dibuat dengan persetujuan jawatankuasa PAWE tanpa pengetahuan pihak JKM.

PENEMUAN AUDIT							
BIL.	PAWE	PEMINJAM	TARIKH PINJAMAN	JUMLAH PINJAMAN (RM)	JUMLAH BAYARAN BALIK (RM)	TEMPOH PEMBAYARAN	TUJUAN PINJAMAN
1.	Bukit Baru, Melaka	Penyelia	17.10.2011	15,000	15,000	Oktober 2011 - April 2014	Urusan Peribadi
2.	UTC Melaka	NGO Persatuan Gerontologi	02.03.2015	3,300	3,300	September - November 2015	Untuk Aktiviti Persatuan
3.	Sungai Buloh, Selangor	NGO Usiamas	19.05.2015 22.05.2015 23.08.2016	500 3,000 5,000 500	9,000	Mac dan Mei 2017	Untuk Aktiviti Persatuan
4.	Sungai Petani, Kedah	MPKSM	23.07.2014	67,900	67,900	1 Bulan	Untuk Aktiviti Persatuan
JUMLAH				95,200	95,200		

PENEMUAN AUDIT							
6. Lebihan Belanja bagi Perolehan Peralatan dan Kelengkapan PAWE							
KRITERIA							
<p>Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah meluluskan skop pembelian peralatan dan kelengkapan sejumlah RM80,000 bagi PAWE baru dan RM50,000 bagi PAWE sedia ada. Sekiranya terdapat penjimatan di mana-mana PAWE, lebihan amaan tersebut boleh digunakan oleh PAWE lain yang memerlukan peruntukan tambahan.</p>							
PENEMUAN AUDIT							
<ol style="list-style-type: none"> Terdapat perolehan bagi 3 jenis keperluan iaitu peralatan senaman/aktiviti, peralatan (selain peralatan senaman/ aktiviti) dan pelbagai pada tahun 2014 bagi tiga PAWE telah terlebih belanja sejumlah RM46,733. Had amaan peruntukan yang diluluskan berjumlah RM41,990 manakala perbelanjaan sebenar yang telah dilakukan berjumlah RM88,723. Tiada kelulusan bagi perbelanjaan melebihi amaan yang dihadkan oleh JKM. Pihak Audit dimaklumkan perbelanjaan dibuat disebabkan keperluan mendesak dan kesuntukan masa 							

PENEMUAN AUDIT

JABATAN PELAJARAN KEDAH
KPKWKM

7. Kelengkapan Tidak Digunakan/Rosak dan Kerja Pembaikan Tidak Berkualiti

Lawatan Audit pada 10 November 2016 ke PAWE Bandar Baharu, Kedah merupakan PAWE baru tetapi premisnya adalah bangunan lama Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Bandar Baharu. PAWE ini telah dilengkapi dengan kelengkapan dan peralatan yang baru serta telah diubah suai dengan menggunakan peruntukan sedia ada

PENEMUAN AUDIT

- i. satu *Treadmill* telah rosak dan tidak boleh digunakan sejak tahun 2016 serta tiada peruntukan untuk membaikinya
- ii. langsir telah rosak dan tercabut;
- iii. dua basikal senaman tidak pernah digunakan. Temu bual Audit bersama penyelia PAWE menyatakan bahawa warga emas tidak berminat untuk menggunakannya dan
- iv. dinding di kebanyakan lokasi menggelembung akibat serapan air dan cat tertanggal menjelaskan persekitaran yang kondusif


PENEMUAN AUDIT

JABATAN PELAJARAN KEDAH
KPKWKM

7. Kelengkapan Tidak Digunakan/Rosak dan Kerja Pembaikan Tidak Berkualiti



*PAWE Bandar Baharu
- Treadmill Rosak
(10.11.2016)*



*PAWE Bandar Baharu
- Basikal Senaman Tidak
Digunakan
(10.11.2016)*

PENEMUAN AUDIT





8. PAWE Baru Masih Tidak Beroperasi

KRITERIA

Antara kriteria yang perlu diambil kira adalah bilangan warga emas di sesuatu komuniti, lokasi yang strategik serta mudah diakses oleh warga emas, bangunan yang sesuai, komuniti penggerak yang berminat untuk memberi komitmen terhadap PAWE dan mendapatkan pandangan serta nasihat daripada PKMN/PKMD dengan disertakan gambar premis PAWE baru yang dicadang.

PENEMUAN AUDIT

- Lawatan Audit pada 17 Oktober 2016 terhadap premis sementara bagi PAWE Beaufort, Sabah mendapati PAWE tersebut masih belum beroperasi sejak penubuhannya pada bulan November 2015.
- penyelia dan pembantu penyelia masih belum dilantik.

PENEMUAN AUDIT





8. PAWE Baru Masih Tidak Beroperasi

PENEMUAN AUDIT

- Didapati sejumlah RM15,000 telah digunakan untuk menampung perbelanjaan Jawatankuasa Pengurusan PAWE ke persidangan PAWE dan gotong-royong dan lain-lain.
- Semakan Audit selanjutnya mendapati peralatan dan kelengkapan yang diterima sejak bulan Disember 2015 masih belum digunakan, tidak disimpan dengan teratur serta boleh mendedahkan kepada risiko kerosakan dan kehilangan.
- Pihak Audit dimaklumkan penyelia telah dilantik pada 11 November 2016 namun kemudiannya meletak jawatan pada 1 Januari 2017.

PENEMUAN AUDIT

LAKUKAN KERJADIKAN
KPKM

8. PAWE Baru Masih Tidak Beroperasi (Samb.)



PAWE Beaufort
- Ruang Yang Belum Digunakan
(17.10.2016)

TDKKU
- Pemimpanan Kelengkapan Dan
Peralatan Yang Tidak Terurus Dan
Bertindih
(17.10.2016)

PAWE Beaufort
- Kelengkapan Dan Peralatan
Yang Belum Digunakan
(17.10.2016)

PENEMUAN AUDIT

LAKUKAN KERJADIKAN
KPKM

**RUMAH SERI KENANGAN
(RSK)**



PENEMUAN AUDIT





9. Kerja-Kerja Pembersihan Di RSK

KRITERIA

Berdasarkan perjanjian, kerja pembersihan di dalam dan di luar bangunan dalam kawasan RSK hendaklah dilaksanakan. Ia merupakan antara perkhidmatan yang dilaksanakan di semua RSK supaya setiap RSK kekal sebagai kawasan institusi yang bersih dan boleh dijadikan sebagai tempat riadah yang kondusif

PENEMUAN AUDIT

Terdapat kelemahan dari aspek kerja-kerja pembersihan di RSK Bedong, Kedah dan RSK Cheras, Selangor di mana pembersihan di luar bangunan belum mencapai tahap yang memuaskan kerana di beberapa lokasi rumput tidak dipotong, rumput menjalar di pagar, terdapat sampah di kawasan pembetungan dan bahan binaan bertaburan

PENEMUAN AUDIT






9. Kerja-Kerja Pembersihan Di RSK



*RSK Bedong, Kedah
- Rumput Panjang Dan Bersampah
11.11.2016*



*RSK Bedong, Kedah
- Rumput Panjang Serta Menjalar Di Pagar
11.11.2016*




*RSK Cheras, Selangor
- Bahan Binaan Yang Tidak Digunakan Lagi Dibiarkan Bertaburan
24.11.2016*



PROGRAM BANTUAN & PERKHIDMATAN KEPADA WARGA EMAS

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**



TUJUAN TAKLIMAT

Taklimat ini diadakan bertujuan untuk melaporkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara mengenai :

- I. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 Siri 1 mengenai Program Bantuan dan Perkhidmatan Kepada Warga Emas di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM); dan
- II. Langkah-langkah penambahbaikan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh JKM terhadap laporan tersebut.

LATAR BELAKANG

- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) berperanan untuk melahirkan masyarakat yang sejahtera melalui penyampaian perkhidmatan pembangunan sosial di semua peringkat.
- Salah satu aktiviti di bawah JKM mensasarkan **warga emas** (iaitu mereka yang berumur **60 tahun** ke atas berdasarkan tafsiran “World Assembly On Ageing 1982” di Vienna; **tinggal berseorangan atau dengan keluarga yang kurang berkemampuan**) untuk meningkatkan kesejahteraan melalui perkhidmatan jagaan perlindungan serta program pembangunan.

LATAR BELAKANG

Bantuan dan perkhidmatan warga emas di bawah JKM adalah seperti berikut:

- a. **Bantuan kewangan kepada warga emas (BOT)**
- b. **Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)**
- c. **Program Unit Penyayang Warga Emas (UPWE).**
- d. **Rumah Seri Kenangan (RSK) dan Rumah Ehsan.**

- paghuri torlantar

LATAR BELAKANG

- (i) Anjung singgah.
- (ii) Bgmaua nali bantuan.
- (iii) Punca kuasa - dm peringkat Menteri.

BANTUAN KEWANGAN – BANTUAN ORANG TUA (BOT)

TUJUAN

- Saraan hidup kepada warga tua yang memerlukan bantuan supaya terus tinggal dalam komuniti.
- Meningkatkan taraf kehidupan warga emas agar dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan sempurna.

KADAR

RM300 sebulan seorang

2008.
Justifikasi blm
dpt menyokong.


KELAYAKAN

- Warga emas yang berumur 60 tahun ke atas.
- Tiada mata pencarian tertentu untuk menyara hidup
- Ada mempunyai keluarga tetapi tidak berkemampuan untuk menyara hidup /pendapatan keluarga tidak melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK 2014 : SM RM930, Sarawak RM990, Sabah & WP Labuan RM1,170).

LATAR BELAKANG

- Aktiviti:
- Rekreasi
 - Kesihatan
 - Keagamaan
 - Khidmat Sukarela
 - Sukan
 - Latihan
 - Lain-lain

- Pusat bagi warga emas menjalankan aktiviti harian dalam komuniti.
- Kerjasama antara JKM/KPWKM bersama dengan NGO.




Sebanyak RM113,330 diperuntukkan bagi penubuhan PAWE baharu iaitu

- RM 50,000 bagi peruntukan pembelian peralatan dan kelengkapan (*one off*)
- RM 30,000 bagi peruntukan penyelenggaran dan pemberian premis (*one off*)
- RM 33,330 bagi geran pengoperasian (tahunan)
- Mula diwujudkan pada tahun 2002 (RMK8) sebagai Pusat Jagaan Harian Warga Emas
- Sebanyak 59 PAWE telah ditubuhkan.

- Meluaskan kemudahan untuk kesejahteraan pembangunan warga emas.
- Meningkatkan kualiti hidup selari dengan konsep warga emas aktif dan produktif.
- Ruang kepada warga emas rasa dihargai melalui perkongsian pengalaman & kepakaran
- Menggalakan penglibatan pelbagai pihak.

LATAR BELAKANG

- Kemudahan pengangkutan untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan kesihatan di hospital/klinik.
- Boleh diperluaskan untuk perkhidmatan lain bagi urusan keperluan sosial warga emas.



LATAR BELAKANG

INSTITUSI – RUMAH SERI KENANGAN (RSK)

OBJEKTIF PENUBUHAN

Ditubuhkan untuk memberi jagaan dan perlindungan kepada warga emas yang daif demi menjamin kesejahteraan dan kualiti hidup mereka.

KRITERIA KEMASUKAN

- Umur 60 tahun ke atas
- Berupaya mengurus diri sendiri
- Tidak menghidap penyakit berjangkit
- Tiada tempat tinggal/tiada pendapatan

PENEMPATAN

- a. Sukarela
Permohonan kemasukan akan diproses mengikut Kaedah-Kaedah Bagi Pengurusan Rumah Orang-Orang Tua 1983
- b. Perintah Mahkamah
Kemasukan adalah melalui perintah mahkamah mengikut Akta Orang-Orang Papa 1977

PRESTASI KEWANGAN

Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2016 di bawah program Bantuan Orang Tua (BOT), peruntukan yang disalurkan berjumlah RM1.504 billion dan telah dibelanjakan sepenuhnya.

Manakala bagi perkhidmatan kepada warga emas, melibatkan perkhidmatan PAWE, UPWE dan Institusi Kebajikan peruntukan sejumlah RM89.06 juta telah disalurkan tetapi perbelanjaan telah melebihi peruntukan asal iaitu berjumlah RM92.59 juta (103.9%).


Lebihan ini adalah atas faktor emolumen dan bonus yang dibayar pada kakitangan awam di Institusi Kebajikan.

PENGAUDITAN

OBJEKTIF DAN SKOP PENGAUDITAN

- Pengauditan ini dijalankan untuk menilai bantuan dan perkhidmatan JKM terhadap warga emas telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif yang ditetapkan
- Meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap bantuan warga emas (BOT) dan pemberian wang saku serta perkhidmatan kepada warga emas iaitu PAWE, UPWE dan RSK bagi tahun 2014 hingga 2016. Lokasi pengauditan yang dipilih meliputi empat negeri iaitu Melaka, Kedah, Selangor dan Sabah.

METODOLOGI PENGAUDITAN



12 Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah
(PKMD) di negeri Melaka, Kedah, Selangor
dan Sabah

12 PAWE, 3 UPWE dan 3 RSK

- (i) Semak bantuan terputus.
- awal sebulan.
 - dibuat melalui Akau Amarah.
- (ii) Meningkat masalah peringkat bawahan.

BANTUAN ORANG TUA (BOT)



PRESTASI KEWANGAN

PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2016 UNTUK BANTUAN ORANG TUA

TAHUN	PERUNTUKAN	PERBELANJAAN	
	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
BANTUAN ORANG TUA (WARGA EMAS)			
2014	500.40	500.40	100
2015	502.17	502.17	100
2016	501.24	501.24	100
JUMLAH	1,503.81	1,503.81	100

Perbelanjaan 100% untuk skim BOT bagi tiga tahun berturut-turut iaitu dari tahun 2014 hingga 2016

PERENGGAN**PENEMUAN AUDIT****PENAMBAHBAIKAN****15.5.2.1. (b)****Pengurusan Program Bantuan Kewangan Bulanan - Bantuan Orang Tua (BOT) - Bayaran Secara Tunai**

Semakan Audit mendapati arahan menyalurkan bantuan melalui bank telah dilaksanakan sepenuhnya oleh JKM cawangan Negeri Sabah dan Kedah semenjak tahun 2011.

Bagaimanapun, JKM negeri Melaka dan Selangor masih belum melaksanakan sepenuhnya arahan tersebut di mana negeri tersebut menggunakan dua kaedah pembayaran iaitu secara tunai (JKM terus membayar kepada penerima) dan bank. Lima daripada 12 PKMD yang dilawati iaitu 3 PKMD di Melaka dan 2 PKMD di Selangor telah melaksanakan bayaran secara tunai kepada 1,824 (16.7%) daripada 10,894 jumlah penerima melibatkan wang tunai sejumlah RM547,200 bagi bulan November 2016.

1. Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Bil.1/2010 bertarikh 16 Mac 2010 ([Lampiran 1](#)) bertujuan menambahbaik Sistem Pengurusan Bantuan Secara Tunai namun ia tidak membatalkan proses kerja pembayaran secara tunai. Ia adalah satu arahan bagi menambahbaik proses bayaran dengan menyarankan 4 langkah berikut:
 - Arahan kepada pegawai kes untuk membuat lawatan ke rumah apabila klien tidak mengambil bayaran melebihi 2 bulan. Sekiranya didapati klien berpindah tanpa makluman atau meninggal dunia, kes perlu ditamatkan serta merta;
 - Arahan bagi pegawai kes mengambil semula dan merekod fail kad bayaran bantuan bagi kes yang meninggal dunia;
 - Bagi kes-kes yang tidak boleh hadir semasa bayaran dan menghantar wakil, surat wakil beserta kad pengenalan klien diperlukan selaras dengan AP 99(g). Manakala bagi kes yang boleh hadir, hendaklah mengemukakan kad bayaran bantuan berserta kad pengenalan;

PERENGGAN**PENEMUAN AUDIT****PENAMBAHBAIKAN**

Pihak Audit dimaklumkan wujud keperluan untuk membuat bayaran tunai atas faktor penerima BOT menghadapai masalah kesihatan fizikal; kesihatan mental; klien sebatang kara/tiada waris; lokasi bank yang jauh; muflis/bankrap dan permintaan pemimpin tempatan.

- Memperkenalkan sistem pembayaran bantuan melalui bank berdasarkan Arahan kerja No.13, Sistem Pembayaran Melalui Bank: MS ISO 9001:2000. Bayaran bank sepenuhnya mulai tahun 2010. Integrasi e-Bantuan dan Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan (e-SPKB) dilaksanakan mulai Januari 2015 bagi melancarkan dan mempercepatkan proses pembayaran bantuan melalui bank.

PERENGGAN	PENEMUAN AUDIT	PENAMBAHBAIKAN																																																																				
	<p><u>Sklm 2007</u></p> <p>- Penemuan audit (00% melalui bank -</p> <p>- Cadangan melalui bank dilaksanakan.</p>	<p>2. Surat Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat bil.(20) dlm.JKM/PW600/04/1 JLD.29 bertarikh 5 Mei 2017 (<u>Lampiran 2)</u> arahan bayaran bantuan melalui bank dilaksanakan bagi semua kes kelulusan baru dan kes sedia ada yang dibayar tunai ditukar kepada bank. Pemantauan secara berkala dibuat bagi memastikan bayaran melalui bank dilaksanakan dan menunjukkan prestasi seperti berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th rowspan="2">BIL.</th> <th rowspan="2">TARIKH PEMANTAUAN</th> <th rowspan="2">BAYARAN BANK (%)</th> <th rowspan="2">BAYARAN TUNAI (%)</th> <th colspan="4">KATEGORI KLIEN (BIL.KES)</th> </tr> <tr> <th>TERLANTAR</th> <th>MUFLIS</th> <th>MENTAL</th> <th>LAIN-LAIN ALASAN MUNASABAH</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>21/6/2017</td> <td>95.47</td> <td>4.53</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>28/6/2017</td> <td>95.58</td> <td>4.42</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>5/7/2017</td> <td>96.14</td> <td>3.86</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>12/7/2017</td> <td>96.36</td> <td>3.64</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>5.</td> <td>19/7/2017</td> <td>96.64</td> <td>3.36</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>6.</td> <td>26/7/2017</td> <td>97.37</td> <td>2.63</td> <td></td> <td></td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>7.</td> <td>26/9/2017</td> <td>98.90</td> <td>1.10</td> <td>806</td> <td>322</td> <td>691</td> <td>2,648</td> </tr> </tbody> </table>	BIL.	TARIKH PEMANTAUAN	BAYARAN BANK (%)	BAYARAN TUNAI (%)	KATEGORI KLIEN (BIL.KES)				TERLANTAR	MUFLIS	MENTAL	LAIN-LAIN ALASAN MUNASABAH	1.	21/6/2017	95.47	4.53					2.	28/6/2017	95.58	4.42					3.	5/7/2017	96.14	3.86					4.	12/7/2017	96.36	3.64					5.	19/7/2017	96.64	3.36					6.	26/7/2017	97.37	2.63					7.	26/9/2017	98.90	1.10	806	322	691	2,648
BIL.	TARIKH PEMANTAUAN	BAYARAN BANK (%)					BAYARAN TUNAI (%)	KATEGORI KLIEN (BIL.KES)																																																														
			TERLANTAR	MUFLIS	MENTAL	LAIN-LAIN ALASAN MUNASABAH																																																																
1.	21/6/2017	95.47	4.53																																																																			
2.	28/6/2017	95.58	4.42																																																																			
3.	5/7/2017	96.14	3.86																																																																			
4.	12/7/2017	96.36	3.64																																																																			
5.	19/7/2017	96.64	3.36																																																																			
6.	26/7/2017	97.37	2.63																																																																			
7.	26/9/2017	98.90	1.10	806	322	691	2,648																																																															

PERENGGAN	PENEMUAN AUDIT	PENAMBAHBAIKAN
		<p>3. Walaubagaimanapun dinyatakan juga bayaran tunai masih boleh dilaksanakan bagi kes-kes tertentu dengan syarat mendapat kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat-Surat Arahan bil. (30) dlm. JKM/PW600/04/1JLD.29 bertarikh 13 Jun 2017 seperti di <u>Lampiran 3</u>. Manakala contoh surat kelulusan bayaran tunai seperti di <u>Lampiran 4</u>.</p> <p>Beberapa faktor pertimbangan kes bayaran tunai wajar dilaksanakan adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kesihatan fizikal klien yang tidak berupaya keluar/bergerak/terlantar; ii. Kesihatan mental klien; iii. Status muflis/bankrap yang menyukarkan pembukaan akaun bank; iv. Mana-mana kes yang dengan alasan munasabah dan sangat memerlukan bayaran tunai berbanding bayaran melalui bank <u>Lampiran 5</u>.

PERENGGAN	PENEMUAN AUDIT	PENAMBAHBAIKAN
		<p>4. Pelaksanaan bayaran 100% melalui bank menjadi <i>Key Performance Indicator</i> (KPI) Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri dan Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah/ Jajahan/ Bahagian sebelum atau selewatnya 30 September 2017 seperti Surat daripada Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat bil.(20) dlm.JKM/PW600/04/1 JLD.29 bertarikh 5 Mei 2017 dan Jadual Pemantauan Prestasi Status Bayaran Bantuan Bank (<u>Lampiran 6</u>). Prestasi keseluruhan bayaran bank pada Julai 2017 sebanyak 97.37% meningkat kepada 98.9% sehingga September 2017.</p> <p>5. Manakala status terkini bayaran bank di PKMD Klang (100%), PKMD Sabak Bernam (100%), PKMD Melaka Tengah (93.02%), PKMD Jasin (97.70%) dan Alor Gajah (98.25%).</p>

PERENGGAN	PENEMUAN AUDIT	PENAMBAHBAIKAN
15.5.2.1. (c)	<p>Pihak Audit telah melaksanakan lawatan Audit terhadap proses pembayaran BOT di PKMD Melaka Tengah bermula dari proses pengeluaran wang tunai di bank oleh pegawai PKMD sehingga BOT dibayar kepada penerima di Jawatankuasa Pembangunan & Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) Bukit Baru, Melaka. Hasil lawatan tersebut, didapati wujud kelemahan dalam pengurusan bayaran tunai BOT. Antara kelemahan yang dikenal pasti adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ pegawai PKMD terpaksa menunggu polis pengiring di bank dengan wang tunai sejumlah RM87,600 termasuk RM45,300 bagi BOT di khalayak ramai yang terdiri daripada pelanggan bank; 	<ol style="list-style-type: none"> 1. PKMD Melaka Tengah telah mengambil tindakan penambahbaikan dengan melaksanakan pembayaran melalui bank secara berperingkat. 2. Naziran telah dilaksanakan ke PKMD Melaka Tengah pada 2 Februari 2017. Hasil naziran mendapati PKMD Melaka Tengah berusaha melaksanakan arahan bayaran bantuan melalui bank. 3. Sehingga 3 Oktober 2017 pembayaran melalui bank telah meningkat 93.02% berbanding pada November 2016 sebanyak 64% iaitu peningkatan sebanyak 29.02%.

PERENGGAN

PENEMUAN AUDIT

PENAMBAHBAIKAN

- wang tunai yang dibawa ke pejabat PKMD dikira secara beramai-ramai bagi pengasingan mengikut penerima;
- satu majlis penyerahan wang tunai diadakan di JAPERUN Bukit Baru, Melaka kepada penerima. Penerima perlu mengecop ibu jari dalam borang pembayaran secara tunai. Pihak Audit mendapati kebanyakan cap ibu jari tidak jelas dan pegawai yang menandatangani sebagai pegawai pembayar bukanlah pegawai yang sebenarnya menyerahkan wang tunai BOT kepada penerima;
- pegawai yang menandatangani sebagai pegawai pembayar dan saksi hanya akan menandatangani borang pembayaran secara tunai selepas majlis selesai;

4.

Kes-kes permohonan bantuan kebajikan yang memerlukan bayaran tunai boleh dipertimbangkan dengan kelulusan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat seperti surat arahan bil. JKM/PW/600/04/1/ Jld. 29 (30) bertarikh 13 Jun 2017 dan tertakluk kepada pematuhan AP96 (a).

PERENGGAN

PENEMUAN AUDIT

PENAMBAHBAIKAN

- proses pengagihan wang tunai kepada penerima dibuat dengan membekalkan kad yang hanya dicatat ‘300’ tanpa ciri-ciri kawalan. Mereka yang menerima kad tersebut berkumpul bersama dengan penerima lain-lain bantuan untuk menerima wang tunai daripada wakil JAPERUN. Keadaan ini boleh mengakibatkan sesiapa sahaja mewujudkan kad palsu dengan mudah dan beratur bersama untuk menerima wang tunai tersebut; dan

- dalam kes di mana penerima tidak dapat hadir untuk menerima bantuan BOT dan telah mewakilkan orang lain bagi pihaknya, didapati tiada surat kuasa wakil dikemukakan kepada pegawai pembayar seperti kehendak Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia Bilangan 1 Tahun 2010 dan Arahan Berbantahan no (a)

PERENGGAN	PENEMUAN AUDIT	PENAMBAHBAIKAN
<p>15.5.2.1. (d)</p>	<p>Di PKMD Sabak Bernam, penyerahan wang tunai dibuat terus kepada penerima BOT melibatkan tujuh hingga 13 penerima. Hasil semakan dokumen mendapati perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. berlaku kelewatan agihan kepada penerima sehingga 10 hari melibatkan 160 kes; ii. catatan pengesahan penerimaan tidak lengkap; dan 	<p>1. PKMD Sabak Bernam telah melaksanakan bayaran Bantuan Orang Tua (BOT) melalui bank 100% mulai Mei 2017.</p> <p>2. Dengan pelaksanaan bayaran BOT 100% melalui bank, duit bantuan disalurkan melalui <i>Electronic Fund Transfer</i> (EFT) ke akaun penerima bantuan. Proses bayaran menggunakan integrasi sistem e-Bantuan dan e-SPKB (Sistem Perancangan dan Kawalan Belanjawan).</p>

PERENGGAN	PENEMUAN AUDIT	PENAMBAHBAIKAN
	<p>iii. penerima telah meninggal dunia tetapi masih wujud sebagai penerima bantuan dan terdapat pengesahan cap jari penerima melibatkan 2 kes dengan nilai bantuan berjumlah RM900 seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> ▪ penerima telah meninggal dunia pada 2 September 2016 tetapi masih menerima bantuan bagi bulan Ogos (dibayar pada 6 September 2016) dan September 2016 (dibayar pada 29 September 2016); dan ▪ penerima telah meninggal dunia pada 19 April 2016 tetapi masih menerima bantuan bagi bulan Mei 2016 (dibayar pada 4 Mei 2016). <p>Pada pendapat Audit, pengurusan bayaran bantuan BOT secara tunai adalah kurang memuaskan serta terdedah kepada risiko kehilangan dan penyalahgunaan wang awam.</p>	<p>3. Bagi 2 kes penerima yang telah meninggal dunia tetapi bayaran telah dibuat berjumlah RM900, PKMD telah menjalankan siasatan dan mendapat terdapat unsur ketirisan.</p> <p>4. Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Sabak Bernam telah mengeluarkan Surat Tunjuk Sebab rujukan PKMDSEL.06/200/11/P(62) bertarikh 3 April 2017 (Lampiran 7). Pegawai yang terlibat tidak dibenarkan untuk terlibat dalam kerja-kerja pengurusan bantuan dan kewangan (Lampiran 7a).</p> <p>Bayaran balik dari pegawai telah diterima pada 21 April 2017 sebagaimana resit bayaran pemulangan wang bantuan yang dituntut ke dalam Akaun Hasil Kerajaan No. Resit P0180117000006 (Lampiran 8).</p>

PERENGGAN

PENEMUAN AUDIT

PENAMBAHBAIKAN

5. Jawatankuasa Siasatan Dalaman KPWKM ditubuhkan pada 21 Jun 2017 bagi mengenalpasti sebab bayaran dibuat terhadap penerima yang telah meninggal dunia untuk tindakan *punitive* atau *corrective* sepertimana arahan KSU KPWKM pada Mesyuarat bertarikh 14 Jun 2017.
6. Jawatankuasa Penyiasat menemukan **unsur pelanggaran tatakelakuan** dan mengesyorkan **tindakan tatatertib** (Lampiran 9) dilaksanakan ke atas dua (2) orang pegawai yang terlibat. Pada masa yang sama, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia turut menjalankan siasatan ke atas perkara ini.
 - i. Kes 1 (Kakitangan Lantikan Persekutuan)- Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No.2) Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor telah memutuskan pada 10 Ogos 2017 bahawa pelanggaran tatatertib pegawai adalah dari jenis yang patut dikenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat mengikut Peraturan 37, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) 1993.

PERENGGAN

PENEMUAN AUDIT

PENAMBAHBAIKAN

ii. Kes 2 (Kakitangan Lantikan Negeri)- Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No.2) Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor telah memutuskan pada 27 Julai 2017 bahawa pelanggaran tatatertib pegawai adalah dari jenis yang patut dikenakan hukuman yang lebih ringan daripada buang kerja atau turun pangkat mengikut Peraturan 36, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tatatertib) 1993.

7. Bagi mengatasi masalah bayaran kepada kes meninggal dunia, JKM telah menggunakan sistem integrasi eBantuan dan MyIdentity Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) (Lampiran 10). MyIdentity banyak membantu dalam mengesan penerima bantuan yang meninggal dunia.

PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS (PAWE)



PRESTASI KEWANGAN

PENYATA PERBELANJAAN KEWANGAN BAGI TEMPOH 2014 HINGGA 2016 DI PAWE

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN	
		(RM Juta)	(%)
2014	1.50	1.20	80.0
2015	1.67	1.57	94.0
2016	1.69	1.61	95.3
JUMLAH	4.86	4.38	90.1

Prestasi kewangan PAWE adalah seperti di jadual dan didapati memuaskan oleh pihak Jabatan Audit Negara

PERBELANJAAN TIDAK MENGIKUT GARIS PANDUAN

PERENGGAN	PENEMUAN AUDIT	MAKLUMAT TERKINI/PENAMBAHBAIKAN
15.5.3.1. (a) (i)	<p><u>PERBELANJAAN TIDAK MENGIKUT GARIS PANDUAN</u></p> <p>Semakan Audit terhadap perbelanjaan bagi 11 PAWE yang dilawati mendapati terdapat 7 PAWE telah membuat perbelanjaan yang tidak tersenarai dalam garis panduan PAWE seperti pembelian dan penyenggaraan aset, tuntutan perjalanan serta pemberian bonus berjumlah RM70,688.</p> <p>Pihak Audit juga mendapati tiada sebarang permohonan dibuat dan tiada sebarang kelulusan diperoleh atas perbelanjaan yang telah dibuat. Pihak Audit dimaklumkan pembelian barang tersebut atas keperluan mendesak untuk keselamatan dan keperluan menjalankan program.</p>	<p>Bagi menambahbaik isu berkaitan tiada permohonan dan kelulusan perolehan yang dibuat, KPWKM telah menambahbaik semua proses pentadbiran, kewangan, pemantauan, pelaporan dan pengurusan PAWE seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Surat arahan dikeluarkan kepada semua Pengarah JKMN untuk melaksanakan kursus dalaman berkaitan Tatacara Kewangan dan Aset Kerajaan serta Pengurusan PAWE bertarikh 25 Ogos 2016 bagi memastikan tatacara kewangan dan aset dilaksanakan mengikut tatacara kewangan yang betul. (Lampiran B1)2. Surat Pematuhan Kegunaan Peruntukan Geran Operasi PAWE tahun 2017 bertarikh 8 Februari 2017 telah dihantar kepada JKMN dan Jawatankuasa PAWE untuk ditandatangani bagi pematuhan syarat-syarat yang ditetapkan dalam garis panduan PAWE. JKM boleh menarik balik geran kewangan jika melanggar syarat-syarat di dalam garis panduan PAWE. Surat arahan adalah seperti di Lampiran B2.

PERBELANJAAN TIDAK MENGIKUT GARIS PANDUAN

PERENGGAN	PENEMUAN AUDIT	MAKLUMAT TERKINI/PENAMBAHBAIKAN
15.5.3.1. (a) (i)		<p>3. Penambahbaikan perbelanjaan di bawah geran pengoperasian PAWE telah dilaksanakan melalui surat makluman oleh Ketua Pengarah JKM bagi Jadual Agihan Baharu Geran Pengoperasian PAWE berkaitan jenis-jenis perbelanjaan PAWE yang dibenarkan dan dikuatkuasakan mulai 1 Mac 2017 seperti di <u>Lampiran B3</u>.</p> <p>Antara skop perbelanjaan yang ditambahbaik adalah:</p> <ol style="list-style-type: none">i. Kenaikan elauan penyelia dan pembantu penyeliaii. Perluasan skop utiliti kepada jenis-jenis perbelanjaan yang diperincikan mengikut maksud peruntukan perbelanjaan Kerajaan.iii. Bekalan dan bahan-bahan lainiv. Program dan aktiviti PAWE. <p>4. Surat Amaran dan Peringatan juga telah dilikeluarkan kepada 7 PAWE yang diaudit bagi memastikan tidak berulang lagi salahguna geran pengoperasian dan ketidakpatuhan kepada garis panduan pada 8 Mei 2017 (<u>Lampiran B4</u>).</p>

PERBELANJAAN TIDAK MENGIKUT GARIS PANDUAN

PERENGGAN	PENEMUAN AUDIT	MAKLUMAT TERKINI/PENAMBAHBAIKAN
15.5.3.1. (a) (i)		<p>5. Penambahbaikan juga dilaksanakan kepada proses penubuhan dan perolehan bagi PAWE baharu melalui Mesyuarat Penubuhan PAWE Baharu Tahun 2017 pada 6 Jun 2017. (Lampiran B5)</p> <p>Perkara-perkara yang diberi penekanan adalah:</p> <ul style="list-style-type: none">i. Pematuhan kepada prosedur perolehan;ii. Pematuhan kepada garis panduan PAWE;iii. Peranan dan tanggungjawab jawatankuasa PAWE;iv. Tatacara pengurusan kewangan dan akaun PAWE danv. Pelaporan dan pemantauan perbelanjaan kewangan, program dan aktiviti.

PERBELANJAAN TIDAK MENGIKUT GARIS PANDUAN

PERENGGAN	PENEMUAN AUDIT	MAKLUMAT TERKINI/PENAMBAHBAIKAN
15.5.3.1. (a) (i)		<p>6. Garis Panduan Baharu 2017 PAWE telah disahkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Dasar JKM Bil.3/2017 bertarikh 29 September 2017 dan telah dikuatkuasakan pada 2 Oktober 2017. (Lampiran B6).</p> <p>7. Elemen-elemen penambahbaikan garis panduan ini telah mengambil kira semua teguran Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) antaranya seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">i. Penubuhan dan pembubaran Jawatankuasa PAWE (Bahagian III)ii. Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa PAWE (Bahagian IV)iii. Pengurusan Kewangan PAWE (Bahagian IX)iv. Pengendalian Aset dan Inventori (Bahagian X)v. Pemantauan (Bahagian XII)

PERBELANJAAN TIDAK MENGIKUT GARIS PANDUAN

PERENGGAN	PENEMUAN AUDIT	MAKLUMAT TERKINI/PENAMBAHBAIKAN
15.5.3.1. (a) (i)		<p>8. Sesi Libat Urus bersama Pengurus, Jawatankuasa PAWE dan Penyelaras JKMN telah diadakan pada 1 Oktober dan 3 Oktober 2017 bagi memberi taklimat berkaitan penemuan audit dan penerangan berkaitan Garis Panduan PAWE 2017. <u>(Lampiran B7)</u>.</p> <p>9. Sebagai tambahan kepada garis panduan PAWE, satu perjanjian pengoperasian PAWE di antara Kerajaan dengan NGO diwujudkan dan akan berkuatkuasa 1 Januari 2018. Surat pemakluman telah dihantar kepada semua PAWE dan JKMN bertarikh 2 Oktober 2017. <u>(Lampiran B8)</u>.</p> <p>Perjanjian ini akan mengikat beberapa perkara seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">i. Skop perjanjianii. Representasi dan warantiiii. Bayaran bantuan kewanganiv. Obligasi dan tempoh perjanjianv. Tanggungjawabvi. Penamatan <p>10. Naziran secara berkala dan berterusan telah dilaksanakan mulai Februari 2017 <u>(Lampiran B9)</u>. Hasil naziran telah menunjukkan tiada lagi perbelanjaan yang tidak mematuhi garis panduan PAWE yang sedia ada. Garis Panduan PAWE 2017 juga memasukkan elemen pemantauan secara berkala oleh JKMN iaitu 3 bulan sekali (Bahagian XII Pemantauan para 40 (1))</p>

SALAH GUNA BANTUAN GERAN

PERENGGA N	PENEMUAN AUDIT	MAKLUMAT TERKINI/PENAMBAHBAIKAN
15.5.3.1. (a) (ii)	<p><u>SALAH GUNA BANTUAN GERAN</u></p> <p>Terdapat 4 daripada 11 PAWE yang dilawati telah menyalahguna bantuan geran peruntukan PAWE dengan memberi pinjaman sejumlah RM95,200 kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang mengendalikan PAWE dan penyelia yang ditugaskan untuk menyelia PAWE.</p> <p>Setakat bulan April 2017, keseluruhan pinjaman tersebut yang berjumlah RM95,200 telah dibayar balik. Pihak Audit dimaklumkan bahawa pinjaman tersebut dibuat dengan persetujuan jawatankuasa PAWE tanpa pengetahuan pihak JKM</p>	<p>1. Jawatankuasa Siasatan Dalaman (JKSD) KPWKM ditubuhkan pada 21 Jun 2017 dengan fokus ke atas aspek penyalahgunaan bantuan geran peruntukan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE), khususnya bagi mengenal pasti tujuan pinjaman sama ada ia menjurus kepada tindakan <i>punitive</i> atau <i>corrective</i>. Penemuan JKSD adalah seperti berikut : (Lampiran B10).</p> <ul style="list-style-type: none"> i) JKSD tidak menemukan sebarang bukti berlaku jenayah penyelewengan dan pecah amanah di bawah Kanun Keseksaan (Akta 574) dan juga Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) 2009 (Akta 694). ii) Garis Panduan PAWE yang ada pada masa kini dilihat tidak komprehensif; dan iii) JKSD turut mencadangkan penambahbaikan dilaksanakan, khususnya penambahbaikan ke atas Garis Panduan sedia ada, ikatan kontrak antara Kerajaan dan PAWE serta pemantauan

SALAH GUNA BANTUAN GERAN

PERENGGAN	PENEMUAN AUDIT	MAKLUMAT TERKINI/PENAMBAHBAIKAN
15.5.3.1. (a) (ii)		<p>2. Mesyuarat Tindakan Laporan Ketua Audit Negara Bil. 1 Tahun 2017 pada 24 Ogos 2017 telah memutuskan agar tindakan diambil ke atas pegawai – pegawai yang tidak melakukan semakan dan pemantauan ke atas Laporan Perbelanjaan yang dikemukakan oleh PAWE. Ini kerana sekiranya semakan dilakukan, perbelanjaan yang tidak mengikut Garis Panduan boleh dikesan lebih awal.</p> <p>3. Mengambil kira keputusan ini, dua siri perbincangan telah diadakan pada 28 Ogos dan 15 September 2017 bagi menyelaras tindakan susulan yang perlu diambil. Seterusnya satu Jawatankuasa Siasatan di peringkat JKM telah ditubuhkan pada 28 September 2017 dengan memfokuskan untuk mengenal pasti pegawai – pegawai yang terlibat bagi diambil tindakan sewajarnya.</p> <p>4. Bagi mengelakkan salah guna bantuan geran PAWE berulang lagi, Garis Panduan PAWE 2017 telah memasukkan elemen pengurusan kewangan yang lebih terperinci berkaitan tatacara kewangan iaitu geran pengoperasian PAWE yang diterima daripada Kerajaan tidak boleh digunakan untuk perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">i. Memberi pinjaman kepada mana-mana orang yang memohon untuk membuat pinjaman;ii. Membuat perbelanjaan selain daripada yang dinyatakan dalam Garis Panduan; <p>(Bahagian IX Pengurusan Kewangan, Para 30 (1))</p>

SALAH GUNA BANTUAN GERAN

PERENGGAN	PENEMUAN AUDIT	MAKLUMAT TERKINI/PENAMBAHBAIKAN
15.5.3.1. (a) (ii)		<p>4. Antara tambahan lain di dalam Garis Panduan PAWE, Jawatankuasa PAWE hendaklah membuka akaun dan lejar yang berasingan dan segala penerimaan dan perbelanjaan untuk maksud PAWE hendaklah direkodkan. (Bahagian IX Pengurusan Kewangan para 29 (3)).</p>

LEBIHAN BELANJA BAGI PEROLEHAN PERALATAN DAN KELENGKAPAN PAWE

PERENGGAN	PENEMUAN AUDIT	MAKLUMAT TERKINI/PENAMBAHBAIKAN
15.5.3.1.b.(i)	<p>Perolehan bagi tiga jenis keperluan iaitu peralatan senaman/aktiviti, peralatan (selain peralatan senaman/aktiviti) dan pelbagai pada tahun 2014 bagi 3 PAWE telah terlebih belanja sejumlah RM46,733. Had amau peruntukan yang diluluskan berjumlah RM41,990 manakala perbelanjaan sebenar yang telah dilakukan berjumlah RM88,723</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Peruntukan telah disalurkan sebanyak RM113,330 setiap PAWE baharu iaitu melibatkan RM50,000 (<i>one off</i>) untuk perolehan peralatan dan kelengkapan; dan RM30,000 (<i>one off</i>) adalah untuk pembaikan dan penyelenggaran bangunan manakala RM33,330 adalah bagi tujuan pengoperasian tahunan PAWE. Bagi pembelian peralatan dan kelengkapan PAWE, kelulusan Pegawai Pengawal pada 13 Februari 2013 telah menetapkan senarai peralatan dan siling harga bagi setiap jenis item. <u>(Lampiran B11)</u> 2. Perbelanjaan yang dilakukan 3 PAWE (PAWE UTC Kota Kinabalu, PAWE Papar Sabah dan PAWE Bandar Baharu, Kedah) tidak melebihi siling RM150,000 (iaitu RM50,000 bagi setiap PAWE) yang telah ditetapkan bagi keseluruhan perbelanjaan peralatan dan kelengkapan. Walaubagaimana pun pembelian beberapa item barang telah melebihi harga siling yang telah ditetapkan oleh Pegawai Pengawal.

LEBIHAN BELANJA BAGI PEROLEHAN PERALATAN DAN KELENGKAPAN PAWE

PERENGGAN	PENEMUAN AUDIT	MAKLUMAT TERKINI/PENAMBAHBAIKAN
15.5.3.1.b.(i)	<p>Pihak Audit tidak menemui kelulusan perbelanjaan melebihi amaun yang dihadkan oleh JKM. Pihak Audit dimaklumkan perbelanjaan dibuat disebabkan keperluan mendesak dan kesuntukan masa</p>	<p>3. Bagi memastikan perkara ini tidak berulang, tindakan penambahbaikan telah diambil seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Beberapa siri kursus pemantapan pengurusan kewangan dan perolehan telah dilaksanakan. <u>(Lampiran B12)</u> ii. Skop Pembelian Peralatan dan Kelengkapan serta Pembaikan Premis bagi PAWE sedia ada telah ditambahbaik dengan menetapkan bilangan kuantiti tanpa menyatakan harga kerana harga yang ditetapkan tidak dapat digunakan di sesetengah tempat. Skop baharu telah diluluskan oleh Pegawai Pengawal pada 26 Mei 2017 dan digunakan mulai 6 Jun 2017. <u>(Lampiran B13)</u>

KELENGKAPAN TIDAK DIGUNAKAN/ROSAK DAN KERJA PEMBAIKAN TIDAK BERKUALITI

PERENGGAN	PENEMUAN AUDIT	MAKLUMAT TERKINI/PENAMBAHBAIKAN
15.5.3.1.B.ii	<p>Lawatan Audit pada 10 November 2016 ke PAWE Bandar Baharu, Kedah merupakan PAWE baru tetapi premisnya adalah bangunan lama Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Bandar Baharu. PAWE ini telah dilengkapi dengan kelengkapan dan peralatan yang baru serta telah diubah suai dengan menggunakan peruntukan sedia ada.</p> <ul style="list-style-type: none"> i. satu Treadmill telah rosak dan tidak boleh digunakan sejak tahun 2016 serta tiada peruntukan untuk membaikinya. ii. Langsir telah rosak dan tercabut. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pembelian peralatan PAWE telah dilaksanakan pada tahun 2013 dan jaminan bagi peralatan yang telah dibeli adalah hanya satu tahun dan kerosakan telah berlaku pada tahun 2016. 2. Langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasi isu penyelenggaran dan pembaikan kecil di PAWE telah dilaksanakan melalui arahan Jadual Agihan Baharu Geran Pengoperasian PAWE berkaitan jenis-jenis perbelanjaan PAWE yang dibenarkan dan dikuatkuasakan mulai 1 Mac 2017

KELENGKAPAN TIDAK DIGUNAKAN/ROSAK DAN KERJA PEMBAIKAN TIDAK BERKUALITI

PERENGGAN	PENEMUAN AUDIT	MAKLUMAT TERKINI/PENAMBAHBAIKAN
	<p>iii. 2 basikal senaman tidak pernah digunakan kerana tidak sesuai dan tidak berminat digunakan oleh warga emas.</p> <p>iv. Dinding di kebanyakan lokasi menggelembong akibat serapan air dan cat tertanggal menjelaskan persekitaran yang kondusif.</p>	<p>3. JKM telah mengadakan beberapa inisiatif untuk menarik minat warga emas terhadap aktiviti kesihatan antaranya seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Menyediakan jadual harian senaman di PAWE bagi menggalakan penuaan sihat dikalangan ahli PAWE. b) Modul Senaman Warga Emas telah diwujudkan oleh JKM pada April 2017 bersama Kementerian Kesihatan dan Kementerian Belia dan Sukan. c) Memberi penerangan dan kesedaran secara berkala berkaitan penjagaan kesihatan. <p>4. Mengikut rekod, peralatan senaman telah mula digunakan oleh 10 orang warga emas mulai April 2017. <u>(Lampiran B14)</u></p> <p>5. PAWE telah melaksanakan pembaikan semula dinding yang mengelembong akibat resapan air dan cat tertanggal dan langsir yang tercabut secara bergotong royong bersama pelatih perintah khidmat masyarakat JKM.<u>(Lampiran B15)</u></p>

PAWE BAHARU MASIH TIDAK BEROPERASI

PERENGGAN	PENEMUAN AUDIT	PENAMBAHBAIKAN
15.5.3.1. (b) (iii)	<p><u>PAWE BARU MASIH TIDAK BEROPERASI</u></p> <p>Lawatan Audit pada 17 Oktober 2016 terhadap premis sementara bagi PAWE Beaufort, Sabah mendapati PAWE tersebut masih belum beroperasi sejak penubuhannya pada bulan November 2015 serta penyelia dan pembantu penyelia juga masih belum dilantik.</p> <p>Didapati sejumlah RM15,000 telah digunakan untuk menampung perbelanjaan Jawatankuasa Pengurusan PAWE ke persidangan PAWE dan dua aktiviti gotong royong.</p> <p>Semakan Audit selanjutnya mendapati peralatan dan kelengkapan yang diterima sejak bulan Disember 2015 masih belum digunakan, tidak disimpan dengan teratur serta boleh mendedahkan kepada risiko kerosakan dan kehilangan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. PAWE Beaufort telah ditubuhkan pada tahun 2015 dengan keanggotaan seramai 7 orang ahli Jawatankuasa PAWE. Walaubagaimana pun ianya beroperasi menumpang di Pejabat Parlimen Beaufort 2015. 2. Disebabkan Pejabat Parlimen Beaufort tersebut berkongsi dengan aktiviti parlimen Beaufort ianya menyebabkan peralatan dan kelengkapan tidak mempunyai ruang yang mencukupi untuk aktiviti PAWE. 3. Oleh yang demikian, beberapa cadangan premis PAWE telah dikenalpasti oleh JKMN Sabah. Antaranya ialah kuarters kerajaan Beaufort tetapi kos pembaikan dan penyelenggaran premis terlalu besar iaitu RM200,000.00. 4. Susulan daripada itu, premis Bangunan Kebudayaan Beaufort juga dirancangkan untuk premis PAWE tetapi kurang bersesuaian kerana penempatan yang agak jauh daripada kawasan penempatan komuniti. Ini akan menyukarkan warga emas untuk hadir ke PAWE.

PAWE BAHARU MASIH TIDAK BEROPERASI

PERENGGAN	PENEMUAN AUDIT	PENAMBAHBAIKAN
15.5.3.1. (b) (iii)		<p>5. Pada 24 Ogos 2017 Pegawai Daerah Beaufort telah bersetuju untuk memberi kebenaran kepada PAWE Beaufort beroperasi di bangunan Resthouse, Beaufort. Surat pengesahan daripada Pegawai Daerah Beaufort bagi kebenaran pengoperasian PAWE di premis tersebut telah diberikan kepada JKM bertarikh 24 Ogos 2017. (<u>Lampiran B16</u>)</p> <p>6. Perlantikan Penyelia dan pembantu penyelia bagi premis baharu akan dilantik setelah PAWE Beaufort beroperasi di premis yang baharu pada Disember 2017.</p>


PAWE BAHARU MASIH TIDAK BEROPERASI

PERENGGAN	PENEMUAN AUDIT	PENAMBAHBAIKAN
15.5.3.1. (b) (iii)		<p>7. Pengoperasian PAWE telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa PAWE secara sukarela. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan oleh Ahli Jawatankuasa PAWE merupakan salah satu aktiviti PAWE iaitu</p> <ul style="list-style-type: none">i. Hadir sebagai peserta Persidangan Pemeriksaan PAWE di Kuala Lumpur selama 3 hari pada 1 hingga 3 Jun 2017.ii. Jamuan raya dan kenduri rakyat PAWE pada 29 Julai 2016iii. Gotong-royong membersihkan Sekolah Agama Pekan Beaufort bersama-sama ahli jawatankuasa PAWE pada 28 dan 29 Julai 2017. <p>Resit-resit perbelanjaan dikemukakan di <u>(Lampiran B17)</u>.</p> <p>Surat Amaran dan Peringatan telah dilikeluarkan kepada PAWE Beaufort bagi memastikan tidak berulang lagi ketidakpatuhan kepada garis panduan pada 8 Mei 2017 <u>(Lampiran B4)</u>.</p>


RUMAH SERI KENANGAN (RSK)



PERENGGAN	PENEMUAN AUDIT	PENAMBAHBAIKAN
15.5.3.1. (b) (iii)	<p>Lawatan Audit telah dibuat ke 3 RSK iaitu RSK Cheng, Melaka; RSK Bedong, Kedah; dan RSK Cheras, Selangor bagi menilai kualiti penyediaan makanan dan juga kerja pembersihan.</p> <p>Secara keseluruhannya pengurusan penyediaan makanan adalah teratur dan sistematis. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dari aspek kerja-kerja pembersihan di RSK Bedong, Kedah dan RSK Cheras, Selangor di mana pembersihan di luar bangunan belum mencapai tahap yang memuaskan kerana di beberapa lokasi rumput tidak dipotong, rumput menjalar di pagar, terdapat sampah di kawasan pembetungan dan bahan binaan bertaburan.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Tindakan serta merta telah diambil setelah perbincangan dengan syarikat kontrak yang berkuatkuasa dan bersetuju untuk membantu institusi dengan mengangkat sampah dari tong besar ke luar sebanyak 2 kali seminggu. 2. Syarat dan tanggungjawab syarikat pembersihan iaitu Syarikat Sufika Teguh Enterprise bagi mengangkut sampah dari tong sampah besar keluar sebanyak 4 kali seminggu telah disediakan di dalam kontrak baharu pembersihan yang berkuatkuasa 1 Julai 2017. (Lampiran C1)



RSK Cheras, Selangor
- Tong Sampah Berhampiran Dapur
Yang Telah Dipenuhi Sampah Dan Sisa
Makanan
24.11.2016



RSK Cheras, Selangor
- Kawasan tersebut telah dibersihkan
sehingga 3.10.2017

**SEKIAN
TERIMA KASIH**